LAPORAN TAHUNAN 2016

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA



" KEBERSAMAAN MEMERANGI RASUAH "

Konsep Ilustrasi Muka Hadapan

Tema : Kebersamaan Memerangi Rasuah

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan kes jenayah rasuah. Masyarakat dan negara meraih banyak manfaat hasil daripada penubuhan SPRM. Namun, perjuangan ini tidak membawa apa-apa kesan sekiranya tiada kebersamaan dari pelbagai pihak dan masyarakat untuk memastikan rasuah dibanteras. Justeru, kesedaran, sokongan dan peranan semua pihak amat diperlukan bagi menyokong segala aktiviti dan usaha mencapai matlamat. Isu rasuah adalah isu rakyat, menuntut setiap rakyat perlu benar-benar merasai kehadiran SPRM seolah-olah kepunyaan bersama. Di samping itu, SPRM juga mengekalkan nilai integriti dan sentiasa menjalin kemesraan dengan rakyat di sebalik ketegasannya dalam membela rakyat memerangi perasuah secara habis-habisan. Keseriusan SPRM dan masyarakat memerangi jenayah rasuah ini secara bersama dapat melahirkan urus tadbir yang baik dalam perkhidmatan kerajaan mahu pun swasta.

BAHAGIAN PENDIDIKAN MASYARAKAT
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Tel : 603 8886 7000
E-mel : info@sprm.gov.my
SMS : 019-6000 696

© HAK CIPTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
Cetakan 2017

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

RASIONAL LOGO



Emas
Melambangkan perjuangan yang paling berharga iaitu membanteras jenayah rasuah demi mencapai kejayaan yang tidak ternilai iaitu negara yang bebas rasuah.

Kuning
Melambangkan adil iaitu keadilan adalah salah satu daripada piagam pelanggan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam apa jua keputusan yang diambil tanpa mengira pangkat dan bangsa.

Biru
Mencerminkan amanah dan harmoni. Ini bermaksud bahawa di samping menguatkuasakan undang-undang, Suruhanjaya ini juga merangka dan melaksanakan kempen pencegahan rasuah melalui program-program seperti penerangan, pendidikan dan perhubungan masyarakat.

Hitam
Melambangkan kejituan dan kemantapan semangat yang padu dan perjuangan yang mpuh.

Kelabu Gelap
Warna kelabu adalah warna neutral yang terletak di antara putih dan hitam, yang melambangkan kebebasan dan ketelusan SPRM dalam usaha pembanteraSan jenayah rasuah tanpa campur tangan mana-mana pihak.

Merah
Warna merah melambangkan semangat perjuangan mempertahankan kedaulatan dan maruah negara walau terpaksa menumpahkan darah.

Putih
Melambangkan jiwa yang bersih dalam perjuangan yang suci menegakkan kebenaran dan menghapuskan kemungkaran.

Bintang (14 Bucu)
Mencerminkan kecemerlangan dan kegemilangan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan yang bebas rasuah, warganegaranya kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan serta didorong oleh tahap etika yang paling tinggi.

Bulan Sabit
Bulan sabit mencerminkan agama Islam yang juga merupakan agama rasmi negara ini. Pengetahuan agama dan ketaqwaan dapat menghindar diri daripada perbuatan rasuah.

Keris Bersilang
Melambangkan kuasa yang dimiliki oleh pegawai-pegawai SPRM seperti yang telah ditetapkan oleh undang-undang negara dalam melaksanakan tugas mencegah jenayah rasuah, sedia berjuang demi mendukung hasrat semua warga walau seribu rintangan dan cabaran, tetap mara ke hadapan.

Perisai
Melambangkan alat mempertahankan diri. Ia memberi maksud bahawa tugas risikan yang dilaksanakan dengan cekap dan berkualiti dengan identiti pemberi maklumat dirahsiakan.

Bunga Padi
Melambangkan kemajuan, kemakmuran dan kejayaan, dalam masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika. Segala aduan yang diterima akan dijalankan siasatan sewajarnya tanpa prasangka dengan amanah, tegas dan adil.

Harimau
Melambangkan keberanian dan kekuatan dalam melaksanakan segala tugas walau seribu rintangan dan cabaran tetap mara ke hadapan.

14 Jalur Putih dan Merah
Mencerminkan aktiviti pendidikan tentang rasuah dan kesan buruknya, merangkumi seluruh negeri di Malaysia.

Tulisan Jawi
سوروهنجاي ڤنچڬهن رسواه مليسيا
Melambangkan semangat mempertahankan pusaka bangsa dan khazanah negara agar dapat diwarisi oleh generasi yang akan datang.

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
Datuk Dzulkifli bin Ahmad

KETUA PENASIHAT
Dato' Hj. Shamshun Baharin bin Mohd. Jamil

PENASIHAT
Dato' Hj. Abdul Samat bin Kasah

EKSEKUTIF EDITOR
Tuan Mohamad Zaki bin Ibrahim

KETUA EDITOR
PPj. Rosdi bin Hassan

EDITOR
PPj. Shahami bin Hashim
PsK. Shazleen binti Md. Noh
PsK. Mohd. Fairul Aswan bin Salleh
PsK. Lee Cheng Teik
Ps. Faizul bin Mohd. Musa

PENYUMBANG BAHAN
Pengarah-Pengarah Bahagian/Negeri
Ps. Nurul Izra Wahida binti Abu Bakar
KPkPs. Harliza binti Abdul Hamid

SENARAI PANGKAT DALAM SPRM

KPj.	Ketua Pesuruhjaya	**PKPj.**	Penolong Kanan Pesuruhjaya	**PkPs.**	Penolong Kanan Penguasa
TKPj.	Timbalan Ketua Pesuruhjaya	**PPj.**	Penolong Pesuruhjaya	**PPs.**	Penolong Penguasa
Pj.	Pesuruhjaya	**PsK.**	Penguasa Kanan		
TPj.	Timbalan Pesuruhjaya	**Ps.**	Penguasa		
KPKPj.	Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya	**KPkPs.**	Ketua Penolong Kanan Penguasa		

KANDUNGAN

01 **PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA**

08 **MEKANISME *CHECK AND BALANCE***
- Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR)
- Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR)
- Jawatankuasa Aduan (JKA)
- Panel Penilaian Operasi (PPO)
- Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR)
- Sumbangan Pemantau Bebas

21 **MAKLUMAT KORPORAT**
- Struktur Organisasi
- SPRM Negeri
- Visi, Misi Dan Objektif
- Piagam Pelanggan, Prinsip - Prinsip SPRM, Kod Etika, Aspirasi Dan Fungsi, Strategi dan Moto

31 **PENGUATKUASAAN**
- Statistik Operasi
- Penyiasatan SPRM
- Forensik Penyiasatan SPRM
- Pendakwaan Kes Rasuah

61 **PENCEGAHAN**
- Pemeriksaan Dan Perundingan
- Pemantapan Tadbir Urus Sektor Awam
- Pengurusan Integriti Agensi

95 **PENDIDIKAN MASYARAKAT**
- Pendidikan Pencegahan Rasuah
- Komunikasi Strategik

114 **PENGANTARABANGSAAN**
- Pencapaian
- Mesyuarat, Kerjasama dan Sumbangan
- Memorandum Persefahaman

128 **PROFESIONALISME**
- Profesionalisme Tonggak Kecemerlangan
- Keselamatan
- Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
- Pemantauan dan Penyelarasan

155 **PENGURUSAN DAN KEWANGAN**
- Khidmat Pengurusan
- Kewangan dan Pembangunan

173 **LAMPIRAN**
- Senarai Carta, Rajah danJadual


SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
SPRM



PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA



PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh
Salam Perangi Rasuah

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran terhadap Allah SWT di atas segala limpah dan kurniaNya yang telah memungkinkan terhasilnya Laporan Tahunan SPRM 2016 ini. Sebagai sebuah suruhanjaya bebas yang meneraju usaha pencegahan rasuah di Malaysia, SPRM istiqamah dalam membawa obor aspirasi rakyat bagi memastikan negara Malaysia bebas daripada jenayah rasuah dan salahguna kuasa.

Rakyat merupakan aset negara yang paling bernilai. Amanah dan kepercayaan rakyat harus disanjungi dan dihormati agar rakyat terbela dan kepentingan negara terjamin. Justeru, SPRM perlu sentiasa bersama dan mendampingi rakyat bagi mendengar keluh kesah dan rintihan rakyat berhubung isu-isu rasuah yang mendesak dan menghimpit hidup mereka yang sarat dengan pelbagai kesukaran dan permasalahan. Tindakan yang pantas perlu diterjemahkan dan dilaksanakan agar nasib rakyat terbela dari isu rasuah. SPRM harus dilihat sebagai sebuah suruhanjaya yang mesra rakyat tetapi digeruni perasuah.

MESRA RAKYAT

Sepanjang tahun 2016, SPRM telah melaksanakan pelbagai program bersama rakyat bagi mengukuhkan jambatan silaturahim dan membuka ruang kepada rakyat untuk mendampingi SPRM dalam usaha memerangi rasuah.

SPRM hendaklah sentiasa kekal relevan di mata dan hati rakyat sebagai sebuah institusi pencegahan rasuah yang tidak boleh dipertikaikan komitmennya dalam memerangi rasuah sehingga ke akar umbi. Justeru SPRM perlu beranjak dari sebuah institusi yang eksklusif kepada sebuah institusi yang inklusif yang mudah diakses oleh keseluruhan rakyat tanpa mengira latar belakang agama, bangsa mahupun fahaman politiknya bagi mendapat sokongan padu yang tidak berbelah bagi dalam kebersamaan memerangi rasuah.

DIGERUNI PERASUAH

Disamping mencerminkan imej yang mesra rakyat, SPRM perlu pada masa yang sama menampilkan imej dan wajah yang digeruni perasuah. Lantaran

itu SPRM perlu tegas dalam memerangi perasuah secara habis-habisan dengan menjalankan tanggungjawabnya dengan bijaksana tanpa rasa gentar dan takut. Daripada sudut penguatkuasaan, keberadaan SPRM di lokasi-lokasi awam terutamanya di pejabat-pejabat kerajaan yang berisiko tinggi berlakunya rasuahnya perlu dirasai oleh rakyat agar wujud suasana *deterrant* serta timbul perasaan kegerunan pada perasuah-perasuah yang sentiasa menghidu peluang dan ruang bagi melakukan jenayah.

Pemerkasaan operasi penguatkuasaan yang disokong oleh pertuduhan kes di mahkamah serta penyitaaan harta-harta hasil jenayah rasuah dan salah guna kuasa juga telah berjaya memberi mesej yang cukup jelas kepada pelaku-pelaku rasuah dan mereka yang berpotensi melakukan rasuah akan keseriusan SPRM memerangi rasuah. Gerak kerja melalui program-program pendidikan masyarakat yang berimpak tinggi serta inisiatif pencegahan rasuah yang strategik antaranya dengan menempatkan pegawai SPRM di Unit Integriti Kementerian / Jabatan / Agensi kerajaan yang berisiko tinggi turut mengundang rasa gerun kepada pelaku rasuah melalui penciptaan persekitaran, suasana dan rasa sentiasa diperhati. Perkara-perkara serta inisiatif-inisiatif seumpama inilah yang dapat memastikan keberadaan SPRM sentiasa dirasai rakyat.

KEBERKESANAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Dalam usaha meningkatkan keberhasilan dalam penyiasatan, pada tahun 2016, tindakan penguatkuasaan SPRM melalui pembukaan kertas siasatan telah meningkat 0.31% kepada 985 kertas siasatan berbanding tahun sebelumnya. Sebanyak 939 tangkapan telah dibuat iaitu peningkatan sebanyak 11.65% berbanding tahun sebelumnya melibatkan 467 penjawat awam dan selebihnya melibatkan orang awam. Ini sejajar hasrat SPRM untuk meningkatkan integriti dan tadbir urus baik di sektor awam dalam menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat.

SPRM turut berbangga kerana sepanjang tahun 2016, sebanyak RM306,154,583.25 hasil rasuah telah berjaya disita dengan peningkatan sebanyak RM283,883,949.31 berbanding tahun sebelumnya. Dalam tindakan lucuthak pula, setakat tahun 2016, sebanyak RM4,950,124.22 telah berjaya dilucuthakkan, 25.7% lebih tinggi daripada tahun 2015. Kejayaan-kejayaan ini merupakan hasil usaha keras warga SPRM dalam mengekang ketirisan hasil kerajaan yang berpunca daripada kerakusan pelaku rasuah.

> "Komitmen dan ketegasan SPRM dalam menguatkuasakan undang-undang pencegahan rasuah bagi mengheret perasuah ke muka pengadilan pula digambarkan melalui peningkatan kadar pertuduhan dan sabitan kes di mahkamah. Daripada 425 kes yang telah dibicarakan di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah, sebanyak 167 kes telah selesai dibicarakan dan 145 kes telah disabitkan kesalahan mencapai tahap sabitan 87%."

SPRM terus mengambil tindakan proaktif dalam pelaksanaan penguatkuasaan dengan tindakan yang strategik yang menghasilkan kegerunan dalam kalangan pelaku rasuah melalui pelaksanaan operasi-

operasi berprofil tinggi dan berkepentingan awam. Antara operasi yang telah berjaya dilaksanakan adalah seperti pembongkaran kegiatan sindiket penyelewengan peruntukan pembangunan luar bandar melalui 'Ops Water'. Melalui operasi tersebut, SPRM telah berjaya menyita dan membekukan harta bernilai kira-kira RM114.5 juta terdiri daripada wang tunai. Selain itu, SPRM melalui 'Ops Elnino' telah berjaya membongkar penyelewengan sekurang-kurangnya RM100 juta wang kerajaan sejak tahun 2010 yang melibatkan ketirisan dana awam di Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan 'Ops Buku 5' melibatkan Pengerusi Bank Rakyat dan Pengarah Urusan Bank Rakyat melibatkan jumlah RM15 juta bagi projek biografi tokoh politik negara.

KEJAYAAN USAHA PENCEGAHAN

Pemantapan inisiatif kawalan dalaman pencegahan rasuah dalam sesebuah organisasi memainkan peranan yang amat penting dalam mempertingkatkan integriti dan kecekapan tadbir urus agensi. Komitmen yang didokong oleh semua agensi ini bagi mengekang dan seterusnya menutup ruang serta peluang berlakunya rasuah secara menyeluruh di harap akan terus menjadi nadi dalam menambah baik *governance* sesebuah organisasi, khususnya agensi-agensi kerajaan, secara efisyen dan berterusan.

SPRM dalam memperkasakan aspek tadbir urus baik sesebuah organisasi telah melaksanakan pelbagai usaha termasuk memberi khidmat pemeriksaan dan perundingan terhadap sistem dan tatacara kerja agensi, pelaksanaan Ikrar Integriti Korporat (CIP), pelaksanaan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM), pemantapan tadbir urus sektor awam melalui Jawatankuasa Integriti Tadbir Urus (JITU) dan penubuhan Unit Integriti agensi. Pencapaian pada tahun 2016 membuktikan inisiatif ini telah memberi impak yang besar kepada sistem tadbir urus negara. Sebanyak 98 Kertas Pemeriksaan telah dibuka yang melibatkan 54 agensi yang antaranya melibatkan pengurusan hasil hutan dan pembalakan, perolehan, permohonan pemilikan rumah mampu milik dan infrastuktur.

> "Sebagai bukti sokongan dan komitmen agensi awam dan swasta dalam usaha memerangi rasuah, sepanjang tahun 2016 sebanyak 404 CIP telah ditandatangani melibatkan 30 daripada sektor awam dan 374 sektor swasta. Melalui CIP agensi memberi komitmen untuk melaksanakan 10 inisiatif anti-rasuah di agensi masing-masing."

Dalam konteks mengenalpasti risiko rasuah di agensi, SPRM melalui pelaksanaan CRM telah memberi konsultasi dengan menganjurkan 37 bengkel CRM. Hasil kejayaan bengkel ini terdapat 2 agensi yang berjaya membangunkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (PPRR) yang telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Integriti Tadbir Urus Kebangsaan.

Bagi mengukuhkan sistem kawalan dalaman dan pemantapan integriti, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menetapkan sebanyak 887 agensi yang terdiri daripada Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan ditubuhkan unit integriti. Unit Integriti yang dikategorikan bertaraf risiko tinggi dan sederhana

diwakili oleh pegawai SPRM sebagai Ketua Unit Integriti dan Pegawai Unit Integriti. Sepanjang tahun tersebut, unit integriti yang ditubuhkan telah berjaya membuktikan komitmen dengan kejayaan menyelesaikan sebanyak 4,812 (90%) kes tatatertib, menerima sebanyak 5507 maklumat berkaitan rasuah, penyelewengan, salahguna kuasa dan kelemahan pentadbiran. Adalah menjadi harapan SPRM agar tahap komitmen sebegini akan dapat terus berkekalan bagi memastikan tahap integriti agensi-agensi dapat dipertingkatkan dan dipelihara.

MENYEBARLUAS PENDIDIKAN DAN SOKONGAN

Usaha pencegahan rasuah adalah satu usaha bersepadu yang melibatkan semua lapisan masyarakat, justeru pendidikan kepada masyarakat adalah amat penting agar maklumat mengenai rasuah dan keburukannya dapat disebar luas ke arah memupuk dan menyemat budaya membenci, menolak dan memerangi rasuah di dalam nilai hidup seluruh masyarakat Malaysia.

Selaras dengan tema "Kebersamaan Memerangi Rasuah" SPRM telah menganjurkan pelbagai program atau aktiviti kemasyarakatan melibatkan kumpulan pelajar, institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan, pihak swasta, syarikat berkepentingan kerajaan, badan bukan kerajaan, parti politik dan masyarakat umum.

Antara program keterlibatan berskala besar yang dilaksanakan ialah "Majlis Memperkasa Integriti Prasarana Peringkat Negara dan Antarabangsa", "Program Merakyatkan SPRM Bersama NGO" yang dilaksanakan dengan kerjasama JAKOA, BPA dan pemimpin-pemimpin orang asli di Grik, Perak yang melibatkan 500 orang peserta masing-masing dan "Konvensyen Sekretariat Pencegahan Rasuah Kali Ke-6" yang telah menghimpunkan seramai 500 orang wakil pelajar IPTA. Disamping program-program tersebut SPRM turut menganjurkan beberapa aktiviti pendidikan rasuah bersama masyarakat semasa sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2016.

PENGANTARABANGSAAN

Sementara itu di persada antarabangsa, SPRM yang mewakili Malaysia dalam *United Nations Convention Against Corruption* (UNCAC) berterusan memberikan komitmen yang padu dalam mempastikan perjalanan operasinya yang merangkumi penguatkuasaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, pelaksanaan kepelbagaian inisiatif pencegahan rasuah, kerjasama antarabangsa, pemerolehan semula harta jenayah, pemberian bantuan teknikal dan perkongsian maklumat sentiasa mematuhi piawaian antarabangsa sebagaimana yang digariskan oleh UNCAC yang mengikat obligasi negara-negara anggota.

Keterbukaan dan ketelusan SPRM di dalam melaksana dan mematuhi piawaian antarabangsa ini telah menarik minat negara-negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak tahun 2012 untuk tampil menjalankan kajian bebas penilaian pematuhan UNCAC ke atas SPRM yang akan pada Julai 2017 ini memasuki kitaran penilaian yang kedua – dengan fokus terhadap aspek-aspek `Langkah-Langkah Pencegahan (Bab II)' dan `Pemerolehan Semula Harta Jenayah (Bab V)' sebagaimana digariskan oleh UNCAC.

Keterlibatan SPRM di rantau Asia Tenggara turut dirasai melalui penglibatan aktif SPRM di dalam forum *South East Asia Parties Against Corruption* (SEA-PAC). Ia menghimpunkan 10 agensi pencegahan rasuah Asia Tenggara yang senada dan sekata

menekankan kepentingan kerjasama *multilateral* strategik dalam pembangunan kapasiti, bantuan teknikal serta perkongsian maklumat yang seiring dengan Perkara 48 UNCAC untuk saling menyokong usaha-usaha pencegahan rasuah yang komprehensif dan efektif di rantau ini khususnya dalam menangani jenayah rasuah yang bersifat dinamik, evolusi dan rentas sempadan. Usaha untuk menempatkan SEA-PAC sebagai sebuah entiti di bawah ASEAN akan dibuat pada tahun 2017 bagi menambah lakaran kejayaan dalam sejarah SEA-PAC khususnya apabila ia lahir dari suara SPRM yang bersungguh mengetengahkan usul tersebut dalam forum-forum tahunan SEA-PAC sejak tahun 2015 lagi.

Selain itu, SPRM berterusan memberikan sokongan tidak berbelah baginya kepada lain-lain inisiatif antarabangsa yang senada seperti *Anti-Corruption and Transparency Working Group (ACTWG) in Asia Pacific Economic Cooperation* (APEC), *International Association of Anti-Corruption Authorities (IAACA)*, *Asia/ Pacific Group on Money Laundering* (APG) dan *Anti-Corruption Agency (ACA)* Forum melalui penglibatan aktif dalam platform-platform perbincangan serta mesyuarat dan juga dari sudut perkongsian amalan-amalan terbaik.

Mengiktiraf kepentingan hubungan pelbagai hala dalam pengukuhan saling kebergantungan negara-negara dalam pencegahan rasuah global, SPRM telah memeterai perjanjian persefahaman dengan 14 buah negara sejak tahun 2004 yang merintis lebih banyak ruang kerjasama langsung yang mencakupi pelbagai aspek di antara SPRM dengan agensi-agensi pencegahan rasuah negara tersebut. Organisasi antarabangsa seperti INTERPOL yang beribu pejabat di Lyon, Perancis turut sama mengiktiraf kepakaran SPRM dalam pencegahan rasuah dengan menerima penempatan 2 pegawai kanan SPRM untuk berkhidmat dan berkongsi kepakaran di Pejabat Pencegahan Rasuah INTERPOL di antara tahun 2012 hingga 2016.

HASRAT DAN HARAPAN SPRM

Prestasi cemerlang SPRM sepanjang tahun 2016 sememangnya tidak akan dapat dikecapi tanpa adanya sokongan dan kerjasama padu oleh seluruh warga SPRM sambil didukungi oleh sokongan daripada segenap lapisan masyarakat. Kejayaan bersama ini juga merupakan sumbangan yang amat besar kepada negara dan generasi akan datang bagi mewujudkan persekitaran negara yang lebih bersih dan bebas daripada amalan rasuah dan salah guna kuasa. Oleh itu besarlah harapan SPRM agar masyarakat dapat terus bersama-sama SPRM dalam membudayakan nilai membenci, menolak dan memerangi rasuah.

Pembudayaan nilai membenci, menolak dan memerangi rasuah di dalam masyarakat bukanlah sesuatu usaha yang mudah namun pada masa yang sama ia bukanlah sesuatu yang mustahil. Bagi merealisasikannya, seluruh rakyat Malaysia hendaklah bermula dengan diri sendiri dan jujur dalam mendidik diri agar budaya ini dapat disemai dan menjadi amalan serta ikutan kepada generasi pelapis negara pada masa akan datang. Di pihak SPRM pula, kita akan terus mempertingkatkan usaha untuk mencegah dan memastikan penjenayah-penjenayah rasuah ini dihadapkan kemuka pengadilan.

Disamping sokongan padu masyarakat, komitmen pihak kerajaan dalam menjadikan tindakan pencegahan rasuah sebagai agenda utama negara juga amat perlu diberi perhatian. Rasuah adalah merupakan akar umbi kepada pelbagai salah laku

jenayah di negara ini, sehubungan itu, kita berharap agar pemimpin-pemimpin negara dan kerajaan yang memerintah juga dapat turut bersama dan senada dengan SPRM bagi menjadikan "Rasuah Musuh Nombor Satu Negara" bagi memastikan jenayah rasuah ini dapat ditangani secara lebih menyeluruh dan berkesan.

Akhir kata, saya berharap SPRM akan terus memperkasakan tindakan bagi merealisasikan hasrat pencegahan rasuah dengan lebih berstrategik dan melata. Saya yakin kejayaan setakat ini menunjukkan keyakinan serta sokongan tinggi masyarakat terhadap SPRM untuk mengubah identiti negara kita kepada sebuah negara yang mengamalkan budaya anti-rasuah yang tinggi dan disegani.

Datuk Dzulkifli bin Ahmad

Ketua Pesuruhjaya

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia






MEKANISME
CHECK AND BALANCE

MEKANISME *CHECK AND BALANCE*

Selaras dengan penubuhan SPRM, lima mekanisme tanggungjawab telah diwujudkan sebagai *check and balance* terhadap perjalanan SPRM dalam melaksanakan fungsi dan peranannya.

Mekanisme ini membantu memenuhi harapan masyarakat terhadap kebebasan, kecekapan, keberkesanan, ketelusan dan akauntabiliti SPRM dalam pelaksanaan kewajipan undang-undang yang telah ditetapkan. Persepsi yang positif terhadap kewibawaan SPRM dan kerajaan akan memudahkan usaha meraih sokongan dan kerjasama masyarakat dalam membanteras jenayah rasuah, salah guna kedudukan dan penyelewengan.



1 JAWATANKUASA KHAS MENGENAI RASUAH (JKMR)

AHLI-AHLI JKMR

Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) diwujudkan secara perundangan mengikut seksyen 14 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009). Ahli-ahli JKMR dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Peruntukan seksyen tersebut juga menetapkan tidak ada seorang pun Anggota Pentadbiran boleh dilantik menganggotai jawatankuasa ini.



YB TAN SRI ABU ZAHAR BIN UJANG
Pengerusi
(Yang Dipertua Dewan Negara)



YB DR. TAN SENG GIAW
Timbalan Pengerusi
(Ahli Parlimen Kepong - DAP)



YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
(Ahli Parlimen Kota Bharu - PAS)



YB DATO' IRMOHIZAM BIN IBRAHIM
(Ahli Parlimen Kuala Selangor - BN)



YB DATO' FAUZI BIN ABD RAHMAN
(Ahli Parlimen Indera Mahkota - PKR)



YB SENATOR DATUK DORIS SOPHIA ANAK BRODI
(Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara)



YB SENATOR DATUK NORAINI BINTI AHMAD
(Ahli Parlimen Parit Sulong -BN)

TERMA RUJUKAN JKMR

- Menasihati Perdana Menteri mengenai apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia.
- Memeriksa Laporan Tahunan Suruhanjaya.
- Memeriksa ulasan oleh Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah tentang perjalanan oleh Suruhanjaya akan fungsinya di bawah Akta ini.
- Mendapatkan penjelasan dan penerangan mengenai Laporan Tahunan Suruhanjaya dan ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah.

2 LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH (LPPR)

AHLI-AHLI LPPR

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) diwujudkan mengikut seksyen 13 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Ahli-ahli LPPR dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan orang yang berintegriti dan telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang atau mencapai keunggulan dalam profesion masing-masing. Ketua Pesuruhjaya SPRM dilantik sebagai anggota ex-officio sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 13(1)(b) Akta tersebut.



YM TUNKU ABDUL AZIZ BIN TUNKU IBRAHIM
(Pengerusi)



TAN SRI DATUK DR. HADENAN BIN ABDUL JALIL



TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI



TAN SRI MUSA BIN HASSAN



PROFESOR TAN SRI DATO' DZULKIFLI BIN ABDUL RAZAK



TAN SRI DATO' DR. MICHAEL YEOH OON KHENG



PROFESOR ULUNG DATUK DR. SHAMSUL AMRI BIN BAHARUDDIN



DATO' MOHD NOOR BIN ABDULLAH



DATO' HALIMAH BINTI MOHD SAID



DATUK SERI AZMAN BIN UJANG




DATUK DR. MOHD TAP BIN SALLEH



DATUK DR. HAMZAH BIN KASSIM



DATUK DAVID CHUA KOK TEE



RINGKASAN PENCAPAIAN LPPR

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) memberi perhatian sepenuhnya terhadap usaha giat SPRM meneruskan momentum transformasi sepanjang tahun 2015-2016. LPPR menyokong langkah perubahan dan penambahbaikan yang dilaksanakan untuk mengukuhkan dasar, peraturan, struktur, proses serta modal insan yang bakal melonjakkan prestasi SPRM dan memantapkan operasinya.

LPPR akur bahawa sepanjang tahun 2015-2016, SPRM telah banyak memberi tumpuan kepada tindakan menangani kes-kes yang berkait rapat dengan penglibatan orang tengah dalam beberapa sektor penting iaitu penguatkuasaan, swasta dan perolehan. Pelbagai bentuk perlakuan rasuah dan penyelewengan telah dapat dibanteras melalui tindakan SPRM.

Hasil daripada operasi yang dilaksanakan pada tahun 2016, SPRM berjaya mengekang kerugian dan ketirisan hasil kerajaan hampir lebih RM105 juta.

Tahun ini telah mencatatkan pelbagai kejayaan dan cabaran yang boleh dijadikan sebagai panduan dan hala tuju ke tahun-tahun yang seterusnya. LPPR ingin mengambil kesempatan ini untuk mengesyorkan beberapa usul bagi kepentingan SPRM dalam jangka panjang.

i. LPPR sekali lagi menekankan keperluan peruntukan satu undang-undang khas untuk menangani salah laku pegawai awam (*public misconduct*). Undang-undang ini dipercayai mampu untuk mengekang gejala salah laku penjawat awam yang sering ditegur dalam Laporan Ketua Audit Negara. Dengan adanya undang-undang seumpama ini, perlakuan berkenaan boleh diambil tindakan.

Undang-undang yang efektif adalah asas untuk menangani dan memerangi gejala rasuah. Justeru, undang-undang yang mengawal kesalahan rasuah perlu dikaji semula dari semasa ke semasa untuk memastikan kandungan undang-undang tersebut adalah terkini dan relevan. Dalam mengambil kira contoh pelaksanaan undang-undang ini di Brunei pada 22 September 2015, DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan pindaan ke atas Akta Pencegahan Rasuah (Penggal 131) untuk menangani isu penyalahgunaan kuasa dan salah laku oleh pegawai awam di Negara Brunei Darussalam. Peruntukan baru ini membolehkan tindakan-tindakan undang-undang diambil

terhadap pegawai awam yang melakukan kesalahan seperti menggunakan dana awam untuk tujuan peribadi, atau memberi layanan keutamaan yang tidak wajar dan menyalah gunakan maklumat semasa menjalankan tugas rasminya. Kesalahan-kesalahan di atas boleh dijatuhkan hukuman denda BND30,000 dan penjara selama tujuh tahun.

LPPR menyarankan tindakan segera diambil untuk merealisasikan cadangan kerana peruntukan kesalahan ini supaya tindakan undang-undang diambil terhadap pegawai-pegawai atau kakitangan kerajaan yang tidak melaksanakan kewajipan mereka mengikut komitmen undang-undang dan peraturan sedia ada.

ii. LPPR sekali lagi menggesa pembentangan segera dalam menitikberatkan cadangan meminda Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, dengan memasukkan peruntukan liabiliti korporat yang bertujuan memastikan entiti korporat bebas daripada rasuah dibuat di Parlimen memandangkan sehingga kini ia masih belum dibawa ke Parlimen dan dilaksanakan.

LPPR yakin bahawa dengan adanya peruntukan perundangan liabiliti korporat, syarikat tidak terlepas daripada kuasa penyiasatan SPRM serta pendakwaan dan hukuman kesalahan rasuah, walaupun rasuah dilakukan oleh kakitangan atau ejennya. Dengan ini SPRM dapat meluaskan kuasa pencegahan rasuah kepada sektor swasta dan tidak hanya di sektor awam.

3 JAWATANKUASA ADUAN (JKA)

AHLI-AHLI JKA

Jawatankuasa ini juga dibentuk secara perundangan mengikut seksyen 15 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan pelantikan mereka dibuat oleh Menteri.



TAN SRI DATUK AMAR WILSON BAYA DANDOT
(Pengerusi)



DATO' AHMAD BIN SAID



DATUK MUHAMMAD HATTA BIN ABD. AZIZ



PUAN HAJAH ROHANI BINTI ABDUL KADIR


TERMA RUJUKAN JKA

Mengenal pasti apa-apa kelemahan dalam tatacara kerja Suruhanjaya yang mungkin menimbulkan aduan dan jika difikirkannya sesuai untuk membuat apa-apa syor tentang tatacara kerja Suruhanjaya sebagaimana yang difikirkannya patut.

Memantau pengendalian oleh Suruhanjaya akan aduan mengenai salahlaku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai-pegawai Suruhanjaya.

RINGKASAN PENCAPAIAN JKA

Sepanjang tahun 2016, JKA telah memainkan peranan yang aktif dengan berganding bahu bersama Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme (BCP) dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti dan program-program pengukuhan integriti warga SPRM. Selain itu, JKA telah mengadakan empat kali mesyuarat bagi meneliti dan memantau pengendalian aduan salah laku pegawai SPRM yang tidak bersifat jenayah meliputi aspek penerimaan, tindakan atau siasatan dan hasil siasatan.



4 PANEL PENILAIAN OPERASI (PPO)

AHLI-AHLI PPO

Panel Penilaian Operasi (PPO) diwujudkan secara pentadbiran dan ahli-ahlinya dilantik oleh Perdana Menteri dalam kalangan mereka yang mempunyai kepakaran dan mewakili badan-badan profesional yang bersesuaian. Mereka adalah individu yang berupaya memperlihatkan ketelusan dan kebebasan tindakan yang dijalankan dan sebab sesuatu kes diperakukan untuk didakwa atau ditutup. PPO juga boleh mencadangkan kes dikaji semula sekiranya tidak berpuas hati dengan penjelasan yang dikemukakan oleh SPRM.



TAN SRI ZALEHA BINTI ZAHARI
(Pengerusi)



TAN SRI ISMAIL BIN OMAR



DATUK AZIZAN BIN ABDUL RAHMAN



PROFESOR MADYA DATO' DR. MOHAMMAD AGUS BIN YUSOFF



DATO' DR. SITI MARIAM BINTI CHE AYUB



DATUK SELVA MOOKIAH



PROFESOR DR. YAP BEE WAH




RINGKASAN PENCAPAIAN PPO

Pada tahun 2016, PPO telah memberi pandangan terhadap satu kes yang diputuskan oleh Timbalan Pendakwa Raya yang memutuskan supaya siasatan dihentikan atau disemak semula. Kes tersebut masih dalam kajian serta semakan semula keputusan oleh Bahagian Perundangan dan Pendakwaan untuk perakuan.

Sepanjang perlantikan PPO sejak tahun 2009 sehingga 2016, PPO telah memberi pandangan dan meminta sebanyak 71 kes yang telah diputuskan oleh Timbalan Pendakwa Raya dihentikan siasatan, untuk diteliti semula keputusannya. Setelah dikaji dan disemak semula oleh Bahagian Perundangan dan Pendakwaan keputusan-keputusan bagi kes-kes tersebut adalah sepertimana di **CARTA 1**.

CARTA 1: Keputusan Kajian Semula Kertas Siasatan (KS)




5 PANEL PERUNDINGAN DAN PENCEGAHAN RASUAH (PPPR)

AHLI-AHLI PPPR

Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) ini diwujudkan secara pentadbiran dan dianggotai oleh individu yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri sebagai mewakili pelbagai kumpulan masyarakat. Mereka terdiri daripada ahli akademik, dewan perniagaan, pakar media, aktivis sosial dan pertubuhan yang diyakini dapat membantu SPRM dalam mencapai matlamat mewujudkan masyarakat yang membenci rasuah di pelbagai sektor.



TAN SRI ISMAIL BIN ADAM
(Pengerusi)



PROFESOR TAN SRI DATO' DR. T. MARIMUTHU



TAN SRI TANG YEAM SOON



PROFESOR EMERITUS DATO' DR. MOHD SHAM BIN MOHD SANI



DATUK ABDUL AZIZ BIN ISHAK



DATUK HASMI BIN HASNAN



DATUK BALJIT SINGH SIDHU



DATUK MD. YUSOF BIN MD. HASLAM KHAN



DATO' WAN MOHAMAD BIN DATO' SHEIKH ABDUL AZIZ



DATO' V. DANAPALAN



PROFESOR DATIN DR. AMLA BINTI HJ. MOHD SALLEH



DATO' DR. NASHARUDIN BIN MAT ISA



PROFESOR DR. MOHAMED HATTA BIN SHAHAROM


TERMA RUJUKAN
PPPR
Menasihati Suruhanjaya bagi meningkatkan keberkesanan aktiviti pemeriksaan dan perundingan terhadap amalan, sistem dan tatacara kerja di sektor awam dan swasta yang membuka ruang dan peluang perlakuan jenayah rasuah.
Menasihati Suruhanjaya bagi meningkatkan keberkesanan aktiviti pendidikan masyarakat ke arah meningkatkan kesedaran tentang jenayah rasuah dan sokongan terhadap usaha pencegahan rasuah.
Menasihati Suruhanjaya bagi meningkatkan keberkesanan aktiviti pencegahan rasuah melalui mekanisme pengukuhan integriti dalam sektor awam dan sektor swasta.
Menasihati Suruhanjaya tentang amalan-amalan baik (*best practices*) dalam bidang-bidang yang berkaitan dalam pelaksanaan aktiviti perundingan dan pencegahan rasuah.
Membantu Suruhanjaya sebagai *key communicator* dalam meraih sokongan masyarakat, pihak media dan sektor-sektor yang dikenal pasti terhadap usaha-usaha pencegahan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya.
Mengemukakan ulasannya tentang perjalanan oleh Suruhanjaya akan fungsi perundingan dan pencegahan rasuah di bawah Akta SPRM 2009 kepada Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah.

PANEL PERUNDINGAN DAN PENCEGAHAN RASUAH (PPPR)

PPPR bermesyuarat secara berkala dalam melaksanakan peranannya sebagai pemantau dan penasihat kepada SPRM. Isu semasa rasuah dibincangkan dan cadangan diberikan kepada SPRM untuk penambahbaikan aktiviti pencegahan rasuah dan kempen pendidikan kepada masyarakat.


Selaras dengan terma rujukannya, PPPR turut memperakukan hasil pemeriksaan SPRM bagi menambah baik sistem dan prosedur sektor awam dan swasta bagi tahun 2016. PPPR telah memperakukan dua laporan pemeriksaan iaitu berhubung pengurusan pengeluaran dan penguatkuasaan bahan galian (bauksit) di Negeri Pahang dan pengeluaran lesen kenderaan motor/LKM (disk cukai jalan) oleh JPJ serta kawalan kemasukan kenderaan dari Singapura untuk tujuan pengklonan.

Selain itu, sumbangan PPPR dalam aktiviti pendidikan dan pencegahan rasuah adalah seperti berikut:

Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2016	**Buku Koleksi Artikel PPPR**	**Mempromosi agenda pencegahan rasuah di media**	**Sokongan dalam kempen SPRM**
PPPR bukan hanya sebagai penasihat kepada program ini, malah turut terlibat sebagai penggerak utama dalam forum dan sesi dialog yang diadakan.	**Hasil inisiatif ahli PPPR sesi 2015/2016, sebuah buku koleksi artikel berkaitan isu-isu rasuah berjaya diterbitkan.**	***Public Service Announcement***	**Sebagai tanda sokongan kepada SPRM, ahli PPPR terlibat dalam beberapa program pencegahan rasuah,**
Dua ahli PPPR iaitu Tan Sri Ismail Adam Dato' Dr. Nasharudin Mat Isa bertindak sebagai ahli panel dan moderator bagi program yang diadakan.	**Buku ini menghimpunkan 39 artikel tulisan ahli PPPR sebagai rujukan masyarakat umum.**	**Dato' Md Yusuf Md Haslam muncul dalam iklan pendek (*public service announcement*) yang disiarkan di stesen TV AlHijrah.**	**Antaranya Majlis Memperkasa Integriti Prasarana di Peringkat Negara dan Antarabangsa, Hari Integriti Kementerian Kewangan Malaysia, dan Corporate Integrity Pledge Conference 2016.**

Sebagai penasihat kepada SPRM, PPPR mengemukakan cadangan agar pembaharuan dibuat dalam aspek undang-undang dan pentadbiran SPRM. Bagi pembaharuan undang-undang, PPPR menyokong sepenuhnya cadangan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang untuk memperkasakan SPRM dan usaha pencegahan rasuah di negara ini. Pindaan-pindaan tersebut merangkumi pelantikan Ketua Pesuruhjaya melalui Perlembagaan Persekutuan, penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah, peruntukan mengenai kesalahan liabiliti korporat, dan peruntukan mengenai kesalahan salah laku pegawai awam.

PPPR turut mencadangkan agar beberapa pembaharuan pentadbiran dibuat seperti berikut:



SUMBANGAN PEMANTAU BEBAS

Pembentukan lima entiti bebas yang memantau dan memperakukan pelbagai bentuk cadangan penambahbaikan ke atas keseluruhan sistem pengoperasian SPRM telah memperlihatkan keberkesanannya dalam aspek mempertingkatkan kecekapan, keberkesanan dan ketelusan tindakan SPRM. Kewujudan lima entiti bebas ini sebagai mekanisme "*check and balance*" mula mendapat perhatian masyarakat khususnya dalam menjadikan SPRM sebagai sebuah Suruhanjaya yang benar-benar bebas, telus dan profesional.

Persepsi yang positif terhadap kewibawaan SPRM akan memudahkan usaha meraih sokongan dan kerjasama masyarakat dalam membanteras jenayah rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan di negara ini.

Keanggotaan badan bebas ini mewakili orang awam yang terdiri daripada ahli-ahli politik (kerajaan dan pembangkang), bekas pegawai-pegawai kanan kerajaan, golongan profesional daripada kalangan ahli perniagaan dan sektor korporat, ahli akademik, peguam dan individu-individu yang dihormati dan berintegriti.

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) dan Jawatankuasa Aduan (JA) ditubuhkan masing-masing di bawah seksyen 13 - 15 Akta SPRM 2009. Akta berkenaan menggariskan kuasa dan tanggungjawab, terma-terma rujukan secara amnya.



MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUSAN TERTINGGI
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2016



(Hingga 31.07.2016)

Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



Dato' Sri Haji Mohd Shukri bin Abdull
Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Operasi)
Kursus:
01.08.2016-03.10.2016
(Hingga 03.10.2016)



Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali
Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Pencegahan)
(Hingga 31.07.2016)



Dato' Sri Mohd Jamidan bin Abdullah
Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Pengurusan dan Profesionalisme)

PENGURUSAN TERTINGGI
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2016



(Mulai 01.08.2016)

Datuk Dzulkifli bin Ahmad
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



Dato' Haji Azam bin Baki
Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Operasi)
Menjalankan Tugas TKP (O):
01.08.2016-03.10.2016
(Mulai 04.10.2016)



Dato' Sri Mohd Jamidan bin Abdullah
Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Pengurusan dan Profesionalisme)



Dato' Haji Shamshun Baharin bin Mohd Jamil
Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Pencegahan)
Menjalankan Tugas TKP (P):
01.08.2016-03.10.2016
(Mulai 04.10.2016)

STRUKTUR ORGANISASI SPRM 2016




Ketua Pesuruhjaya
Datuk Dzulkifli bin Ahmad
(Mulai 01.08.2016)



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi)
Dato' Haji Azam bin Baki
(Mulai 04.10.2016)



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme)
Dato' Sri Mohd Jamidan bin Abdullah



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan)
Dato' Haji Shamshun Baharin bin Mohd Jamil
(Mulai 04.10.2016)



Pengarah Bahagian Siasatan
Pj Dato' Haji Azam bin Baki
(Hingga 31.07.2016)



Pengarah Bahagian Siasatan
TPj Dato' Sazali bin Salbi
Menjalankan Tugas
(Mulai 04.10.2016)



Pengarah Bahagian Operasi Khas
Pj Dato' Haji Bahri bin Mohamad Zain
(Hingga 30.12.2016)



Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia
TPj Dato' Abdul Wahab bin Abdul Aziz
(Hingga 30.11.2016)



Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia
TPj Dato' Norazlan bin Mohd Razali
(Mulai 01.12.2016)



Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
Tuan Pauzan bin Ahmar



Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan
TPj Dato' Haji Mohamad Yusoff bin Akope



Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat
Pj Dato' Haji Shamshun Baharin bin Mohd Jamil
(Hingga 03.10.2016)



Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat
TPj Dato' Haji Abdul Samat bin Kasah
(Mulai 04.10.2016)



Pengarah Bahagian Perundangan dan Pendakwaan
Datuk Umar Saifuddin bin Jaafar
(Hingga 31.08.2016)



Pengarah Bahagian Perundangan dan Pendakwaan
Dato' Masri bin Mohd. Daud
(Mulai 01.09.2016)



Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan
Pj Dato' Sri Haji Ahmad Khusairi bin Yahya
(Hingga 31.01.2016)



Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan
TPj Dato' Idris bin Zaharudin
(01.02.2016)

SPRM NEGERI



Pengarah Bahagian Perisikan
KPKPj Dato' Sok One a/l Esen
Menjalankan Tugas
(Hingga 01.03.2016)



Pengarah Bahagian Perisikan
TPj Dato' Hishamuddin bin Hashim
(Hingga 14.08.2016)



Pengarah Bahagian Perisikan
Pj Dato' Sri Haji Ahmad Khusairi bin Yahya
Mulai 15.08.2016)



Pengarah Bahagian Forensik
Datuk Gnanachandran a/l S. Ayadurai
(Hingga 30.11.2016)



Pengarah Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat
KPKPj Dato' Haji Nor Azmi bin Karim



Pengarah Bahagian Kewangan, Akaun dan Pembangunan
Tuan Mohd Kamal bin Husin



Pengarah Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme
TPj Dato' **Haji** Wan Ramli bin Wan Abdullah
(Hingga 31.03.2016)



Pengarah Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme
KPKPj Wan Yusoff bin Wan Ibrahim
(Hingga 14.12.2016)



Pengarah Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme
KPKPj Ramli bin Ismail
(Mulai 15.12.2016)



Pengarah Bahagian Keselamatan
KPKPj Dato' Haji Alias bin Salim



Pengarah Bahagian Urus Tadbir Sektor Awam
TPj Junipah binti Wandi
(Hingga 14.03.2016)



Pengarah Bahagian Urus Sektor Awam
KPKPj. Dato' Zainul bin Darus
(Mulai 01.04.2016)



Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi
TPj Dato' Norazlan bin Mohd Razali
(Hingga 14.03.2016)



Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi
TPj Junipah binti Wandi
(Mulai 15.03.2016)



Pengarah Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan
KPKPj Dato' Haji Muhammad Salim Sundar bin Abdullah
(Hingga 14.08.2016)



Pengarah Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan
KPKPj **Haji** Mohamad Fauzi bin Husin)
(Mulai 15.08.2016)



Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik
TPj Dato' Haji Abdul Samat bin Kasah
(Hingga 03.10.2016)



Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik
KPKPj Ismajuri bin Ismail
(Mulai 04.10.2016)

PENGARAH SPRM NEGERI 2016



Pengarah SPRM Pahang
KPKPj Dato' Zainul bin Darus
(Hingga 31.03.2016)



Pengarah SPRM Pahang
TPj Dato' Haji Wan Ramli bin Wan Abdullah
(Hingga 30.11.2016)



Pengarah SPRM Pahang
TPj Dato' Tan Kang Sai
(Mulai 01.12.2016)



Pengarah SPRM Perak
TPj Dato' Hajah Nooraziah binti Abd Manaf



Pengarah SPRM Terengganu
KPKPj Hairuzam bin Mohamad Amin
Menjalankan Tugas
(Hingga 14.03.2016)



Pengarah SPRM Terengganu
KPKPj P.Ganason a/l S.Periathambhy
(Mulai 15.03.2016)



Pengarah SPRM Johor
KPKPj Dato' Haji Azmi bin Alias
(Hingga 14.03.2016)



Pengarah SPRM Johor
Pj Dato' Simi bin Abdul Ghani
(Mulai 15.03.2016)



Pengarah SPRM Negeri Sembilan
TPj Dato' Shaharom Nizam bin Abd Manap
(Hingga 31.03.2016)



Pengarah SPRM Negeri Sembilan
KPKPj Dato' Rohaizad bin Yaacob
(Mulai 01.04.2016)



Pengarah SPRM Kuala Lumpur
TPj Dato' Haji Hasan bin Yahaya
(Hingga 31.01.2016)



Pengarah SPRM Kuala Lumpur
Pj Dato' Sri Haji Ahmad Khusairi bin Yahya
(Hingga 14.08.2016)



Pengarah SPRM Kuala Lumpur
TPj Dato' Han Chee Rull
(Mulai 15.08.2016)



Pengarah SPRM Kelantan
TPj Datuk Haji Abd. Aziz bin Aban
(Hingga 14.03.2016)



Pengarah SPRM Kelantan
TPj Dato' Haji Moh. Shamsudin bin Yusof
(Mulai 15.03.2016)



Pengarah SPRM Pulau Pinang
TPj Dato' Samarajoo a/l Manikam
(Hingga 21.08.2016)



Pengarah SPRM Pulau Pinang
TPj Dato' Haji Abd Aziz bin Aban
(Mulai 22.08.2016)



Pengarah SPRM Kedah
KPKPj Dato' Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohamad



Pengarah SPRM Selangor
Pj Dato' Simi bin Abdul Ghani
(Hingga 14.03.2016)



Pengarah SPRM Selangor
TPj Dato' Norazlan bin Mohd Razali
(Hingga 30.11.2016)



Pengarah SPRM Selangor
TPj Dato' Haji Wan Ramli bin Wan Abdullah
(Mulai 01.12.2016)



Pengarah SPRM Melaka
KPKPj Ramli bin Ismail
(Hingga 14.03.2016)



Pengarah SPRM Melaka
KPKPj Dato' Haji Azmi bin Alias
(Mulai 15.03.2016)



Pengarah SPRM Sabah
TPj Dato' Hishamuddin bin Hashim
(Hingga 31.01.2016)



Pengarah SPRM Sabah
TPj Dato' Shaharom Nizam bin Abd Manap
(Mulai 01.02.2016)



Pengarah SPRM Putrajaya
TPj Dato' Haji Moh. Shamsudin bin Yusof
(Hingga 14.03.2016)



Pengarah SPRM Putrajaya
TPj Dato' Haji Abd Aziz bin Aban
(Hingga 14.08.2016)



Pengarah SPRM Putrajaya
KPKPj Ruslan bin Che Ahmad
(Mulai 15.08.2016)



Pengarah SPRM Sarawak
TPj Dato' Badrul Shah bin Norman



Pengarah SPRM Perlis
PPj Yaacob bin Angah



Pengarah SPRM Labuan
PPj Abu Talib bin Othman



Pendidikan
- Mendidik orang ramai agar menentang rasuah.
- Mendapat dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

Pencegahan
- Mengesan risiko rasuah dalam amalan, sistem dan prosedur.
- Memberi khidmat nasihat untuk menutup ruang dan peluang rasuah.


Penguatkuasaan
- Mengesan kesalahan rasuah.
- Menyiasat kesalahan rasuah.

STRATEGI SPRM

Strategi serampang tiga mata yang diadaptasikan oleh SPRM adalah berdasarkan kepada seksyen 7 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) .

FUNGSI SPRM

MENGESAN & MENYIASAT	MENERIMA & MENIMBANGKAN, MENYIASAT APA-APA ADUAN	MENGARAHKAN, MENASIHATI & MEMBANTU MANA-MANA ORANG	MENELITI AMALAN, SISTEM DAN TATACARA BADAN-BADAN AWAM	MENASIHATI KETUA BADAN-BADAN AWAM TENTANG APA-APA PERUBAHAN DALAM AMALAN, SISTEM ATAU TATACARA	MENDIDIK ORANG RAMAI	MEMELIHARA & MENDAPATKAN SOKONGAN ORANG RAMAI
Apa-apa percubaan, komplot, kesalahan yang disyaki di bawah ASPRM 2009.	Mengenai pelakuan kesalahan di bawah ASPRM 2009 & mana-mana aduan itu sebagaimana yang difikirkan praktik oleh Ketua Pesuruhjaya atau pegawai-pegawai itu.	Atas permintaan orang itu, tentang cara-cara bagaimana rasuah dapat dihapuskan oleh orang itu.	Demi memudahkan penemuan kesalahan di bawah ASPRM 2009 & kajian semula amalan, sistem/ tatacara pada pendapat Ketua Pesuruhjaya mungkin membawa kepada rasuah.	Sebagai mana yang difikirkan perlu oleh Ketua Pesuruhjaya dan sesuai dengan penunaian kewajipan badan-badan awam itu untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya rasuah.	Menentang rasuah.	Dalam memerangi rasuah.



- Mewujudkan masyarakat Malaysia yang bebas daripada rasuah.
- Menjadikan SPRM agensi pencegahan rasuah bertaraf dunia.

- Menerajui usaha pencegahan rasuah di Malaysia.
- Menjadikan SPRM sebagai organisasi yang dinamik dan progresif melalui pembangunan kapasiti dan kapabiliti yang berterusan.



- Membanteras segala bentuk rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan secara berterusan.

KOD ETIKA SPRM

01	Memastikan segala arahan dilaksanakan segera dengan penuh ketaatan dan komitmen selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip agama serta undang-undang dan peraturan yang diguna pakai.
02	Berusaha meningkatkan lagi kecekapan, profesionalisme dan kecemerlangan diri melalui ilmu pengetahuan dan amalan secara berterusan.
03	Bertindak secara amanah, tegas, bijaksana, benar dan telus tanpa mementingkan keuntungan peribadi, atau apa-apa balasan.
04	Gigih dan positif menghadapi cabaran, berobjektif dan realistik.
05	Mendisiplinkan diri untuk menegakkan amalan baik dan mencegah kemungkaran.
06	Bersyukur dan berazam untuk meningkatkan kejayaan dan integriti.
07	Memelihara kerahsiaan maklumat jabatan.

PIAGAM PELANGGAN SPRM

Maklumat dan identiti pemberi maklumat dirahsiakan mengikut undang-undang yang berkuat kuasa.

Keputusan Tapisan Keutuhan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja.


Pengadu boleh mengetahui status siasatan ke atas aduannya selepas 28 hari bekerja.



Mendidik masyarakat dalam memerangi rasuah.

Bertindak ke atas aduan berunsur rasuah dalam tempoh 24 jam selepas aduan diterima.


Mendapatkan dan memelihara sokongan masyarakat dalam usaha pencegahan rasuah.



PENGUATKUASAAN

1 STATISTIK OPERASI

CARTA 2 : Punca Penerimaan Maklumat Tahun 2016



PUNCA MAKLUMAT

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 6,551 maklumat telah diterima oleh pihak SPRM daripada pelbagai punca. Statistik menunjukkan maklumat yang diterima oleh Pegawai SPRM sendiri (termasuk pegawai SPRM yang ditempatkan di Unit Integriti Agensi Luar) mencatat jumlah tertinggi iaitu sebanyak 2,836, iaitu 43.29% daripada keseluruhan maklumat diterima. Ini diikuti oleh maklumat yang berpunca dari pengadu datang sendiri dan surat diterima dari individu yang mana masing-masing mencatat 1,539 atau 23.49% dan 1,325 atau 20.23% daripada keseluruhan maklumat yang diterima. Punca keseluruhan maklumat yang diterima oleh SPRM sepanjang tahun 2016 adalah sebagaimana di **CARTA 2.**

KATEGORI MAKLUMAT

Daripada 6,551 jumlah keseluruhan maklumat yang diterima sepanjang tahun 2016, sebanyak 3,417 atau 52.16% maklumat dikategorikan sebagai berunsur rasuah manakala 3,134 atau 47.84% maklumat dikategorikan sebagai tidak berunsur rasuah. Pecahan penerimaan maklumat mengikut kategori sepanjang tahun 2015 dan 2016 adalah seperti yang dipaparkan dalam **JADUAL 1.**

Jumlah maklumat yang diterima sepanjang tahun 2016 menunjukkan peningkatan sebanyak 208 atau 3.18 peratus maklumat berbanding tahun sebelumnya.


JADUAL 1 : Jumlah Maklumat diterima Tahun 2016

Bil.	Kategori Maklumat	2015	2016	Perbezaan Maklumat yang Diterima
1	Berunsur Rasuah	2,892 (45.59%)	3,417 (52.16%)	**525**
2	Tidak Berunsur Rasuah	3,451 (54.41%)	3,134 (47.84%)	**-(317)**
Jumlah		**6343**	**6551**	**208 (3.18%)**

TINDAKAN TERHADAP MAKLUMAT

Sepanjang tahun 2016, SPRM telah membuka 985 Kertas Siasatan (KS), 985 Kertas Penyiasatan Awal (KPA) dan 186 Kertas Risik (KR) serta melaksanakan 1,261 tindakan operasi lain ke atas keseluruhan 3,417 maklumat berunsur rasuah yang diterima. Statistik menunjukkan terdapat peningkatan sebanyak tiga (0.31%) KS, 252 (34.38%) KPA, dan 286 (29.33%) tindakan operasi lain berbanding tahun sebelum. Manakala terdapat penurunan sebanyak 16 (7.92%) peratus KR berbanding tahun 2015. Perbandingan tindakan yang diambil oleh pihak SPRM terhadap maklumat berunsur rasuah pada tahun 2015 dan 2016 adalah sebagaimana **CARTA 3.**

CARTA 3: Perbandingan Tindakan Terhadap Maklumat Berunsur Rasuah Tahun 2015 dan 2016



PEMBUKAAN KERTAS SIASATAN MENGIKUT JENIS KESALAHAN

Daripada 985 KS yang dibuka pada tahun 2016, sebanyak 329 (33.40%) KS melibatkan kesalahan menerima rasuah, 142 (14.42%) KS melibatkan kesalahan memberi rasuah, 367 (37.26%) KS kesalahan mengemukakan tuntutan palsu, 89 (28.99%) KS kesalahan salah guna jawatan/ kedudukan manakala 58 (5.89%) KS dibuka melibatkan lain-lain kesalahan.

Berdasarkan statistik yang dipaparkan dalam **JADUAL 2** terdapat peningkatan sebanyak 126 (52.28%) KS melibatkan kesalahan mengemukakan tuntutan palsu dan 20 (28.99%) KS melibatkan kesalahan salah guna jawatan/ kedudukan. Manakala terdapat penurunan sebanyak 72 (17.96%) KS bagi kesalahan menerima rasuah, 12 (30.77%) KS bagi pengubahan wang haram dan 45 (59.21%) KS melibatkan lain-lain kesalahan pada tahun 2016 berbanding tahun 2015. Untuk kesalahan memberi rasuah sebanyak 142 KS telah dibuka tahun 2016 berbanding 156 KS pada tahun sebelumnya. Penurunan adalah sebanyak 14 (8.97%) KS.

JADUAL 2: Pembukaan Kertas Siasatan Mengikut Jenis-jenis Kesalahan Tahun 2015 dan 2016

Bil.	KERTAS SIASATAN	2015	2016	PERBEZAAN (+/-)
1	 Menerima Rasuah	401	329 33.40%	-(72) 17.96%
2	 Memberi Rasuah	156	142 14.42%	-(14) 8.97%
3	 Tuntutan Palsu	241	367 37.26%	+(126) 52.28%
4	 Salah Guna Jawatan / Kedudukan	69	89 9.03%	+(20) 28.99%
5	 Pengubahan Wang Haram	39	27 2.74%	-(12) 30.77%
6	 Lain-lain	76	31 3.15%	-(45) 59.21%
	JUMLAH	982	985	3 (0.31%)

TANGKAPAN

Sepanjang tahun 2016, SPRM telah melaksanakan sejumlah 939 tangkapan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 467 (49.73%) tangkapan ke atas penjawat awam daripada pelbagai kategori. Manakala 472 (50.27%) tangkapan melibatkan individu awam, pihak swasta dan lain-lain kategori. Daripada 467 tangkapan ke atas penjawat awam, tujuh tangkapan melibatkan pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi, 119 tangkapan ke atas pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesionalisme manakala baki 341 tangkapan adalah daripada kalangan Kumpulan Pelaksana.

Terdapat peningkatan sebanyak 98 (11.65%) tangkapan telah dilaksanakan oleh SPRM pada tahun 2016 jika dibandingkan dengan sejumlah 841 tangkapan pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini melibatkan 69 tangkapan ke atas penjawat awam dan 29 tangkapan ke atas individu awam dan lain-lain. Perincian tangkapan mengikut kategori tangkapan bagi tahun 2015 hingga 2016 adalah sepertimana di **JADUAL 3**.

JADUAL 3: Perbandingan Tangkapan Berdasarkan Kategori Perjawatan Tahun 2015 dan 2016

BIL.	KATEGORI	2015	PERATUSAN (%)	2016	PERATUSAN (%)
1	**PENJAWAT AWAM**	**398**	**47.32**	**467**	**49.73**
	1.1 Pengurusan Tertinggi	9		7	
	1.2 Pengurusan dan Profesional	82		119	
	1.3 Pelaksana	307		341	
2	**AWAM**	**443**	**52.68**	**472**	**50.27**
	2.1 Swasta	127		210	
	2.2 Individu	316		239	
	2.3 Lain-lain	0		23	
	JUMLAH	**841**	**100.00**	**939**	**100.00**

JADUAL 4: Perbandingan Tangkapan Mengikut Jenis Kesalahan Tahun 2015 dan 2016

PECAHAN IKUT JENIS KESALAHAN					
		2015		2016	
BIL	KESALAHAN	JUMLAH	PERATUS (%)	JUMLAH	PERATUS (%)
1	Menerima rasuah	449	53.39	462	49.20
2	Memberi rasuah	193	22.95	192	20.45
3	Tuntutan palsu	108	12.84	205	21.83
4	Salah guna kedudukan	24	2.85	28	2.98
5	Pengubahan wang haram	8	0.95	25	2.66
6	Lain-lain kesalahan	59	7.02	27	2.88
JUMLAH		**841**	**100.00**	**939**	**100.00**

Berdasarkan statistik dalam **JADUAL 4**, tangkapan yang melibatkan kesalahan menerima rasuah menyumbang kepada 49.20% atau 462 tangkapan daripada keseluruhan tangkapan pada tahun 2016. Ini diikuti dengan tangkapan sebanyak 205 (21.83%) untuk kesalahan tuntutan palsu. Terdapat peningkatan yang signifikan sebanyak 97 tangkapan atau 89.81% berbanding 108 tangkapan ke atas kesalahan yang sama pada tahun 2015.

Tangkapan yang melibatkan kesalahan memberi rasuah sebanyak 192 (20.45%), salah guna jawatan/ kedudukan 28 (2.98%), lain-lain kesalahan 27 (2.88%) dan pengubahan wang haram sebanyak 25 (2.66%).

TAPISAN KEUTUHAN

SPRM dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tapisan keutuhan berdasarkan Pekeliling Am Sulit Bil. 1 Tahun 1985. Dalam Pekeliling itu, tapisan keutuhan dikemukakan kepada SPRM bertujuan untuk kelulusan sebelum suatu urusan seperti kenaikan pangkat, persaraan pilihan, penganugerahan pingat persekutuan dan negeri boleh dipertimbangkan. Manakala, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13 Tahun 2012 menetapkan agar urusan Penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang (PPC) anggota Perkhidmatan Awam perlu melalui proses tapisan keutuhan yang sama. Melalui arahan dalaman, pihak Kementerian Kewangan juga telah menetapkan bahawa pelantikan Pengerusi, Pengarah Urusan, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ahli Lembaga Pengarah perlu melaksanakan tapisan SPRM supaya hanya calon yang berintegriti dilantik memimpin syarikat-syarikat berkepentingan. Kebelakangan ini terdapat kecenderungan pihak swasta turut mengguna pakai khidmat tapisan keutuhan kendalian SPRM bagi tujuan pelantikan pegawai-pegawai kanan di syarikat masing-masing.

Pengurusan tapisan keutuhan oleh SPRM dilaksanakan menggunakan Sistem Tapisan Keutuhan (eSTK). Sistem ini membolehkan pengurusan tapisan keutuhan dilaksanakan secara *online* (atas talian). Kaedah ini lebih mudah, cepat, telus dan sistematik selaras dengan hasrat SPRM untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna-pengguna eSTK.

Sepanjang tahun 2016 SPRM telah menerima sebanyak 35,864 permohonan (melibatkan 186,222 penama) daripada pelbagai jenis tapisan berbanding 30,143 permohonan (melibatkan 160,497 penama) pada tahun 2015. Jumlah tersebut meningkat sebanyak 5,721 (18.98%) permohonan berbanding tahun 2015. Perbandingan jenis tapisan keutuhan mengikut ketegori bagi tahun 2015 dan 2016 adalah sebagaimana dalam **JADUAL 5.**

JADUAL 5: Perbandingan permohonan Tapisan Keutuhan Tahun 2015 Dan 2016

BIL	JENIS TAPISAN	BILANGAN PERMOHONAN		PERBEZAAN (+/-)
		2015	2016	
1	Kenaikan Pangkat	20,209	23,742	+ 3,533
2	Persaraan pilihan	5,998	7,069	+ 1,071
3	Tapisan Am	2,440	3,596	+ 1,156
4	Pingat Persekutuan	135	195	+ 60
5	Pingat Negeri	1,182	1,151	-31
6	Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)	179	111	-68
JUMLAH		**30,143**	**35,864**	**5,721 (18.98%)**

Berdasarkan Piagam Pelanggan SPRM dan arahan yang berkuatkuasa, pengurusan sesuatu tapisan hendaklah diselesaikan dalam tempoh 14 hari. Sungguhpun begitu, pengurusan tapisan melalui eSTK telah berjaya mempercepatkan tempoh tersebut dengan mendadak. Berdasarkan statistik yang dijana melalui eSTK, tidak terdapat sebarang permohonan tapisan yang diurus melebihi tempoh yang ditetapkan sejak tahun 2014.

Tempoh tapisan telah dapat diurus dengan teratur pada tahun 2016 di mana 35,835 (99.65%) permohonan telah berjaya diurus dalam tempoh tiga hari berbanding 29,023 (96.85%) permohonan pada tahun 2015. Secara keseluruhannya 100% permohonan berjaya diurus dalam tempoh tujuh hari. Perbandingan tempoh pengurusan tapisan keutuhan adalah

TEMPOH PROSES	PERMOHONAN 2015	PERMOHONAN 2016	PERBEZAAN %(+/-)
1 - 3 hari	29,023 (96.85%)	35835 (99.65%)	2.80
4 - 7 hari	910 (3.04%)	127 (0.35%)	-2.68
8 - 10 hari	34 (0.11%)	0 (0%)	-0.11
11 - 12 hari	1 (0%)	0 (0%)	0
13 - 14 hari	0 (0%)	0 (0%)	0
JUMLAH	**29,968**	**35,962**	

sebagaimana di **JADUAL 6.**

2 KEJAYAAN OPERASI SPRM

Sepanjang tahun 2016, tindakan siasatan yang diterajui oleh Bahagian Siasatan, Bahagian Operasi Khas, Bahagian Perisikan, Bahagian Forensik Akaun serta SPRM Negeri berjaya menumpaskan sindiket jenayah rasuah dan salahguna kuasa. Sebanyak 985 Kertas Penyiasatan Awal dan 985 Kertas Siasatan telah dibuka pada tahun 2016. Tindakan siasatan yang menggunakan kaedah Pengurusan Penyiasatan Berpasukan (*Managing Team Based Investigation – MTI*) terbukti berkesan dan berjaya menghasilkan Kertas Siasatan yang berkualiti dan tempoh penyiapan yang lebih cepat walaupun melibatkan kes-kes yang kompleks.

Selain daripada itu, komitmen dan kerjasama yang baik antara Bahagian dan Negeri membolehkan operasi siasatan dijalankan dengan jayanya melalui operasi-operasi yang berjaya disempurnakan pada tahun 2016.

OPS WATER

28 INDIVIDU DITAHAN

Seramai 28 individu ditahan melibatkan seorang bekas pengarah, dua bekas timbalan pengarah, 23 jurutera dan juruteknik serta dua orang awam yang mempunyai kaitan dengan kes.

200 SAKSI

200 orang saksi telah berjaya dirakam pertanyaan bagi melengkapkan proses siasatan.

30 LOKASI

Melibatkan 30 lokasi di daerah-daerah di Sabah termasuk Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan dan Lahad Datu.

137 PEGAWAI

Jumlah pegawai SPRM yang terlibat dalam Operasi ini ialah seramai 137 orang.

RM 114.5 JUTA

Menyita dan membekukan harta bernilai kira-kira RM114.5 juta terdiri daripada wang tunai, akaun bank, amanah saham serta aset-aset alih dan tidak alih di dalam dan di luar negara.

35 PERTUDUHAN

3 individu telah dituduh di mahkamah sesyen Kota Kinabalu di bawah seksyen 4 (1) (B) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Akta Pembiayaan Anti-Keganasan 2001 membabitkan sejumlah 35 pertuduhan.


8000 BAUCAR

Melakukan analisis terhadap 8000 baucar pembayaran mulai dari tahun 2008 sehingga tahun 2016 yang melibatkan sejumlah 12 tan dokumen yang dirampas.









OPS EL NINO

SASARAN



Sindiket penyelewengan dana di Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang menyebabkan kerajaan mengalami kerugian lebih kurang RM100 juta.

KEJAYAAN

Seramai 12 orang telah ditangkap termasuk seorang pegawai kanan kementerian berjawatan Setiausaha Bahagian (SUB).

SPRM turut membekukan sejumlah 69 akaun bank bernilai RM8.33 juta dan menyita rumah, kenderaan-kenderaan mewah, barang-barang kemas, foto hiasan, beg-beg tangan berjenama dan lain-lain. Hasil siasatan menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya RM100 juta wang kerajaan telah diselewengkan sejak tahun 2010.

Pada 31 Mac 2016, Othman Arshad, SUB Kewangan KBS telah didakwa di Mahkamah Seksyen Khas Rasuah Kuala Lumpur dengan 32 pertuduhan salahguna kedudukan mengikut seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan membuat tuntutan palsu membabitkan nilai RM38.4 juta mengikut Seksyen 18 Akta yang sama.

Pada 21 April 2016, beliau sekali lagi dituduh bersama tiga orang pengarah syarikat dengan 191 pertuduhan berhubung penggubahan wang haram melibatkan jumlah keseluruhan kira-kira RM17 juta di Mahkamah Jalan Duta, Kuala Lumpur.






OPS **TOYO**

SASARAN

Pengemukaan 115 pesanan pembelian yang mengandungi butir-butir matan palsu kepada tiga syarikat pembekal untuk syarikat terbabit membekalkan produk resin plastik yang keseluruhannya bernilai RM101.64 juta dengan niat hendak memperdayakan Timbalan Pengurus Besar Toyota Tsusho (M) Sdn Bhd, Eiichi Hasegawa oleh pengurus kanan syarikat yang sama.

KEJAYAAN

Pada 8 Mac 2016, bekas pengurus kanan Syarikat Toyota Tsusho (M) Sdn Bhd, Foo Tseh Wan didakwa di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Johor Bahru dengan 115 pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu berjumlah RM101.64 juta bagi pembelian produk resin plastik yang dilakukan antara 19 Disember 2014 dan 7 Mei 2015. Kesemua pertuduhan adalah di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.



Sinar ONLINE
TELUS & TULUS

Bekas pengurus syarikat berdepan 115 pertuduhan

AZIZAN INCHE HARUN
8 MAC 2016

JOHOR BAHRU - Seorang bekas Pengurus Cawangan sebuah syarikat pembekal resin plastik mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, atas 115 pertuduhan membabitkan pemalsuan pesanan pembelian bernilai RM101.64 juta.

Bekas pengurus kanan didakwa kemuka tuntutan palsu RM101.6 juta

Berita Selatan

March 08, 2016 15:28 PM

Bekas Pengurus Kanan Syarikat Mengaku Tidak Bersalah Buat Tuntutan Palsu RM101.64 Juta

Foo Tseh Wan


JOHOR BAHARU, 8 Mac (Bernama) -- Seorang bekas pengurus kanan sebuah syarikat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini terhadap 115 pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu berjumlah RM101.64 juta bagi pembelian produk resin plastik, antara Disember 2014 dan Mei tahun lepas.

Foo Tseh Wan, 39, yang ketika itu bertugas di syarikat Toyota Tsusho (M) Sdn Bhd, di sini, didakwa mengemukakan dokumen iaitu pesanan pembelian mengandungi butir-butir matan palsu dengan niat hendak memperdaya Timbalan Pengurus Besar Toyota Tsusho (M) Sdn Bhd, Eiichi Hasegawa.

Mengikut kertas pertuduhan, Foo mengemukakan 115 pesanan pembelian terhadap tiga syarikat pembekal untuk syarikat terbabit membekalkan produk resin plastik keseluruhannya bernilai RM101.64 juta, yang terdapat kelulusan Toyota Tsusho (M) Sdn Bhd, Johor Liason Office di ruangan 'Authorized Signatory' pesanan pembelian itu sedangkan sebenarnya kelulusan itu tidak diberikan oleh Hasegawa.

OPS **BUKU 5**

SASARAN



Kes rasuah melibatkan RM15 juta dalam projek penerbitan buku biografi tokoh politik negara yang melibatkan Pengerusi dan Pengarah Urusan Bank Rakyat.

KEJAYAAN

Pada 29 Ogos 2016, seramai 11 individu ditangkap bagi membantu siasatan termasuk Pengerusi Bank Rakyat, Tan Sri Abdul Aziz Zainal dan Pengarah Urusan Bank Rakyat, Datuk Mustafha Abd Razak. Selain tangkapan, sebanyak RM11 juta daripada beberapa akaun telah dibekukan.

Pada 7 September 2016, di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Kuala Lumpur, Pengerusi Bank Rakyat, Tan Sri Abdul Aziz Zainal telah dituduh di bawah Seksyen 109 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 409 Kanun Keseksaan kerana bersubahat melakukan pecah amanah berkaitan Peruntukan Kumpulan Perbelanjaan Pemasaran Bank Rakyat bernilai RM14,991,283.20. Manakala Pengarah Urusan Bank Rakyat, Datuk Mustafha Abd Razak pula telah dituduh dibawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan kerana kesalahan melakukan pecah amanah dengan jumlah yang sama.

Susulan itu, kajian terhadap amalan sistem dan tatacara kerja Pengurusan Perolehan *Core Banking System* serta Pelaksanaan Sumbangan Tajaan oleh Bank Kerjasama Rakyat Berhad sedang dilaksanakan. Pihak SPRM akan memberi saranan dan penambahbaikan selepas selesai kajian dilaksanakan.



OPS **PELANTAR**



Kes penggubahan wang haram sebanyak RM13 juta oleh bekas Pengarah Urusan Tanjung Offshore Berhad.

KEJAYAAN

Pada 16 Februari 2016, bekas Pengarah Urusan Tanjung Offshore Berhad, Dato' Harzani Azmi dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Kuala Lumpur atas dua pertuduhan yang berkaitan dengan transaksi jual beli ekuiti saham sebuah syarikat bernilai lebih RM34 juta tiga tahun lalu. Harzani didakwa melakukan kesalahan tersebut di bawah bawah Akta Syarikat 1965 dan Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

Bagi kesalahan Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001, Dato' Harzani didakwa mengarahkan firma guaman Mathews Hun Lachimanan memindahkan wang berjumlah RM13.3 juta dari *Clients Account* di Standard Chartered Berhad milik Mathews Hun Lachimanan kepada *Client Trust Account* milik Kenanga Investment Bank Berhad di Standard Chartered Berhad. Dato' Harzani didakwa melakukan kesalahan tersebut di bawah Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.



Bekas Pengarah Urusan Tanjung Offshore mengaku tidak bersalah di mahkamah

Gubah wang haram RM13.3j

KUALA LUMPUR – Seorang bekas pengurah urusan syarikat minyak dan gas tempatan tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tuduhan melibatkan diri dalam pengubahan wang haram berjumlah RM13.3 juta dan mengemukakan dokumen palsu berhubung pembelian saham sebuah syarikat pada 2013.

Datuk Harzani Azmi (gambar), 49, yang ketika itu pengarah urusan Tanjung Offshore Berhad membuat pengakuan itu selepas kedua-dua pertuduhan itu dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Mohd Nasir Nordin.

Harzani didakwa melibatkan diri dalam pengubahan wang haram dengan mengarahkan firma guaman Mathews Hun Lachimanan untuk memindahkan wang berjumlah RM13.3 juta daripada akaun pelanggan di Standard Chartered Berhad milik Mathews Hun Lachimanan ke akaun pelanggan di Kenanga Investment Bank Berhad.

Beliau didakwa melakukan kesalahan itu di 10-3, Batu 3, Jalan Klang Lama di sini antara 14 hingga 27 November 2013.

Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLA) yang membawa hukuman denda maksimum RM5 juta atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali bagi setiap kesalahan.

Harzani juga didakwa bersama-sama pihak lain mengemukakan cadangan pembelian saham sebuah syarikat iaitu Generators dimiliki Appolusa Sdn. Bhd. RM34.3 juta kepada A ga Pengarah Tanjung Kertas cadangan kan melalui Tan Ketua Pelaksana Kew porat Tanjung Offsho yang mana tertuduh saham RM34.3 juta tidak benar kerana nilai sebenar sahamdorong ahli lembag Tanjung Offshore satu perjanjian jual antara Appolusa Sd Tanjung Offshore Oktober 2013.

Kesalahan itu dilakukan di bilik mesyuarat Pejabat Tanjung Offshore Berhad, Wisma UOA, Damansara di sini pada 10 pagi, 21 Oktober 2013.

Harzani didakwa mengikut Seksyen 366(1)(a) Akta Syarikat 1965 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda RM250,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Harzani (dua dari kiri) **didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.** [FOTO GHAZALI KORI/BH]

PENGUBAHAN WANG HARAM RM13 JUTA

Bekas pengarah urusan didakwa

» Tertuduh mengaku tak salah selepas pertuduhan dibaca

Oleh Maria Uffa Zulkafeli
maria.uffa@bh.com.my
▶ Kuala Lumpur

Bekas Pengarah Urusan Tanjung Offshore Berhad, Datuk Harzani Azmi, 49, semalam dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, atas tuduhan pengubahan wang haram lebih RM13 juta dari mengemukakan cadangan pembelian saham sebuah syarikat melebihi nilai sebenar, tiga tahun lalu.

Tertuduh yang didakwa di hadapan Hakim Mohd Nasir Nordin bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dikemukakan.

Dia didakwa membabitkan diri dalam pengubahan wang haram secara tidak langsung dengan mengarahkan firma guaman, Mathews Hun Lachimanan memindahkan wang RM13.3 juta dari akaun pelanggan di Standard Chartered Berhad milik firma itu ke akaun pelanggan di Kenanga Investment Bank Berhad.

Denda RM5 juta

Harzani yang dituduh melakukan perbuatan itu di 10-3, Batu 3, Jalan Klang Lama di sini, antara 14 November dan 27 November 2013, didakwa mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLA).

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum denda maksimum RM5 juta atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya.

Dia juga dituduh mengemukakan kepada Ahli Lembaga Pengarah Tanjung Offshore satu kertas cadangan 'Proposed Acquisition of Remaining Shares In Gas Generators (M) Sdn Bhd (GASTEC)' berhubung pembelian 49 peratus saham syarikat Gas Generators milik Syarikat Appolusa Sdn Bhd pada harga RM34.3 juta.


Ahli Lembaga Pengarah Tanjung Offshore kemudian memasuki satu perjanjian jual beli saham di antara Appolusa Sdn Bhd dan Tanjung Offshore bertarikh 21 Oktober 2013, sedangkan tertuduh tahu nilai saham yang dicadangkannya melebihi nilai sebenar.

Dia yang dituduh melakukan perbuatan itu di bilik mesyuarat pejabat Tanjung Offshore di Wisma UOA, Damansara di sini, pada jam 10 pagi 21 Oktober 2013, didakwa mengikut Seksyen 366(1)(a) Akta Syarikat 1965 yang boleh dihukum penjara sehingga 10 tahun atau denda RM250,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya dari Unit AMLA, Husmarudin Husin dan Timbalan Pendakwa Raya dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Umar Saifuddin Jaafar.

OPS **JUTA**

SASARAN



Kes melibatkan Datuk Seri, Datuk dan Pengurus Agensi Kerajaan. Operasi dilancarkan di tiga lokasi berasingan iaitu Putrajaya, Melaka dan Kelantan bagi menangkap individu-individu yang terlibat dalam jenayah perlakuan rasuah

KEJAYAAN

Ops Juta Yang Melibatkan Pengarah JKR Melaka

Pada 16 Ogos 2016, Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Melaka, Datuk Khalid Omar ditangkap berhubung satu kes rasuah dan pada 29 September 2016, beliau telah dituduh di atas 16 pertuduhan melibatkan kegiatan rasuah dan penggubahan wang haram di Mahkamah Sesyen Melaka.

Datuk Khalid didakwa melakukan lapan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan, lima kesalahan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan tiga kesalahan dibawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001. Beliau didakwa menerima wang tunai bernilai kira-kira RM196,200 daripada kontraktor yang diketahuinya mempunyai tugas rasmi dengannya.

Ops Juta Yang Melibatkan Pengarah Eksekutif Pengurusan DBKL

Pada 15 Ogos 2016, Datuk Seri Syed Afendy Ali bin Syed Abid Ali, Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek DBKL ditahan SPRM bagi membantu siasatan dalam kes rasuah bersama syarikat-syarikat yang terlibat berkaitan projek usaha sama dengan DBKL.

Pada 9 September 2016, Datuk Seri Syed Afendy Ali mengaku tidak bersalah atas 18 pertuduhan berkaitan rasuah dan menerima barang berharga tanpa balasan melibatkan aset bernilai kira-kira RM4.4 juta di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Kuala Lumpur. Datuk Seri Syed Afendy Ali dituduh dengan satu pertuduhan dibawah Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, lapan pertuduhan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan sembilan pertuduhan dibawah Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

Amalan sistem dan tatacara kerja pelaksanaan pengurusan pembangunan projek perumahan swasta oleh DBKL serta amalan sistem dan tatacara kerja pembelian dan pemilikan hartanah projek DBKL oleh pegawai dan kakitangan DBKL sedang dikaji.

Ops Juta yang melibatkan Pegawai Kanan TNB

Pada 15 Ogos 2016, seorang Pengarah Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kelantan bernama Arman bin Che Othman telah ditangkap di pejabatnya di Kelantan kerana disyaki terlibat dalam perlakuan menyalahgunakan kuasa dan menerima rasuah.

Pada 13 Oktober 2016, beliau telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kota Bharu atas 13 pertuduhan menerima rasuah dan penggubahan wang haram melibatkan wang berjumlah kira-kira RM125,000. Arman Che Othman dituduh dengan 11 pertuduhan mengikut Sek 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kerana menerima suapan wang tunai keseluruhan RM61,000 daripada kontraktor sebagai upah meluluskan projek dan dua pertuduhan mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

OPS JUTA

Datuk dibebas dengan jaminan RM300,000

Ayer Keroh: Pengarah jabatan kerajaan bergelar Datuk, yang disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana rasuah, dibebaskan oleh Mahkamah Majistret di sini semalam, dengan jaminan RM300,000 tunai.

Keputusan jaminan oleh seorang penjamin terhadap suspek berusia 56 tahun itu dibuat oleh Pesuruhjaya Pendaftar Mahkamah Majistret Melaka, Mohd Anuar Ostad.

Pegawai bela yang mewakili suspek, Azrul Zulkifli Stork, berkata anak guamnya memberi kerjasama penuh kepada SPRM sepanjang tempoh reman.

Siasatan masih dilakukan

"Siasatan terhadapnya masih berjalan," katanya ketika ditemui media di sini, semalam. Suspek disiasat SPRM mengikut Seksyen 17(A) Akta SPRM 2009 kerana menerima rasuah.

Terdahulu, suspek yang ditahan reman sejak 16 Ogos lalu, dibawa oleh pegawai SPRM ke kompleks mahkamah pada jam 9 pagi, sebelum keluar 30 minit kemudian, selepas prosedur jaminan selesai.



Penguat kuasa SPRM membawa pegawai kanan kerajaan untuk jaminan RM300,000 tunai di Kompleks Mahkamah Melaka, Ayer Keroh, semalam.



Pegawai kanan kerajaan bergelar Datuk dibawa ke Kompleks Mahkamah Melaka, Ayer Keroh.

Suspek dua rasuah bergelar Datuk lain dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya bagi perintah reman.

Seorang pegawai kanan TNB Kelantan dibawa pergi hari ini.

Tiga suspek ditahan reman sehingga 22 Ogos

Pertenjar: Mahkamah Majistret di sini, semalam membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman seorang pengarah eksekutif Dewan Perniagaan Kuala Lumpur (DBKL) selama tujuh hari bagi membantu siasatan kes rasuah dan penyalahgunaan wang haram.

Majistret Intibasnur Tasrun Ab Rahman mengeluarkan perintah reman terhadap lelaki berusia Tuk Seri, berusia 54 tahun itu yang ditahan dalam operasi SPRM kemarin, bermula semalam hingga 22 Ogos.

Pegawai suspek, Azizul Shariman Mat Yusoff kepada pemberita di luar mahkamah, memberitahu Datuk Seri itu ditahan pada jam 5.07 petang di pejabatnya di DBKL, manakala rumah kediaman dan kereta jenis BMW dirizab serta dua milik lelaki itu dikenakan.

Tahan reman pegawai TNB

Di Kota Bharu, Majistret Ahmad Adha Amir Tasser Azizi turut membenarkan permohonan SPRM menahan reman seorang pegawai kanan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kelantan selama tujuh hari bermula semalam.

Lebih berusia 47 tahun itu dibawa ke Mahkamah Majistret dua kali hari ini iaitu jam 8.30 pagi dengan mengikut tempoh lain dan selepas tidak berkesudahan pada jam 8 malam pada jam 5.30 petang, berikutan oleh pegawai dan anggota SPRM.

Sementara itu, akhbar melaporkan dua pegawai kanan bergelar Datuk Seri dan Datuk Seri serta pengurus cawangan syarikat kerajaan negeri bersama-sama dengan seorang pegawai kanan TNB

OPS BRYLCREEM

SASARAN



Kes melibatkan YB Lim Guan Eng, Ketua Menteri Besar Pulau Pinang berkaitan isu pembelian banglo di No. 25, Jalan Pinhorn, Pulau Pinang.

Beliau juga dikatakan telah menggunakan kedudukannya sebagai Ketua Menteri untuk menerima suapan dengan meluluskan permohonan perlingkungan semula daripada zon pertanian kepada zon perumahan am.

KEJAYAAN

Pada 29 Jun 2016, Ketua Menteri Pulau Pinang iaitu Lim Guan Eng dan Phang Li Koon telah ditahan oleh SPRM berkaitan isu pembelian banglo milik Ketua Menteri tersebut yang dibeli daripada Phang Li Koon dengan nilai RM2.8 juta sedangkan harga semasa hartanah tersebut bernilai RM4.27 juta.

Pada 30 Jun 2016, Lim Guan Eng telah didakwa di bawah Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan Sekyen 165 Kanun Keseksaan iaitu menggunakan jawatannya untuk meluluskan permohonan perlingkungan semula daripada zon pertanian kepada zon perumahan am untuk lot 436 dan 437 Mukim J, Pulau Pinang kepada Magnificient Emblem Sdn Bhd ketika mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa perancangan Pulau Pinang dan sebagai penjawat awam menerima satu balasan berharga daripada orang yang ada hubungan rasmi dengan beliau. Manakala, Phang Li Koon seorang ahli perniagaan turut didakwa di bawah Seksyen 109 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 165 Kanun Keseksaan kerana dipercayai bersubahat.



KM ditahan ketika mesyuarat

Ahli perniagaan wanita turut kena tahan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Georgetown

Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), semalam atas dua tuduhan rasuah dan akan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, jam 11 pagi ini.

Beliau ditahan di pejabatnya di Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) oleh selompulan pegawai SPRM Putrajaya ketika sedang mempengerusikan mesyuarat EXCO kerajaan negeri kira-kira jam 5.45 petang.

Turut ditahan ahli perniagaan wanita, Phang Li Koon yang dikaitkan dengan penjualan banglonya di Jalan Pinhorn di sini, kepada Guan Eng, tahun lalu, di bawah harga pasaran.

Pendakwaan terhadap mereka akan dibuat sendiri Peguam Negara, Tan Sri Mohamad Apandi Ali dengan dibantu enam Timbalan Pendakwa Raya.

Terima arahan

Sementara itu, SPRM dalam kenyataan medianya berkata, tangkapan terhadap Guan Eng dilakukan selepas pihaknya menerima arahan daripada Pejabat Peguam Negara bagi proses tuduhan di mahkamah.

"Guan Eng ditahan di pejabatnya di tingkat 28 KOMTAR pada jam 5.45 petang. Selain itu, tangkapan turut dilakukan terhadap Li Koon di pejabatnya di Tingkat Enam Penang Garden pada jam 4.15 petang," kata kenyataan itu.

Tercatatlah, kira-kira jam 4.45 petang empat pegawai SPRM dilihat memasuki pejabat Ketua Menteri sambil diiringi beberapa kakitangan kerajaan negeri pada jam 4.45 petang, sebelum semua pintu dikunci dan dikawal rapi pihak keselamatan.

Pengamal media yang bertugas di lokasi turut dihalang daripada memasuki Pejabat Ketua Menteri dan diarah supaya menunggu di lobi KOMTAR.

Pegawai SPRM menghabiskan masa kira-kira sejam di pejabat itu dipercayai bagi berbincang dengan pegiam Ketua Menteri, RSN Rayer, sebelum Guan Eng dibawa ke Pejabat SPRM negeri di Jalan Sultan Ahmad Shah, di sini.

Dibenar selesaikan mesyuarat

Difahamkan, pegawai SPRM juga membenarkan Guan Eng menyelesaikan mesyuarat EXCO sebelum beliau dibawa menaiki kenderaan rasminya bernombor pendaftaran PCM1 sambil diiringi dua pegawai SPRM.

Penasihat DAP yang juga bapa Guan Eng, Lim Kit Siang dalam Tweetnya berkata anaknya ditahan SPRM atas dua tuduhan rasuah.

Penahanan Guan Eng, dipercaya ada kaitan dengan pembelian banglo milik Li Koon yang dikatakan di bawah harga pasaran, selain isu penjualan tanah Taman Manggis di untuk Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT).

Mac lalu, Ahli Parlimen Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya, meminta SPRM menyiasat Guan Eng berhubung pembelian banglonya yang didakwa dibeli pada harga rendah berbanding pasaran.

Rumah itu didakwa dibeli pada RM2.8 juta, sedangkan nilai sebenar RM5.5 juta.



2 TUDUHAN TUNGGU GUAN ENG

Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng dijangka dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Pulau Pinang hari ini, atas dua pertuduhan berkaitan salah guna kuasa dan pembelian banglo pada harga bawah nilai pasaran.

Beliau ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di pejabatnya, petang semalam. > 17



Dijangka dikenakan pertuduhan berkaitan isu banglo hari ini

SPRM 'ambil' Guan Eng

OPS ST15

SASARAN

Kes rasuah dalam pengagihan kuota beras ST15 oleh Pengurus Bahagian Perhubungan Petani dan Pelanggan, BERNAS.

KEJAYAAN

Pada 9 Mac 2016, dua pengarah dan seorang pengurus syarikat didakwa di Mahkamah Majistret Alor Setar atas tiga pertuduhan bersubahat dan mererima rasuah sebanyak RM135,000 bagi mendapatkan kuota beras ST15.

Nor Azamuddin Ahmad, menghadapi tiga pertuduhan menerima suapan sebanyak RM135,000 sebagai upah mendapatkan kuota beras ST15 sebanyak 300 metrik tan untuk seorang pemilik syarikat pada Mei hingga Julai 2014. Seorang lagi tertuduh, Farid Idris Khan, telah dituduh bersubahat dengan Nor Azamuddin dalam ketiga-tiga pertuduhan yang dihadapi. Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Berhubung dengan kes ini, pada 23 Mac 2016 di makhamah yang sama, seorang bekas Pengurus Bernas iaitu Hassin Mad Zin telah dituduh dengan enam pertuduhan dibawah Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kerana menerima suapan berjumlah RM73,000 daripada dua individu antara September 2013 dan Januari 2014 bagi mendapatkan kuota beras ST15.



Dua Kontraktor Hadapi Tuduhan Terima, Subahat Rasuah

Diterbitkan: Rabu, 9 Mac 2016 3:51 PM

(Ubah saiz teks)

ALOR SETAR: Dua kontraktor mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan menerima dan bersubahat terhadap suapan yang kesemuanya berjumlah RM135,000 bagi mendapatkan kuota beras ST15 pada Mei, Jun dan Julai 2014 lalu.

OPS LOLOS 2

SASARAN



Sindiket memperbaharui pasport warganegara asing yang telah tamat tempoh tanpa melalui prosedur yang sah dengan bayaran wang rasuah tertentu kepada pegawai-pegawai imigresen.

KEJAYAAN

Kes ini dibangunkan oleh Bahagian Perisikan dengan kerjasama Bahagian Siasatan bermula dari tarikh 12 hingga 24 Februari 2016.

Pada 13 Februari 2016, seramai lima orang termasuk dua orang Pegawai Imigresen telah ditahan atas kesalahan memberi dan menerima rasuah bagi memperbaharui pasport warganegara asing yang telah tamat tempoh tanpa kehadiran pemilik pasport.

Sebanyak 198 buah pasport dan lapan buah telefon bimbit telah disita dalam operasi tersebut.

OPS GRADUATE

SASARAN



Tuntutan palsu dan penyalahgunaan dana oleh Pegawai Tadbir Diplomatik di UUM dan UNIMAP.

KEJAYAAN

Pada 12 Mei 2016, seramai empat orang termasuk dua orang Pegawai Tadbir Diplomatik telah ditahan atas kesalahan membuat tuntutan palsu sebanyak RM308,450.00 kepada pihak Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) melalui beberapa syarikat yang menganjurkan program untuk siswazah.

Kes ini berkaitan penyelewangan dana dari Kementerian Pengajian Tinggi untuk program *Industry Centre of Excellence* (ICoE) dengan memperdaya Pengarah Bahagian Hubungan Industri untuk menandatangani surat arahan penyaluran dana bagi program ICoE yang tidak pernah dijalankan.

Keempat-empatnya ditahan dan disiasat di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

OPS CENGKERANG

SASARAN



Kegiatan rasuah melibatkan penyeludupan hidupan liar oleh pegawai kastam.


KEJAYAAN

Pada 22 April 2016, seorang pegawai kastam berpangkat Penguasa dan dua orang Pembantu Penguasa telah ditahan atas kesalahan menawarkan rasuah sebanyak RM10,000 kepada Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasa Ibu Pejabat Perhilitan Malaysia supaya tidak diambil tindakan undang-undang kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) iaitu memiliki 31 ekor haiwan yang dilindungi sepenuhnya iaitu kura-kura jenis black pond turtle dengan nilai RM80,000 hingga RM100,000.

Ketiga-tiganya ditahan dan disiasat di bawah Seksyen 16(b)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.







OPS **SANTA**

SASARAN



Membenteras penipuan dalam menyelesaikan kes-kes yang melibatkan pegawai SPRM.

KEJAYAAN


Seorang Pegawai Pembantu Pembangunan Masyarakat telah ditahan kerana memperdayakan orang awam dengan mendakwa mengenali pegawai SPRM Taiping yang boleh menyelesaikan kes rasuah dengan bayaran tertentu.

Pegawai Pembantu Pembangunan tersebut ditahan ketika menerima wang rasuah sebanyak RM15,000.00 yang dikatakan untuk diberikan kepada Pegawai SPRM Perak sebagai balasan untuk menyelesaikan kes yang melibat SPRM Perak.



OPS DEBU

SASARAN



Kes rasuah dalam aktiviti perlombongan bauksit haram di sekitar daerah Kuantan, Pahang yang melibatkan Pegawai PTG Pahang, Pegawai Jabatan Mineral & Geosains Pahang dan pemilik serta pekerja syarikat perlombongan.

KEJAYAAN

Pada 6 hingga 27 Januari 2016, satu operasi besar-besaran telah dibuat oleh Bahagian Perisikan dan Bahagian Siasatan SPRM terhadap kegiatan rasuah yang melibatkan isu perlombongan bauksit tanpa lesen di daerah Kuantan, Pahang.

Hasilnya, seramai 14 orang individu telah ditahan terdiri daripada Pegawai Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang, bekas pegawai kanan dan pegawai Jabatan Mineral dan Geosains Pahang dan pemilik serta pekerja syarikat perlombongan. Sebanyak RM74,000 wang rasuah juga telah disita.

Menerusi kes ini, seramai empat orang pegawai PTG Pahang telah dituduh di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah, Kuantan di bawah Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kerana meminta dan menerima rasuah daripada pelombong-pelombong bauksit haram sekitar daerah Kuantan.



JADUAL 7: Statistik Penyitaan Dan Lucuthak Tahun 2015 dan 2016

BIL	PERKARA	2015	2016	JUMLAH
1	Sita / Beku (RM)	22,270,633.94	306,154,583.25	328,425,217.19
2	Lucuthak (RM)	3,937,035.00	4,950,124.22	8,887,159.22

JADUAL 8: Statistik Penyitaan Dan Lucuthak Mengikut Akta pada Tahun 2016

BIL	PERKARA	ASPRM	AMLATFPUAA 2001	JUMLAH
1	Sita / Beku (RM)	124,259,640.71	181,894,942.54	306,154,583.25
2	Lucuthak (RM)	4,947,124.22	3,000.00	4,950,124.22

JADUAL 9: Statistik Laporan SPRM Mengikut Kesalahan Bagi Tahun 2016

BIL	BENTUK KESALAHAN	JUMLAH
1	"Tidak jujur dan tidak amanah dalam mengemukakan tuntutan atau melaksanakan pengesahan yang mengandungi butiran palsu"	103
2	Menggunakan kedudukan atau jawatan untuk kepentingan diri	116
3	Gagal membuat pengisytiharan harta	0
4	Ingkar perintah, tidak dalam melaksanakan tugas-tugas rasmi"bertanggungjawab, cuai dan kurang cekap	86
5	Terima hadiah, keraian, memintam wang / keberhutangan yang serius	1
6	Melibatkan diri dalam perniagaan luar dan mengambil bahagian dalam politik	12
	Jumlah	**318**

JADUAL 10: Jumlah Laporan SPRM Mengikut Kumpulan bagi Tahun 2016

TAHUN	PENGURUSAN TERTINGGI	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	SYARIKAT SWASTA
2016	4	76	235	3
JUMLAH	4	76	235	3

JADUAL 11: Statistik Keputusan Laporan SPRM Mengikut Hukuman bagi Tahun 2016

BIL	HUKUMAN	JUMLAH
1	Amaran	28
2	Denda	14
3	Lucut Hak Emolumen	1
4	Tangguh Pergerakan Gaji	5
5	Turun Gaji	15
6	Turun Pangkat	-
7	Buang Kerja	1
8	Bebas	2
9	Lain-lain	15
	JUMLAH	**81**

JADUAL 12: Lain-lain Hukuman yang Tidak Disenaraikan di Bawah Peraturan Tatatertib bagi Tahun 2016

BIL	HUKUMAN	JUMLAH
1	Amaran pentadbiran / Surat teguran	7
2	Tukar Jabatan	1
3	Kes tidak diteruskan	0
4	NFA	12
5	Telah bersara	6
6	Tidak wujud kesalahan tatatertib/ tiada prima facie	9
7	Tiada tindakan tatatertib kerana pegawai telah bertukar Suruhanjaya perlantikan	1
	Jumlah	**36**

3 FORENSIK PENYIASATAN SPRM


ANALISIS KEWANGAN DAN PERAKAUNAN SPRM

Dalam merealisasikan setiap siasatan memerangi jenayah rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa yang dijalankan secara menyeluruh dan berkesan, adalah menjadi satu keperluan untuk memperkasakan siasatan dan penguatkuasaan undang-undang dengan bantuan **kepakaran forensik kewangan**.

Bantuan kepakaran forensik kewangan diperlukan dari segi khidmat nasihat dalam membuat analisis, syor serta pandangan berkaitan forensik kewangan yang mana aplikasinya dapat memperkasakan bukti dan keterangan yang diperolehi mengikut piawaian yang ditetapkan.

Analisis forensik kewangan melibatkan jejak kewangan (*financial trails*) dan analisis kewangan (*financial analysis*) yang digunakan dalam penyiasatan kes-kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam.

Sepanjang tahun 2016, bantuan kepakaran forensik kewangan telah diberikan kepada Bahagian Siasatan dan juga beberapa buah SPRM Negeri.



Program Malaysian *Anti-Corruption Chartered Accountant Trainee* (MACC-CAT)

Sebagai sebuah agensi penguatkuasaan pencegahan rasuah di Malaysia, SPRM bertanggungjawab memastikan fungsinya membanteras dan mencegah rasuah disempurnakan dengan sebaik mungkin berdasarkan prinsip kebebasan, ketelusan dan profesionalisme. Justeru, SPRM memerlukan pegawai yang berkelayakan dan profesional dalam menjalankan penyiasatan dan seterusnya mempunyai kredibiliti yang tinggi untuk memberi keterangan di mahkamah.

Dalam usaha mempertingkatkan keupayaan dan kebolehan bidang forensik kewangan, SPRM telah menempatkan 11 orang pegawai SPRM di tiga firma audit terkenal iaitu *PricewaterhouseCoopers* (PwC), KPMG Malaysia dan *Ernst & Young* (E&Y) selama dua tahun bagi mendedahkan pegawai dalam bidang pengauditan.

Penempatan di firma audit tersebut telah dipendekkan kepada setahun dan tamat pada 30 November 2016 bagi membantu penyiastan kes dan analisa kewangan.

Pegawai-pegawai ini juga merupakan pelajar separuh masa di *International Education Colllege* (INTEC), UITM. Pada Disember 2016, mereka telah berjaya menduduki peperiksaan *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA) dengan purata lulus 82%. Penguasa Hanis binti Hassim merupakan satu-satunya pegawai yang berjaya mendapat markah tertinggi di INTEC.



4 PENDAKWAAN KES RASUAH SPRM


Pada tahun 2016, tumpuan utama SPRM diberikan kepada usaha memastikan harta hasil jenayah rasuah dilucuthakan sama ada melalui pendakwaan atau tanpa pendakwaan. Fokus juga diberikan untuk memastikan kes-kes yang dikendalikan di mahkamah mendapat sabitan dan rayuan yang difailkan di mahkamah berpihak kepada Pendakwa Raya.

STATISTIK KES PENDAKWAAN

PERTUDUHAN

Sepanjang tahun 2016, seramai 215 orang telah dituduh di Mahkamah Sesyen Khas bagi kes-kes rasuah melibatkan seorang ahli politik (1%), 88 orang penjawat awam (41%), 87 orang orang awam (40%) dan 39 orang dari sektor swasta (18%) adalah seperti dalam **CARTA 4**.

CARTA 4: Pertuduhan Mengikut Kategori




Bagi kategori penjawat awam yang telah dituduh di mahkamah, empat orang daripada Kumpulan Pengurusan Tertinggi (5%), 25 orang daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (28%) dan selebihnya 59 orang daripada Kumpulan Pelaksana (67%).

KES-KES PERBICARAAN

Tahun 2016, sebanyak 425 kes telah dibicarakan di Mahkamah Rendah termasuk 290 kes yang baru didaftarkan.

Sejumlah 167 kes telah selesai dibicarakan dan mendapat keputusan mahkamah. Sebanyak 145 kes telah disabit atas kesalahan (87%), manakala 18 kes telah dilepas dan dibebaskan (DNA) (11%), selain itu 4 kes telah dilepas tanpa dibebaskan (DNAA) (2%). Keputusan kes perbicaraan di Mahkamah Rendah adalah seperti di **CARTA 5**.

CARTA 5: Keputusan Kes Perbicaraan di Mahkamah Rendah Tahun 2015 Dan 2016




Antara 1 Januari sehingga 31 Disember 2016, sejumlah RM12,522,715.20 denda dikenakan ke atas individu-individu yang disabitkan atas kesalahan rasuah.

KES-KES RAYUAN

Sebanyak 255 kes rayuan dikendalikan di peringkat Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan termasuk 114 kes yang baru didaftarkan. Tahun 2016, 59 kes yang berjaya diselesaikan di peringkat Mahkamah Tinggi, dari jumlah tersebut 45 kes (76%) telah memihak kepada pendakwaan manakala 14 kes (24%) memihak kepada tertuduh.

Di peringkat Mahkamah Rayuan pula sebanyak 32 kes telah diputuskan di peringkat Mahkamah Rayuan dan dari jumlah tersebut sebanyak 23 kes (72%) memihak kepada pendakwaan manakala sebanyak 9 kes (28%) telah memihak kepada tertuduh. **CARTA 6** menunjukkan keputusan kes di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan.

CARTA 6: Keputusan Kes Rayuan di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan Tahun 2016




KES-KES PELUCUTHAKAN HARTA

Sepanjang tahun 2016, sejumlah 81 kes pelucuthakan harta telah dikendalikan di peringkat Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi. Sejumlah 68 kes telah selesai dibicarakan dan mendapat keputusan manakala baki 13 kes masih belum diputuskan. Ringkasan kes pelucuthakan bagi tahun 2015 dan 2016 adalah seperti **CARTA 7.**

KEJAYAAN KES-KES PENDAKWAAN

Sepanjang tahun 2016, terdapat beberapa kes yang menarik perhatian umum dan berkepentingan awam telah dibicarakan. Antara kesnya adalah seperti berikut;

CARTA 7: Keputusan Kes Perlucuthakan Harta Tahun 2015 dan 2016



1) Timbalan Pengarah Jabatan Landskap Dan Taman, Perbadanan Putrajaya - Dato' Shahoran Bin Johan Ariffin

Hukuman **dua tahun penjara** dan **denda RM15,110** dikekalkan

Dato' Shahoran Bin Johan Ariffin merupakan Timbalan Pengarah Jabatan Landskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya telah dituduh pada 21 Julai 2008 di bawah Seksyen 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997. Beliau melakukan kesalahan menerima suapan berbentuk tiket kapal terbang pergi dan balik dari Kuala Lumpur ke London bernilai RM3,022. Ia sebagai dorongan supaya Lembaga Perolehan (B), Kementerian Wilayah Persekutuan memperakui dan mempertimbangkan serta menyetuju terima Syarikat Kenas Prima Sdn. Bhd. untuk kerja-kerja Penyelenggaraan Taman Putra Perdana, Presint 1, Putrajaya.

Pada 28 Mac 2012, Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur telah menjatuhkan hukuman penjara dua tahun dan denda RM15,110 jika tidak bayar dikenakan enam bulan.

Setelah merayu pada 4 September 2014, Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak rayuan Dato' Shahoran Bin Johan Ariffin. Sabitan dan hukuman daripada Hakim Mahkamah Sesyen dikekalkan. Keputusan ini dirayu lagi ke Mahkamah Rayuan.

Hakim Mahkamah Rayuan sebulat suara mengesahkan sabitan dan Dato' Shahoran Bin Johan Ariffin akan menjalani hukuman dua tahun penjara dan denda RM15,110.

2) Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Selayang - Datuk Bakaruddin Othman

Hukuman ke atas bekas Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Selayang (MPS) **dikekalkan.**

Bekas Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Datuk Bakaruddin Othman pertama kali dituduh pada 3 Mac 2011 di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Shah Alam atas kesalahan di bawah seksyen 15 Akta Pencegahan Rasuah 1997 kerana menggunakan wang Pihak Berkuasa Tempatan bagi penyelenggaraan rumahnya sendiri berjumlah RM26,500. Pada 20 Disember 2012, beliau telah disabitkan dengan kesalahan dan dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan denda sebanyak RM132,500. Beliau kemudiannya membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi.

Pada 26 Februari 2016, Mahkamah Tinggi Shah Alam mengekalkan sabitan dan hukuman yang dikenakan. Kes ini masih dalam peringkat rayuan di Mahkamah Rayuan.

3) Bekas ADUN Teratai - Yap Soo Sun

Sabitan dan **hukuman dikekalkan.**

Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teratai, Selangor, Yap Soo Sun dituduh pertama kali pada 3 November 2009 di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas kesalahan di bawah seksyen 11(c) Akta Pencegahan Rasuah 1997. Pertuduhan dibuat kerana memalsukan dokumen dengan memohon peruntukan ADUN di bawah Program Mesra Rakyat sempena sambutan Tahun Baru Cina di Taman Bukit Segar Cheras, Hartamas pada 10 Februari 2008 berjumlah RM10,000. Beliau juga dituduh atas enam lagi pertuduhan membuat tuntutan palsu

melalui peruntukan yang sama.

Pada 3 November 2011, Hakim Mahkamah Sesyen Shah Alam menjatuhkan hukuman dua tahun penjara dan denda RM50,000 atau lima bulan penjara sekiranya gagal membayar denda bagi ketujuh-tujuh pertuduhan. Kesemua hukuman penjara berjalan serentak.

Rayuan Yap Soo Sun ditolak oleh Hakim Mahkamah Tinggi pada 22 Mei 2015. Kes ini kemudiannya dirayu lagi ke Mahkamah Rayuan.

Pada 28 September 2016, panel yang bersidang di Mahkamah Rayuan sebulat suara menolak rayuan beliau. Sabitan dan hukuman Hakim Mahkamah Sesyen dan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi dikekalkan.

4) Penolong Pegawai NKRA, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat - Hazmi bin Samsuddin

Penjara Sembilan Tahun dan **Didenda RM9,099,000**

Seorang Penolong Pegawai NKRA, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hazmi bin Samsuddin pertama kali dituduh pada 20 Jun 2014 di Mahkamah Khas Rasuah Kuala Lumpur atas kesalahan di bawah seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kerana meminta suapan sebanyak 10% daripada nilai keseluruhan Projek Kemasyarakatan 1 AZAM bagi Menaiktaraf dan Membaikpulih Balairaya/ Dewan Masyarakat/ Surau/ Masjid di bawah Projek Kemasyarakatan NKRA yang bernilai RM18 juta dan 10% daripada Tuntutan Bayaran bagi Projek Menaiktaraf dan Membaikpulih Dewan Kampung Pengkalan Bharu, Pengkalan Bharu, Manjung, Perak, oleh Fallah Enterprise berjumlah RM99,640.

Pada 28 September 2016, beliau telah disabitkan dengan kesalahan dan dijatuhi hukuman penjara sembilan tahun dan denda RM9,099,530.00.

5) Bekas Pengurus Besar Kanan Sime Darby Engineering Sdn. Bhd. - Md. Zaki Othman

Didenda RM894,400 dan **penjara dua tahun**

Bekas Pengurus Besar Kanan Sime Darby Engineering Sdn. Bhd, Md. Zaki Othman pertama kali dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 3 Januari 2011 atas dua pertuduhan di bawah seksyen 10(a)(aa) Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan pada 12 Januari 2011 beliau sekali lagi dituduh dengan tiga pertuduhan di bawah seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Tuduhan tersebut membabitkan penerimaan set perabot dan tiga utas jam tangan mewah bernilai RM178,880 daripada seorang kontraktor.

Pada 12 April 2012, Hakim Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur telah menjatuhkan hukuman penjara 27 tahun dan denda RM894,400. Beliau kemudiannya merayu keputusan ini ke Mahkamah Tinggi.

Pada 31 Mei 2016, rayuan beliau atas sabitan ditolak manakala rayuan atas hukuman dibenarkan. Hakim Mahkamah Tinggi menetapkan hukuman dua tahun penjara bagi semua pertuduhan.

6) Peniaga - Shuhaidin bin Lankab

Hukuman **penjara 30 bulan** dan **denda RM2.75 juta dikekalkan**

Pada 13 April 2012, seorang peniaga Shuhaidin bin Lankab dituduh di Mahkamah Khas Rasuah Kota Kinabalu kerana meminta suapan RM400,000 dan menerima suapan RM150,000 sebagai bayaran kepada pegawai di Jabatan Tanah dan Ukur bagi menguruskan proses pengeluaran geran tanah. Kesalahan dilakukan di bawah seksyen 10(a)(aa) Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Pada 22 November 2013, mahkamah sesyen memutuskan Shuhaidin bersalah dan menjatuhkan hukuman penjara 30 bulan serta denda RM2.75 juta (atau 11 bulan penjara sekiranya denda gagal dibayar).

Rayuan Shuhaidin bin Lankab di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu ditolak pada 4 Jun 2014 dan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen dikekalkan.

Pada 28 September 2016, Hakim Mahkamah Rayuan sebulat suara menolak rayuan beliau dan mengekalkan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen.

7) Bekas Eksekutif Akaun Pelanggan Alcatel Network Systems (M) Sdn Bhd - Radziah binti Ani

Rasuah pegawai Telekom Malaysia, **bekas Eksekutif Akaun Pelanggan Alcatel ke penjara**

Pada 19 Julai 2011, bekas Eksekutif Akaun Pelanggan Alcatel Network Systems (M) Sdn Bhd, Radziah binti Ani dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas pertuduhan memberi suapan RM25,000 kepada Penolong Pengurus Perolehan Telekom Malaysia Berhad. Suapan diberi sebagai dorongan untuk mendapatkan maklumat mengenai *tender 'The Supply, Delivery, Installation and Commissioning of Wideband Code Division Multiple Access Mobile Communication System and Its Associated Equipment – Phase 1'*. Kesalahan dilakukan di bawah seksyen 10(b)(bb) APR 1997.

Pada 28 Februari 2013, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara dua tahun dan denda RM125,000 ke atas Radziah binti Ani.

Setelah merayu pada 30 Disember 2014, Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak rayuan beliau dan mengekalkan keputusan Hakim Mahkamah sesyen.

Kes ini kemudiannya dirayu lagi ke Mahkamah Rayuan. Pada 20 Disember 2016, Hakim Mahkamah Rayuan sebulat suara menolak rayuan beliau terhadap sabitan namun sabitan di ganti kepada seksyen 10(b)(aa) APR 1997. Rayuan terhadap hukuman pula dibenarkan dengan menggantikan hukuman dua tahun penjara dengan hukuman enam bulan penjara manakala hukuman denda RM125,000 dikekalkan.

8) Pengurus Cawangan Perak Syarikat Keselamatan Cisco (M) Sdn Bhd – Agu Salim bin Saibi

Penjara 18 bulan dan **Didenda RM200,106.20**

Pengurus Cawangan Syarikat Keselamatan Cisco (M) Sdn Bhd Perak, Agu Salim bin Saibi pertama kali dituduh pada 22 September 2016 di Mahkamah Khas Rasuah Ipoh, Perak atas tiga pertuduhan di bawah seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Beliau didakwa kerana membuat tuntutan gaji dan lebih masa palsu berjumlah RM40,021.24. Beliau memalsukan tuntutan atas nama Roslan bin Abu Hasan sedangkan

Roslan bin Abu Hasan tidak pernah bekerja dengan Syarikat Cisco (M) Sdn. Bhd bermula dari 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2012. Agu Salim telah mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara 18 bulan serta didenda RM200,106.20.

9) Leftenan Tentera Laut DiRaja Malaysia - Kuvendran a/l Sukumaran

Leftenan TLDM **didenda RM10,000** dan **penjara tujuh bulan**

Leftenan Tentera Laut DiRaja Malaysia, Kuvendran a/l Sukumaran pertama kali dituduh pada 8 Oktober 2015 di Mahkamah Sesyen Ipoh di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan. Kuvendran a/l Sukumaran didakwa atas empat pertuduhan menerima barang berharga iaitu wang yang keseluruhannya berjumlah RM104,971.97 melalui kad Debit CIMB daripada Mohd Nasir bin Abdullah yang beliau ketahui mempunyai hubungan rasmi dengan tugas-tugas beliau.

Pada 21 November 2016, beliau telah mengaku bersalah terhadap keempat-empat pertuduhan tersebut dan dijatuhkan hukuman tujuh bulan penjara dan denda RM10,000.


How to change Corruption Culture
Share New features of crime
Lower position - corruption
smallest → Big
Protecting govt Agencies
Implementation
Detect Corruption

PENCEGAHAN


1 PEMERIKSAAN DAN PERUNDINGAN

Seksyen 7(c), (d) dan (e) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009) memperuntukkan dua peranan utama Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan iaitu menjalankan pemeriksaan dan memberikan khidmat nasihat.

Objektif utama adalah untuk menutup ruang dan peluang perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dengan meneliti amalan, sistem dan tatacara kerja badan awam, swasta, organisasi dan pertubuhan serta mana-mana pihak berkaitan.

1. KERTAS PEMERIKSAAN DAN PERUNDINGAN (KPP)





Pemeriksaan yang menjadi fokus Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia di sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

1.1 Pemeriksaan Amalan, Sistem dan Tatacara Kerja Berhubung Pelaksanaan, Pengurusan dan Penguatkuasaan Operasi Pengusahasilan Hutan di Malaysia

Hasil beberapa siri operasi oleh SPRM dalam 'Ops Gergaji' 'Ops Rimba' dan 'Ops Bersepadu', beberapa siri bengkel telah dilaksanakan bersama agensi-agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) seperti berikut:-

Hasil bengkel yang dilaksanakan, beberapa kelemahan dan cadangan penambahbaikan berhubung pelaksanaan, pengurusan dan penguatkuasaan operasi pengusahasilan hutan di Malaysia telah dikenalpasti seperti:-

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Menggunakan pendaftaran secara manual bagi proses permohonan.	Menaiktaraf sistem *e-Forlog* dari sistem *tracking* kepada sistem *End to End Transaction* iaitu mulai daripada permohonan sehingga keputusan dibuat atas permohonan.
Tiada garis panduan mengenai proses permohonan.	Menetapkan norma kerja bagi setiap proses kerja setiap aktiviti dalam perlesenan (*time frame*).
Permohonan terlalu banyak untuk diproses oleh Jabatan Hutan.	Pelesenan hendaklah berdasarkan *first come first serve* basis (meminimakan budibicara).
Skop tugas yang diberikan melebihi kapasiti pegawai.	Mengenalpasti proses kerja berulang dan tidak relevan dalam proses kerja sedia ada (mengelakkan unsur semakan dan semakan semula serta memperkenalkan sistem semakan rawak).
Peruntukan bagi tujuan pengurusan sangat tidak setimpal dengan penugasan.	Mempertingkatkan aktiviti dan proses yang boleh di-*outsource* serta menyediakan panduan/SOP berkaitan dan menyediakan peluang latihan kepada pihak luar.
Ketirisan hasil cukai.	Mengemaskini prosedur taksiran hasil dan menambah baik susunatur dan kemudahan BPH.
Kekurangan kakitangan dalam melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan.	Mewujudkan jawatan Gred 22 dan Gred 26 memandangkan pada masa ini jawatan Pengawas Hutan disatukan dalam Gred 17, ini menjejaskan *chain of command*. Perkara ini perlu dikemaskini dan diperhalusi lanjut dalam semua *manual* dan prosedur berkaitan perubahan ekoran Pekeliling Perkhidmatan Bil 4/2014.

1.2 Pemeriksaan Terhadap Amalan, Sistem Dan Tatacara Kerja Berhubung Pengurusan Pengubahsuaian Pejabat, Pembelian Bangunan Pejabat, Penajaan Dan Perlantikan Tenaga Pakar oleh TEKUN Nasional

Hasil kes tangkapan terhadap bekas Pengarah Urusan TEKUN Nasional beberapa kelemahan yang ditemui dan cadangan penambahbaikan dipersetujui secara bersama seperti berikut:-

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
PENGUBAHSUAIAN PEJABAT	
Tidak dijelaskan peranan dan skop tugas pegawai pemantau yang bertugas memantau kerja-kerja pengubahsuian.	Menaiktaraf sistem *e-Forlog* dari sistem *tracking* kepada sistem *End to End Transaction* iaitu mulai daripada permohonan sehingga keputusan dibuat atas permohonan.
Tiada laporan pemantauan dan laporan kemajuan dibuat bagi melaporkan perkembangan kerja-kerja pengubahsuaian yang dilakukan oleh kontraktor.	Mewujudkan laporan pemantauan dan laporan kemajuan serta *checklist* sebagai pengesahan bahawa kerja-kerja dilaksanakan dengan sempurna.
Tidak dinyatakan di dalam Prosedur Permohonan Ubahsuai Pejabat berhubung penalti yang akan dikenakan kepada kontraktor/pembekal sekiranya berlaku kelewatan atau kegagalan menyiapkan kerja-kerja pengubahsuaian.	Wujudkan klausa berkaitan penalti di dalam Prosedur Pengurusan Permohonan Ubahsuai Pejabat (penalti yang dikenakan ke atas kontraktor/pembekal yang gagal laksanakan kerja-kerja pengubahsuaian mengikut kontrak).
Jabatan Pengurusan Fasiliti TEKUN Nasional tidak mengedarkan salinan dokumen berkaitan perolehan dan pembelian kepada Pejabat Negeri untuk dijadikan bahan rujukan sekiranya hendak menguruskan perkara berkaitan. Contohnya Manual Polisi Perolehan, Jawatankuasa Sebutharga dan lain-lain.	Pihak TEKUN Nasional hendaklah mengedarkan salinan dokumen berkaitan kepada Pejabat Negeri untuk dijadikan bahan rujukan: — Perlu mematuhi SOP yang dikeluarkan. — Memberi pendedahan kepada pegawai dan kakitangan TEKUN Nasional berhubung SOP perolehan dan pembelian supaya mereka memahami dan mematuhinya.

PEMBELIAN BANGUNAN	
Tiada perbandingan kajian harga pasaran untuk pembelian bangunan Ibu Pejabat TEKUN Nasional.	Perlu membuat kajian harga pasaran dan perbandingan harga sebelum membuat sebarang pembelian/perolehan.
Manual polisi perolehan/ pembelian TEKUN Nasional yang kurang jelas dan tidak lengkap.	Manual polisi perolehan/pembelian perlu diperkemaskan lagi dengan memperincikan setiap panduan/proses.
PENAJAAN	
Dasar dan polisi yang tidak jelas. Tidak ditentukan kategori dan jenis sumbangan/tajaan yang dibenarkan. Permohonan untuk sumbangan dan tajaan adalah terbuka kepada mana-mana kementerian, agensi, persatuan, NGO, kelab, parti politik atau orang perseorangan.	* Mewujudkan dasar dan polisi tentang jenis dan kategori (mengikut sektor) sumbangan dan tajaan yang dibenarkan. * Dasar dan polisi berkaitan sumbangan dan tajaan ini perlu diwar-warkan dan dijelaskan melalui surat arahan dalaman jabatan, medium media elektronik atau media cetak.
Sistem pengurusan sumbangan dan tajaan tidak mempunyai elemen kawalan dalaman dari segi pemantauan dan penyeliaan.	* Mewujudkan SOP berkaitan pemantauan dan penyeliaan wang sumbangan dan penajaan. * Menyediakan Surat Akuan Penerimaan terhadap penerima sumbangan atau tajaan dengan memasukkan peringatan di bawah kesalahan Akta SPRM 2009 (*Integrity Pact*). * Menyediakan borang permohonan sumbangan sama ada secara manual atau *online* (*application form*).
Tiada senarai pembahagian tugas dan juga takrifan yang jelas melibatkan tanggungungjawab Ketua Jabatan dan Eksekutif Kanan.	Menyenaraikan pembahagian tugas dan tanggungjawab terhadap peranan Ketua Jabatan, Eksekutif Kanan dan kakitangan lain yang terlibat dalam proses permohonan, kelulusan dan pembayaran wang sumbangan/tajaan.
Tiada had jumlah yang dibenarkan mengikut permohonan sumbangan dan tajaan. Had jumlah adalah terletak kepada kuasa budi bicara Jawatankuasa Derma dan Sumbangan.	* Menentukan had jumlah mengikut jenis sumbangan dan tajaan program. * Ahli Jawatankuasa Derma dan Sumbangan perlu membuat pengisytiharan jika mempunyai percanggahan kepentingan yang melibatkan urusan rasmi jabatan atau tidak rasmi atau juga mempunyai hubungan antara ahli Lembaga Amanah, saudara, keluarga atau rakan peniagaan. * Menyediakan terma rujukan serta garis panduan dan kriteria untuk dijadikan panduan membuat keputusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Derma dan Sumbangan.

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
PELANTIKAN TENAGA PAKAR	
Tenaga pakar yang dilantik tidak menjalankan fungsi perlantikan jawatan di TEKUN Nasional	Perlu beri justifikasi keperluan setiap perjawatan tenaga pakar yang dilantik oleh TEKUN Nasional supaya dapat menyumbang kepada pencapaian matlamat, misi dan visi TEKUN Nasional.
Senarai tugas tidak disediakan sebelum perjawatan tersebut diwujudkan.	Menyediakan senarai tugas sebelum sesuatu perjawatan diwujudkan dalam TEKUN Nasional. Senarai tugas tersebut perlulah jelas, sesuai dengan perjawatan, boleh dilaksanakan dan boleh dikawal oleh pihak atasan. Elemen kawalan penting supaya pemantauan dapat dilakukan ke atas pegawai atau kakitangan TEKUN Nasional.
Tenaga pakar yang sedia ada tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab mengikut perjawatan mereka di Tekun Nasional.	Mengkaji semula setiap perjawatan tenaga pakar supaya selaras dengan keperluan TEKUN Nasional.





Sesi pembentangan khidmat nasihat oleh KPKPj Ahmad Sabri bin Mohamed kepada Dato' Adam Abdul Ghani, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kanan (Korporat) TEKUN di Ibu Pejabat TEKUN Nasional, Kuala Lumpur pada 25 Ogos 2016

1.3 Pemeriksaan Terhadap Amalan, Sistem Dan Tatacara Kerja Berhubung Proses Pengeluaran Kayu Balak Oleh Agensi-Agensi Berkaitan Di Negeri Sarawak

Hasil operasi bersepadu 'Ops Gergaji' yang telah dijalankan bagi membanteras kegiatan rasuah, pembalakan dan penebangan hutan secara haram dan perbuatan mengelak cukai kepada kerajaan di Negeri Sarawak, beberapa kelemahan dan cadangan penambahbaikan diperolehi seperti berikut:-

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Kilang pemprosesan kayu berlesen yang berada jauh di dalam hutan sukar dibuat pemantauan oleh pihak *Sarawak Forestry Corporation* (SFC), Harwood Timber Sdn Bhd (HTSB) dan Jabatan Hutan Sarawak (JHS).	Menempatkan pegawai JHS di kawasan kilang papan dalam hutan.
Tiada piawai dan norma masa berkaitan dengan proses permohonan lesen konsesi pembalakan oleh JHS dan tempoh memproses permohonan lesen terlalu lama. Dicadangkan menyediakan carta alir pemerosesan permohonan lesen mengikut jenis lesen sebagai rujukan serta meningkatkan ketelusan.	Menyediakan carta alir pemerosesan permohonan lesen mengikut jenis lesen sebagai rujukan serta meningkatkan ketelusan.
Pelesen atau mereka yang tidak bertanggungjawab mencetak tag *Log Production Identity* (LPI) dan *Royalty Assessment Tag* secara berganda bagi tujuan penyeludupan kayu balak. Tiada kawalan pihak Jabatan terhadap cetakan kedua-dua tag berkenaan.	• Penggunaan alat berteknologi tinggi bagi mengesan balak yang sudah dibayar royalti. Contoh: RFID, CIP atau penggunaan *Barcode* • JHS perlu mengawal pengeluaran tag LPI seperti di Semenanjung Malaysia.
Kemajuan kerjaya yang sangat kurang.	Memperkasakan JHS dengan menambah bilangan pegawai dan peningkatan peluang kenaikan pangkat melalui proses *re-structuring/re-organised*.
Terdapat tohmahan mengatakan pegawai JHS mengamalkan rasuah semasa menjalankan tugas.	• Mengadakan kursus peningkatan integriti secara berkala dan melantik Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) bagi menjalankan apa-apa aktiviti peningkatan integriti • Menyediakan elaun tambahan kepada pegawai JHS bagi meningkatkan motivasi pegawai. Contoh elaun hutan. • Menjalankan operasi bersama dengan agensi penguatkuasa yang berkaitan dan SPRM bagi mengelak prasangka buruk dan tohmahan pihak awam.
Ancaman daripada samseng yang mengawal kawasan pembalakan, yang mana mereka ini mempunyai senjata.	Menyediakan kelengkapan kepada pegawai hutan seperti senjata api semasa pemantauan dibuat.



Balak yang ditebang secara haram di Sarawak



Keratan akhbar berkaitan kegiatan pembalakan secara haram yang diperolehi hasil operasi siasatan dalam 'Ops Gergaji' pada tahun 2015

1.4 Pemeriksaan Ke Atas Amalan, Sistem Dan Tatacara Berkaitan Pengurusan Peruntukan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Batu Rakit (PDK Batu Rakit) Oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Terengganu

Hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh SPRM Terengganu berhubung pengurusan peruntukan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang telah diseleweng oleh Ahli Jawatankuasa PDK Batu Rakit menemui beberapa kelemahan dan cadangan penambahbaikan seperti berikut:-

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Penyaluran agihan peruntukan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) terus kepada PDK dan JKM Daerah hanya dimaklumkan sahaja.	Peruntukan untuk PDK Batu Rakit disalurkan oleh JKM Negeri Terengganu kepada peringkat JKM Daerah sahaja dan bukannya terus kepada PDK. Segala perbelanjaan dikawal di peringkat JKM Daerah dan AJK yang dilantik adalah dikalangan orang awam dan tidak dibayar apa-apa elaun yang membolehkan mereka dianggap sebagai penjawat awam. Sepatutnya peringkat AJK hanya sediakan perancangan program dan mohon kelulusan kewangan untuk melaksanakan program di PDK kepada JKM Daerah, manakala penyeliaan dan penyelenggaran wang peruntukan adalah di peringkat JKM Daerah.
Garis Panduan Pengurusan Program Pemulihan Dalam Komuniti telah menetapkan berkaitan penyaluran peruntukan PDK terus kepada PDK melalui PKMD (M.s 50).	Garis Panduan Pengurusan Program Pemulihan Dalam Komuniti berkaitan penyaluran peruntukan PDK terus kepada PDK melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (M.s 50), perlu dipinda. Bersesuaian dengan cadangan penambahbaikan pada no.1.

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Ahli Jawatankusa PDK Batu Rakit akan menandatangani surat pematuhan kegunaan peruntukan PDK yang diterima untuk tahun tersebut, sebagai akujanji akan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pengurusan PDK, tetapi pada borang tersebut tidak dinyatakan bahawa Ahli Jawatankuasa diikat dengan tindakan undang-undang sekiranya berlaku perlanggaran, penyelewengan dan salahguna peruntukan tersebut. (Surat JKM PDK-10).	Memasukkan klausa "bahawa Ahli Jawatankuasa diikat dengan tindakan undang-undang sekiranya berlaku perlanggaran, penyelewengan dan salahguna peruntukan PDK" pada Surat JKM PDK-10. Ini adalah bertujuan untuk mengikat Ahli Jawatankusa PDK agar merancang dan melaksanakan program mengikut tatacara dan prosedur yang betul.
Perlantikan Ahli Jawatankuasa (Bendahari) di peringkat PDK Batu Rakit dibuat tanpa mengambil kira latarbelakang Bendahari yang dilantik.	Dicadangkan setiap perlantikan Bendahari di peringkat PDK Batu Rakit dibuat dengan mengambil kira latar belakang akademik dalam pengurusan kewangan.
Ahli Jawatankuasa yang dilantik tidak mempunyai pengetahuan berkaitan dengan penyelenggaraan sistem fail, penyimpanan dokumen dan pengurusan kewangan. Didapati cara penyimpanan fail dan dokumen di PDK Batu Rakit tidak teratur dan ada dokumen yang tidak diperolehi apabila diminta untuk dikemukakan kerana telah hilang dalam simpanan.	Dicadangkan AJK yang dilantik diberi pendedahan berkaitan dengan penyelenggaraan sistem fail, penyimpanan dokumen dan pengurusan kewangan melalui kursus/taklimat oleh pihak JKM Terengganu.
PDK Batu Rakit mempunyai dua akaun bank iaitu: • BSN yang bertujuan untuk menyalurkan agihan peruntukan tahunan PDK Batu Rakit. • CIMB yang bertujuan menyalurkan wang kutipan sumbangan/derma daripada orang ramai untuk PDK Batu Rakit.	Semua PDK termasuk PDK Batu Rakit hanya dibenarkan untuk mempunyai satu akaun sahaja bagi tujuan menyalurkan wang kutipan sumbangan/derma daripada orang ramai.
Jabatan Pembangunan OKU Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia menyalurkan peruntukan tahunan kepada JKM Terengganu bagi melaksanakan Program Dohsa Hou (Pemulihan Khas) Pelatih PDK seluruh Negeri Terengganu. JKM Terengganu telah memilih Akaun PDK Batu Rakit untuk 'tumpang' sementara wang peruntukan tersebut sebelum wang tersebut digunakan sepenuhnya bagi perlaksanaan aktiviti.	Pihak JKM Terengganu hendaklah memastikan peruntukan yang diterima untuk Program Dohsa Hou (Pemulihan Khas) Pelatih PDK seluruh Negeri Terengganu atau program yang diuruskan oleh JKMN Terengganu, diselia sepenuhnya di peringkat JKM Terengganu tanpa melibatkan PDK Batu Rakit dengan mematuhi kehendak serta peraturan kewangan sedia ada.
Ketiadaan pegawai penyelaras PDK khusus yang bertanggungjawab untuk membuat penyeliaan sepenuhnya ke atas PDK di setiap daerah.	Menambah keanggotaan pegawai penyelaras yang khusus di setiap PDK daerah untuk memantau segala aktiviti atau program yang dilaksanakan.
Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD)/ Penyelaras PDK Daerah kurang memberi komitmen terhadap penyeliaan perbelanjaan dan aktiviti di PDK sehingga wujudnya penyelewengan.	Memastikan PKMD/Penyelaras PDK menghadiri latihan dan kursus berkaitan secara berterusan.

1.5 Pemeriksaan Terhadap Amalan, Sistem dan Tatacara Kerja Berhubung Permohonan Dan Pemilikan Rumah Mampu Milik (RMM) Negeri Terengganu Di Bawah Pengurusan Unit Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu

Pemeriksaan yang dijalankan terhadap aduan dalam urusan permohonan Rumah Mampu Milik (RMM) dan kelewatan agihan RMM Unit Perumahan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Terengganu mendapati terdapat beberapa kelemahan dan cadangan penambahbaikan seperti berikut:-

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Data-data pemohon melalui sistem atas talian (*online*) hanya sah dalam tempoh dua tahun dan pemohon perlu mengemaskini data tersebut. Dalam hal ini, Unit Perumahan SUK Terengganu tidak membuat hebahan kepada pemohon berkaitan keperluan untuk mengemaskini data mereka selepas tempoh dua tahun.	Unit Perumahan SUK Terengganu perlu memaklumkan atau membuat hebahan awal kepada pemohon mengenai permohonan yang hanya sah untuk tempoh dua tahun sahaja. Pemohon perlu mengemas kini data melalui sistem *online* sekiranya permohonan mereka telah tamat tempoh tersebut.
Permohonan asal akan terbatal sekiranya siasatan awal diperingkat Pejabat Daerah mengesahkan pemohon tidak layak. Sekiranya pemohon masih berminat untuk memiliki RMM ini, permohonan baru perlu dibuat (sekiranya permohonan baru RMM dibuka oleh Unit Perumahan SUK Terengganu kelak). Tiada proses rayuan boleh dibuat dan status gagal tidak dimaklumkan kepada pemohon oleh Unit Perumahan SUK Terengganu.	Unit Perumahan SUK Terengganu perlu membuat makluman kepada pemohon yang gagal semasa siasatan peringkat Pejabat Daerah. Ini bagi mengelakkan sebarang tohmahan yang ditujukan kepada Unit Perumahan.
Jawatankuasa Pemilihan Daerah tidak dilaksanakan sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta tiada sebarang laporan bertulis dikemukakan di peringkat Pejabat Daerah mahupun Jawatankuasa Pemilihan Daerah kepada Unit Perumahan SUK Terengganu berkaitan senarai nama yang melepasi proses siasatan di peringkat daerah.	Unit Perumahan SUK Terengganu hendaklah memastikan Jawatankuasa Pemilihan Daerah dilaksanakan sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Satu bentuk pelaporan perlu disediakan oleh Jawatankuasa Pemilihan Daerah kepada Unit Perumahan bersama senarai nama pemohon yang berjaya dan gagal.
Jawatankuasa Pemilihan Negeri tidak dilaksanakan sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kali Ke-30 Tahun 2014 pada 17.9.2014 serta tidak dinyatakan dengan jelas kriteria-kriteria yang perlu diambil kira di peringkat membuat keputusan oleh Jawatankuasa Pemilihan Negeri bagi kes pemohon yang membuat rayuan semula sewaktu gagal dalam proses temuduga awal. Norma masa untuk rayuan juga tidak dijelaskan.	Unit Perumahan SUK Terengganu hendaklah memastikan Jawatankuasa Pemilihan Peringkat Negeri dilaksanakan sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kali Ke-30 Tahun 2014 pada 17.9.2014. Penerangan lanjut berhubung kriteria-kriteria yang diambil kira di peringkat membuat keputusan oleh Jawatankuasa Pemilihan Negeri bagi kes pemohon yang membuat rayuan semula sewaktu gagal dalam proses temuduga awal serta norma masa peringkat rayuan perlu dinyatakan dengan jelas.
Pemohon yang gagal dalam proses temuduga sehingga ke peringkat rayuan melalui Jawatankuasa Pemilihan Negeri telah dimaklumkan melalui email bahawa mereka gagal, manakala pemohon yang tidak mempunyai akaun email tidak mendapat sebarang surat makluman berkaitan kegagalan permohonan.	Unit Perumahan SUK Terengganu perlu membuat makluman kepada setiap pemohon yang gagal dalam proses temuduga dan juga pemilihan di peringkat negeri.

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Peringatan kepada pemohon untuk membuat perakuan benar dan betul (Borang Akuan Permohonan) hanya dibuat di peringkat temuduga dan bukannya di peringkat awal permohonan dibuat secara *online*.	Unit Perumahan SUK Terengganu perlu memasukkan klausa di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 di peringkat awal permohonan secara *online*
Draf Standard Prosedur Kerja (SOP) yang telah disediakan oleh Unit Perumahan berhubung Dasar Projek Perumahan Negeri Terengganu tidak lengkap dan sukar difahami terutamanya dalam Carta Alir Proses Permohonan RMM. Tiada huraian proses yang jelas dan ianya tidak didokumenkan.	Unit Perumahan SUK Terengganu perlu membuat huraian terperinci berhubung setiap proses permohonan RMM sebagaimana Carta Alir dan ianya perlu didokumenkan. Ini akan memudahkan setiap tindakan dan proses berkaitan permohonan. Sekiranya berlaku pertukaran pegawai, pegawai baru dapat melaksanakan tugas dengan betul dan mempunyai sumber rujukan.
Draf Standard Prosedur Kerja (SOP) tidak menyatakan dengan jelas siapakah yang dilantik di peringkat Unit Perumahan sebagai panel penemuduga dan hanya dinyatakan di dalam keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.	Unit Perumahan SUK Terengganu perlu memasukkan nama panel temuduga yang dilantik di dalam SOP di peringkat Unit Perumahan.
Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri menetapkan penjualan rumah kepada ahli keluarga terdekat boleh dipertimbangkan selepas lima tahun. Dalam hal ini Unit Perumahan SUK Terengganu tidak mentakrifkan maksud ahli keluarga terdekat dengan lebih lanjut dalam SOP sebagai rujukan kepada pemohon dan juga pihak Unit Perumahan.	Unit Perumahan SUK Terengganu perlu memberi takrifan yang terperinci maksud ahli keluarga terdekat dalam SOP sebagai rujukan kepada pemilik rumah dan juga Unit Perumahan.





Sesi pembentangan khidmat nasihat kepada Tn. Hj. Zainal Abidin bin Hussin, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (Pembangunan) pada 2 Ogos 2016 di Pejabat SUK Terengganu.

1.6 Pemeriksaan Terhadap Amalan, Sistem Dan Tatacara Kerja Berhubung Projek Membaikpulih Dan Membina Rumah Nelayan Di Bawah Program Tabung Khas Perumahan Nelayan Oleh LKIM Terengganu

Hasil pemeriksaan yang dijalankan di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Terengganu berikutan kes penyelewengan kontraktor dalam Projek Membaikpulih dan Membina Rumah Nelayan di bawah Program Tabung Khas Perumahan Nelayan (PKPN) mengenalpasti beberapa kelemahan dan cadangan penambahbaikan seperti berikut:-

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Kerajaan memberi kuasa kepada Majlis Pembanguan Pertanian Parlimen (MPPP) untuk menguruskan projek baikpulih perumahan nelayan termasuk urusan-urusan pembayaran kontraktor. Sebaliknya, LKIM yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek ini hanya berperanan menyalurkan peruntukan dan memberi kelulusan bantuan setelah disyorkan oleh MPPP.	Unit Perumahan SUK Terengganu perlu memasukkan klausa di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 di peringkat awal permohonan secara *online*.
Penggunaan Borang Bancian Kos PPN dan Borang Lampiran Perakuan Siap Kerja dalam Pesanan Kerajaan (LO) dalam perlaksanaan kerja oleh kontraktor didapati tidak standard dan tidak diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Projek Perumahan Nelayan (PPN).	• Para 3.6 dalam Garis Panduan Program Khas Perumahan Nelayan berkaitan Jenis-Jenis Borang selain daripada Borang PPN 02 dan PPN 03 - dicadangkan pihak LKIM perlu menyediakan borang bancian awal yang ditandatangani oleh tiga pihak iaitu : i) Petugas Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) ii) Kontraktor terlibat iii) Pemohon / penerima bantuan • Tandatangan tiga pihak ini adalah sebagai tanda persetujuan dengan cadangan kerja yang hendak dilaksanakan. • Pihak LKIM juga perlu menyediakan borang perakuan siap kerja yang dilampirkan bersama LO yang ditandatangani oleh Petugas PNK, kontraktor, pemohon/penerima bantuan dan saksi untuk mengesahkan kerja baik pulih siap sepenuhnya. Kesemua borang ini perlu diselaraskan untuk kerja baikpulih yang diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Projek Perumahan Nelayan (PPN).
Tiada spesifikasi yang khusus disediakan untuk kerja-kerja baikpulih kerana setiap kerja pembaikan rumah adalah berbeza mengikut keadaan fizikal rumah serta mengikut kehendak atau persetujuan pemilik rumah.	Para 5.2.1 dalam Garis Panduan Program Khas Perumahan Nelayan berkaitan Tatacara Pemantauan/ Laporan Projek oleh PNK. Dicadangkan pihak LKIM menyediakan format pelaporan yang selaras dan diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Projek Perumahan Nelayan (PPN). Pelaporan hendaklah mengandungi senarai semak (*checklist*) contohnya gambar berkaitan projek iaitu sebelum, semasa dan selepas serta lain-lain dokumen berkaitan.


KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Tiada format pelaporan yang khusus dalam Garis Panduan Program Khas Perumahan Nelayan berkaitan Tatacara Pemantauan/Laporan Projek oleh PNK disediakan oleh pihak LKIM berhubung projek baikpulih perumahan nelayan ini.	Para 5.2.1 dalam Garis Panduan Program Khas Perumahan Nelayan berkaitan Tatacara Pemantauan/Laporan Projek oleh PNK. Dicadangkan pihak LKIM menyediakan format pelaporan yang selaras dan diluluskan oleh Jawatankuasa Induk PPN. Pelaporan hendaklah mengandungi senarai semak (*checklist)* contohnya gambar berkaitan projek iaitu sebelum, semasa dan selepas serta lain-lain dokumen berkaitan.
Tiada semakan dibuat di peringkat pegawai penyelia kepada petugas PNK bagi mengesahkan perakuan siap kerja yang dilaksanakan di sesebuah lokasi/ rumah penerima bantuan oleh Petugas PNK tersebut.	Membuat pindaan pada para 5.2.3 Garis Panduan Program Khas Perumahan Nelayan dengan mewujudkan sistem pemantauan terakhir projek yang dijalankan oleh petugas PNK di mana perlu disahkan oleh pegawai penyelia untuk membuktikan pemantauan tersebut benar dilaksanakan.
Senarai tugas PNK tidak diperjelaskan dalam Garis Panduan Program Khas Perumahan Nelayan sedangkan dalam pelaksanaan sebenar pegawai PNK memainkan peranan dalam membuat perakuan siap kerja.	Para 6.2.2 dalam Garis Panduan Program Khas Perumahan Nelayan berkaitan senarai tugas PNK, pihak LKIM perlu juga memasukkan tugas PNK iaitu petugas membuat perakuan dan pengesahan siap kerja di tapak sebagaimana spesifikasi awal yang telah dipersetujui di antara penerima dengan kontraktor.
Sebahagian dari peruntukan atau 5% daripada bajet Projek Khas Perumahan Nelayan (contohnya MPPP Dungun telah dipotong RM500/unit rumah) digunakan untuk menampung perbelanjaan pengurusan projek dan ini mengurangkan lagi kos keseluruhan baikpulih rumah sedangkan telah dinyatakan secara jelas di dalam Garis Panduan bahawa nilaian bagi kerja-kerja pembaikan rumah nelayan yang diperuntukkan adalah RM10,000/- bagi Semenanjung Malaysia dan RM12,000/- bagi Sabah dan Sarawak.	Sebahagian peruntukan atau 5% daripada bajet Projek Khas Perumahan Nelayan yang digunakan bagi menampung perbelanjaan pengurusan projek perlu dijelaskan di dalam garis panduan agar tiada pihak yang terkeliru. Tambahan pula, pihak LKIM sememangnya telah menyediakan peruntukan khusus untuk mengurus (TNT) Projek Khas Perumahan Nelayan sebanyak RM2 juta.

2. IKRAR INTEGRITI KORPORAT

Ikrar Integriti Korporat ialah satu deklarasi secara unilateral oleh sesebuah organisasi korporat di Malaysia bagi mendukung prinsip-prinsip pencegahan rasuah seperti di bawah:-



CARTA 8: Jumlah Penandatangan Ikrar Integriti Korporat Tahun 2010 hingga 2016





Upacara menandatangani Memorandum Persefahaman di antara SPRM dan Prasarana serta Menandatangani Ikrar Integriti Korporat dengan vendor Prasarana pada 8 November 2016



Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) oleh lima Institusi Kewangan Pembangunan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)



Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat oleh vendors DBKL

2.1 Mesyuarat Meja Bulat Sistem Integriti Korporat

Bagi menangani amalan rasuah di sektor swasta, kerangka kerja pencegahan rasuah diperkukuhkan melalui pembentukan Sistem Integriti Korporat Malaysia atau *Corporate Integrity System Malaysia* (CISM).

Mesyuarat Meja Bulat CISM diadakan sebanyak empat kali setahun dengan dipengerusikan oleh Dato' Hj. Shamshun Baharin bin Mohd. Jamil, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM. Anggota-anggota Meja Bulat Integriti Korporat seperti berikut:



2.2 *Lab Corporate Integrity System Malaysia (CISM)*



2.3 Persidangan Ikrar Integriti Korporat

Persidangan Ikrar Integriti Korporat (CIP) 2016: *Gearing Up For Global Challenges* telah diadakan di Hotel Everly, Putrajaya pada 6 Oktober 2016. Ia dirasmikan oleh Senator Datuk Paul Low Seng Kuan selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan dihadiri tokoh-tokoh korporat, ahli akademik, pemimpin dan ketua jabatan serta agensi kawal selia dari sektor awam, sektor swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dari pelbagai aspek berkaitan tadbir urus dan integriti korporat.




Ucapan oleh YBhg. Dato' Hj. Shamshun Baharin bin Mohd Jamil, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM semasa perasmian Persidangan CIP 2016 pada 6 Oktober 2016 di Hotel Everly, Putrajaya

2.4 Penerbitan Buku *'CORPORATE INTEGRITY SYSTEM MALAYSIA – SELECTED CASE STUDIES'*

Buku 'Corporate Integrity System Malaysia – Selected CaseStudies' diterbitkan pada Disember 2016 hasil usahasama SPRM, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI), *Chartered Institute of Management Accountants* (CIMA) dan Universiti Tun Abdul Razak.

Ia merupakan bahan rujukan dengan pengkhususan di dalam bidang integriti profesional, tadbir urus korporat, etika perniagaan, tanggungjawab sosial korporat dan amalan prinsip pencegahan rasuah syarikat korporat.



2.5 Pemantauan Insiatif Korporat

Pemantauan yang dilaksanakan memberi fokus kepada 10 inisiatif pencegahan rasuah yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan oleh organisasi yang telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat.



Sepanjang tahun 2016 pemantauan menunjukkan satu peningkatan positif di mana purata setiap organisasi melaksanakan 7 inisiatif pencegahan rasuah berbanding pada tahun 2015 di mana secara purata hanya 5 inisiatif dilaksanakan. Fokus pemantauan bagi tahun 2016 adalah sektor perbankan dan sektor Oil & Gas. Hasil pemantauan mendapati budaya Integriti Sektor Korporat boleh ditingkatkan lagi khususnya Inisiatif berhubung Polisi Pemberi Maklumat, Polisi Perlaksanaan Tanggungjawab Sosial serta perlaksanaan Pengurusan Risiko Rasuah di agensi masing-masing. Organisasi-organisasi yang dipantau terhadap pelaksanaan melebihi 7 inisiatif pencegahan rasuah adalah seperti berikut:



2.6 BENGKEL PEMANTAUAN INISIATIF KORPORAT

Bengkel pemantauan diadakan pada 4 hingga 5 Oktober 2016 di Hotel Everly, Putrajaya yang dihadiri oleh 15 syarikat senarai awam antaranya adalah Malaysia Resources Corporation Berhad (MRCB), Ta Ann Holdings Berhad, Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB), Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM) dan Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad (MMHE).





Bengkel Pemantauan Inisiatif yang telah diadakan pada 4-5 Oktober 2016 di Hotel Everly, Putrajaya.

2.7 BENGKEL *TRAIN OF TRAINERS*

Bengkel *Train of Trainers* kepada pegawai-pegawai Pemeriksaan dan Perundingan SPRM Ibu Pejabat dan SPRM Negeri telah diadakan pada 20 – 21 September 2016 bertempat di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, Kuala Lumpur. Bengkel ini bertujuan memperkemaskan pengetahuan pegawai dalam melaksanakan pemantauan disamping menyampaikan mesej pencegahan rasuah kepada sektor korporat.





Sesi Bengkel *Train of Trainer* Pemantauan CIP 2016

2.8 KURSUS *CORPORATE DIRECTORS LEADERSHIP AND INTEGRITY* (CDLI)

Kursus *Corporate Directors Leadership and Integrity* (CDLI) yang dihadiri lebih 100 orang pegawai kerajaan mewakili ahli lembaga pengarah syarikat diadakan bertujuan memberi kesedaran terhadap pencegahan rasuah. Kursus anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) ini telah diadakan sebanyak tiga siri sepanjang tahun 2016 yang melibatkan modul kawalan dalaman dalam urus tadbir korporat dan perkongsian isu-isu semasa oleh SPRM.

3. PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) adalah satu proses pengurusan untuk membantu mana-mana organisasi bagi mengenalpasti kelemahan struktur yang mungkin membuka peluang berlakunya rasuah. Berhubung perkara ini, Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tadbir Urus dan Integriti) telah menyarankan setiap kementerian melaksanakan pendekatan kaedah CRM semasa mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Kebangsaan Siri 7 Bil. 2 Tahun 2016.



Taklimat pengenalan CRM kepada Kementerian Sumber Manusia pada 2 September 2016

Sepanjang tahun 2016 sebanyak 17 agensi diberikan taklimat pengenalan terhadap CRM dan 37 Bengkel CRM telah dilaksanakan. Dua agensi iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah membuat pembentangan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (PPRR) dalam mesyuarat JITU Kebangsaan.



> Setiap kementerian digesa laksana kaedah CRM
> -Datuk Paul Low Seng Kuan

4. ANTI-CORRUPTION & ETHICS (ACE) CENTRE

Sepanjang tahun 2016, ACE Centre yang berfungsi sebagai pusat perkongsian ilmu telah bekerjasama dengan industri pembinaan dalam usaha meningkatkan integriti dan kesedaran pencegahan rasuah di kalangan mereka yang terlibat dalam industri. Penglibatan ACE Centre dalam Jawatankuasa Kerjasama Pelaksana (JKP) berkenaan tadbir urus, integriti dan pencegahan rasuah dalam industri pembinaan telah membawa kepada penambahan inisiatif ke-19 dalam Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) iaitu Kukuhkan Integriti dan Tadbir Urus Industri Pembinaan.



SPRM diwakili oleh Tuan Teh Chau Chin, Puan Saadah binti Salleh dan Ps. Kho Lee Yee dalam perkongsian ilmu dengan pegawai Fiji Independent Commission Against Corruption (FICAC)




Penglibatan pegawai SPRM dalam Seminar Integriti 2016 anjuran CIDB dan CIDB Holding Sdn Bhd pada 15 Disember 2016 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

5. INTERNATIONAL STANDARD ORGANIZATION (ISO) ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) 37001

International Standard Organization (*ISO*) *Anti-Bribery Management Systems* (*ABMS*) 37001 adalah piawaian baru berhubung Sistem Pengurusan Pencegahan Rasuah (*Anti-Bribery Management Systems*) bagi menetapkan keperluan dan menyediakan panduan untuk mewujudkan, melaksanakan, memelihara, mengkaji dan memperbaiki sistem pengurusan anti rasuah.


Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP) diberi tanggungjawab untuk membangunkan manual bagi tool aktiviti pemeriksaan dan perundingan berdasarkan ISO ABMS 37001 selain ia menjadi pusat rujukan pelaksanaan aktiviti pemeriksaan dan perundingan.





PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI

2 PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI



Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 (PP Bil.6/2013), Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Jun 2013. Bahagian ini dipertanggungjawabkan untuk menyelaras pengoperasian fungsian Unit Integriti agensi awam di peringkat Persekutuan dan Negeri. SPRM melalui BPIA juga melaksanakan penarafan risiko rasuah agensi bagi menentukan model Unit Integriti yang bersesuaian untuk dilaksanakan di setiap agensi. Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk melaporkan sebarang pemasalahan yang dihadapi dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti Unit Integriti agensi kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Ketua Setiausaha Negara (KSN). Perbincangan diantara pihak Pengurusan Tertinggi SPRM bersama pegawai-pegawai integriti yang ditempatkan di agensi luar, diadakan secara berkala sepanjang tahun. Ini merupakan platfom terbaik


bagi pegawai integriti khususnya dari kalangan pegawai SPRM untuk mengetengahkan isu-isu yang memerlukan perhatian khusus daripada pihak Pengurusan Tertinggi SPRM. Di samping itu, SPRM juga mengadakan mesyuarat bersama Ketua-Ketua Unit Integriti yang bukan terdiri daripada pegawai SPRM bagi membantu menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan fungsi Unit Integriti.

PENUBUHAN UNIT INTEGRITI

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menetapkan bahawa kesemua 887 agensi yang terdiri daripada Kementerian Persekutuan, Kementerian Negeri, Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan Persekutuan, Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri untuk menubuhkan Unit Integriti. Melalui penarafan risiko yang dijalankan oleh SPRM, kesemua 887 agensi ini telah dikategorikan mengikut taraf risiko rasuah masing-masing iaitu 21 agensi bertaraf risiko tinggi, 42 berisiko sederhana manakala 824 agensi dikategorikan sebagai agensi bertaraf risiko rendah.

KEJAYAAN UNIT INTEGRITI

Unit Integriti agensi awam telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti merangkumi enam fungsi teras seperti yang digariskan. Aktiviti dan inisiatif yang dijalankan ini merupakan pencapaian Unit Integriti dalam usaha pembudayaan dan pelaksanaan integriti di dalam organisasi. Ini terbukti melalui rekod kejayaan yang telah dicapai.



1. Pengurusan Aduan

Sebanyak 5507 maklumat diterima oleh Unit Integriti Kementerian dan Agensi. Pertambahan maklumat yang diterima ini adalah hasil daripada kewujudan *Reporting System Centre* di mana aduan yang diterima adalah menyeluruh dan meliputi isu rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan juga kelemahan pentadbiran.

2. Pengesanan & Pengesahan

Sebanyak 1199 tindakan pengesanan dan pengesahan kes telah dilaksanakan dan ada diantaranya mendapat perhatian dan liputan media.

3. Penyelesaian Kes Tatatertib

Sebanyak 4,812 kes tatatertib telah diselesaikan merangkumi 90% dari keseluruhan 5,358 kes yang dilaporkan setakat 2016.


4. Pengukuhan Integriti

Sebanyak 842 program pengukuhan integriti telah dilaksanakan oleh Unit Integriti, termasuk Corporate Integrity Pledge (CIP), Ikrar Integriti Penjawat Awam, program menangani keberhutangan serius dan lain-lain program.




5. Pematuhan

Sebanyak 798 tindakan pematuhan telah dilaksanakan untuk memastikan kakitangan agensi awam sentiasa mematuhi undang-undang, peraturan, prosedur dan arahan yang ditetapkan terutamanya di dalam prosedur perolehan, kewangan dan arahan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib 1993).



6. Tadbir Urus

Cadangan penambahbaikan dasar sedia ada atau pengenalan dasar dan inisiatif baru bagi memastikan tadbir urus lebih baik di organisasi telah dilaksanakan oleh Unit Integriti. Sebanyak 558 inisiatif telah direkodkan setakat 2016 yang melibatkan aktiviti bengkel *Corruption Risk Management* (CRM), Pelan Integriti Organisasi (PIO), Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan, Jawatankuasa Pemantauan dan penambahbaikan proses kerja.



USAHA PEMANTAPAN UNIT INTEGRITI

Mesyuarat Khas Ketua Setiausaha Negara (KSN) Bersama Ketua Unit Integriti Agensi Awam

Dalam usaha memastikan pelaksanaan fungsi Unit Integriti pada tahap yang optimum dan efektif, sokongan padu dan berterusan daripada pucuk pimpinan tertinggi adalah amat diperlukan. Justeru, BPIA selaku penyelaras dan pemantau kesemua Unit Integriti di agensi awam telah menganjurkan Mesyuarat Khas Ketua Setiausaha Negara (KSN) Bersama Ketua Unit Integriti (KUI) Agensi Awam di Jabatan Perdana Menteri pada 24 November 2016 dengan kehadiran seramai 58 orang Ketua Unit Integriti dari Kementerian/Agensi berisiko tinggi dan sederhana**.** Mesyuarat ini merupakan platfom terbaik bagi membincangkan pemasalahan dan isu-isu pelaksanaan fungsi teras Unit Integriti secara langsung bersama pengurusan tertinggi SPRM bersama dengan pemimpin utama Perkhidmatan Awam. Antara perkara yang diketengahkan adalah penambahbaikan fungsi pelaksanaan dan operasi Unit Integriti di semua agensi awam bagi memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja yang unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh. Bagi memastikan kelancaran fungsi dan kredibiliti Unit Integriti, KSN iaitu Tan Sri Dr. Ali Hamsa telah mencadangkan supaya gred perjawatan Ketua Unit Integriti di Kementerian dinaiktaraf kepada minima Jusa C selari dengan pelaporan kepada Ketua Setiausaha yang bergred jawatan sekurang-kurangnya Jusa A. Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad juga berkata struktur Unit Integriti perlu dikekalkan di dalam sistem sedia ada dengan sedikit penambahbaikan bagi melancarkan perjalanan dan pelaksanaan fungsi Unit Integriti: Menerusi meyuarat berkenaan, beberapa keputusan-keputusan dasar telah dicapai.






Mesyuarat Khas Ketua Setiausaha Negara (KSN) bersama Ketua Unit Integriti Agensi Awam yang diadakan Jabatan Perdana Menteri pada 24 November 2017

WAY FORWARD

Bagi memastikan penginstitusian integriti dapat direalisasikan, kesemua aspek yang meliputi modal insan, sistem dan proses perlu diambil kira. Pada 2017, keupayaan pegawai Unit Integriti akan ditingkatkan dengan mengadakan program-program dan perkongsian amalan terbaik dalam mengenal pasti bidang berisiko yang membuka ruang dan peluang kepada berlakunya *integrity violations* dapat dihindarkan. Diharap agar strategi dan pelan tindakan Unit Integriti yang mampan akan dapat dibentuk.



Pengukuhan kapabiliti pegawai integriti

Kenal pasti bidang risiko *integrity violations*

Strategi dan pelan tindakan unit integriti yang mampan

PENGINSTITUSIAN INTEGRITI SEKTOR AWAM



PEMANTAPAN URUS TADBIR SEKTOR AWAM

3 PEMANTAPAN URUS TADBIR SEKTOR AWAM

TADBIR URUS CEMERLANG, MASA DEPAN GEMILANG

Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) merupakan pemacu perubahan dalam mewujudkan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berteraskan integriti dan tadbir urus yang baik. Saranan dibuat oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) agar Malaysia melaksanakan perubahan berganda *(quantum leap)* ke atas sistem penyampaian sektor awam untuk menjadikan Malaysia sebagai negara contoh kepada dunia dalam usaha memperkasakan perkhidmatan awam.

Dalam menghadapi cabaran untuk memperbaiki kedudukan dan meningkatkan skor *Corruption Perception Index* (CPI) Malaysia, YBhg. Tan Sri KSN menggesa semua pihak, sama ada sektor awam atau sektor swasta memainkan peranan dan bekerjasama bagi memastikan sasaran kerajaan supaya Malaysia menduduki tangga ke-30 teratas dalam CPI pada tahun 2020 dapat dicapai.

MESYUARAT JITU PERINGKAT KEBANGSAAN

Mesyuarat JITU menyediakan *platform* kepada semua pihak kementerian dan kerajaan negeri untuk berkongsi pengetahuan serta pendapat mengenai sesuatu isu dan seterusnya mencadangkan penambahbaikan atau penyelesaiannya. Selain itu, ia juga merupakan *platform* untuk membentangkan amalan terbaik *(best practices)* yang dipraktikkan dalam organisasi masing-masing.

PELAKSANAAN MESYUARAT

MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT
Siri 6 Bil. 1 Tahun 2016	3 Mac 2016	Putrajaya Marriott Hotel, IOI Resort City, Sepang Utara
Siri 7 Bil. 2 Tahun 2016	28 Jun 2016	Pullman Putrajaya Lakeside, Putrajaya
Siri 8 Bil. 3 Tahun 2016	5 Disember 2016	The Everly Hotel, Putrajaya



Isu-isu Mesyuarat JITU Kebangsaan

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 13 isu utama telah dibincangkan dan sebanyak 10 Kertas Pembentangan telah dibentangkan di tiga siri Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan. Hasilnya adalah seperti berikut:-

ISU	STATUS
Penamatan perkhidmatan pegawai awam yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah.	Undang-undang dan peraturan akan disemak serta diperhalusi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) agar satu ketetapan dasar dapat dibuat.
Perubahan keputusan saringan air kencing bagi kes dadah sebelum dan selepas ujian saringan dilaksanakan.	Dalam penelitian AADK dan agensi penguatkuasaan bagi menetapkan keputusan dasar.
Tuntutan bayaran bagasi tidak dapat dibuat apabila tiket kapal terbang dibeli bukan melalui waran	MOF telah mengenalpasti dan menyemak isu ini serta cadangan penambahbaikan akan dilaksanakan.
Pegawai memilih untuk bersara pilihan *(option)* sebelum tindakan tatatertib dilakukan ke atasnya.	Pegawai yang sedang dalam prosedur tindakan tatatertib sepatutnya tidak diberi peluang untuk menamatkan perkhidmatan atau berpencen awal dan ketua jabatan tidak seharusnya menyokong permohonan pegawai.
Penyelarasan Tatacara Perolehan untuk Badan Berkanun.	Badan Berkanun tidak tertakluk kepada pemakaian Arahan Perbendaharaan kerana arahan tersebut hanya dipanjangkan dan tidak semestinya dipatuhi, maka, adalah sukar bagi agensi pusat untuk melaksanakan pemantauan ke atasnya.
Tuntutan palsu pembelian kasut bagi Badan Beruniform.	Isu akan dikaji dan dibincangkan secara lebih mendalam dalam Mesyuarat PKP JITU.
Bantuan yang perlu dihentikan apabila penjawat awam selaku penerima telah meninggal dunia.	Agensi/jabatan mewujudkan sistem *myIDENTITY* bersama Jabatan Pendaftaran Negara bagi mengesan terus penerima yang telah meninggal dunia serta sistem e-Bantuan bagi penamatan bantuan tersebut.
Penggunaan dron yang boleh menjejaskan keselamatan negara.	Pembentangan oleh pihak DCA telah dibuat dan dicadangkan supaya Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (HLC) ditubuhkan bagi memantau isu dron.
Prosiding Surcaj.	Beberapa perkara berhubung perkara ini perlu diperkemaskan lagi. Jika disabit kesalahan di bawah tindakan tatatertib, kutipan balik wang perlu dibuat dan sekiranya tindakan surcaj tidak diambil, ketua jabatan juga boleh dikenakan tindakan yang sama.
Pemantauan prestasi kontraktor dan perunding di Kementerian Kerja Raya (KKR).	Isu ini telah dimasukkan ke dalam Kertas Kerja Projek Sakit yang disediakan oleh Bahagian Integriti dan Tadbir Urus (BITU).

ISU	STATUS
Land Swap	Semua projek *land swap* dinilai berdasarkan kepada penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan dibandingkan dengan nilai pasaran. Perbezaan nilai yang paling tinggi akan diguna pakai.
Perbezaan kadar bayaran sewa hotel kepada penjawat awam kerana menjalankan tugas rasmi di luar ibu pejabat berbanding semasa berkursus	Semua kementerian/jabatan/agensi disaran menganjurkan seminar/bengkel di Institut Latihan Awam (ILA) yang sedia ada. Maklumat kursus dan fasiliti yang ditawarkan oleh ILA boleh diperoleh melalui Portal 1MTC.
Permohonan Pesanan Kerajaan (LO) yang dibuat untuk tujuan mendapatkan wang tunai bagi kegunaan kelab/persatuan atau pembelian alatan pejabat	i) Perbuatan adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009); dan ii) MOF telah menetapkan jumlah perbelanjaan tahunan bagi perolehan bekalan/perkhidmatan secara pembelian terus adalah sehingga RM20,000.00 sahaja dan tidak bercadang untuk menaikkan kadar tersebut.

PENILAIAN INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM

SPRM melaksanakan Kajian Penilaian Integriti Perkhidmatan Awam Malaysia atau *Malaysia Integrity Assessment* (MyIA) sebagai satu usaha untuk memantapkan dan mempromosikan integriti perkhidmatan awam ke arah mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam secara menyeluruh. Kajian dilaksanakan bertujuan untuk mewujudkan tanda aras integriti serta menilai tahap integriti dalaman dan luaran agensi dalam perkhidmatan awam.

Hasil kajian adalah penting untuk membantu agensi menyusun program dan aktiviti ke arah meningkatkan integriti penjawat awam bagi mewujudkan sistem penyampaian perkhidmatan awam Malaysia yang efisien dan efektif.


Kajian MyIA 2016 memfokuskan kepada 26 kementerian/agensi kerajaan yang berisiko sederhana berdasarkan kepada takrifan daripada Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) yang melibatkan kementerian/agensi kerajaan yang berurusan secara terus dengan rakyat dan terlibat dengan program *touch point*.

Berdasarkan kepada kerangka populasi, sampel dipilih secara kluster berstrata yang merangkumi Bahagian Perkhidmatan, Perolehan/Kewangan, Penguatkuasaan/Perlesenan dan Pentadbiran. Jumlah responden yang terlibat adalah sebanyak 5,625 responden yang terbahagi kepada dua kategori iaitu, 4533 responden dalaman dan 1092 responden luaran.

Kajian ini mengukur integriti berdasarkan tiga pengukuran iaitu Indeks Komprehensif yang merangkumi Integriti Dalaman, Integriti Staf (individu) dan Integriti Luaran.

Keputusan Kajian MyIA

Hasil daripada kajian yang dilakukan, didapati Indeks Komprehensif bagi 26 kementerian/jabatan/agensi adalah sebanyak 76.80%, yang berada di tahap yang baik.



PROGRAM MACC PEER REVIEW

Program MACC Peer Review (MACC PR) merupakan salah satu inisiatif dalam transformasi SPRM untuk meningkatkan keyakinan dan memperbaiki persepsi masyarakat terhadap SPRM. Sebanyak lapan Bahagian telah dipilih untuk pelaksanaan MACC PR pada tahun 2016 berdasarkan kepada fungsinya yang ada di setiap SPRM Negeri. Setiap Pengarah Bahagian akan disemak (*review*) oleh Penyemak (*Reviewer*) yang terdiri daripada Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri yang mempunyai pangkat setara/lebih tinggi/mana-mana yang sesuai yang dilantik oleh Pengurusan Tertinggi SPRM. Sebanyak lapan Bahagian di Ibu Pejabat SPRM yang telah dipilih adalah seperti berikut:- .

BAHAGIAN	AMALAN TERBAIK
Bahagian Pendidikan Masyarakat (PenMas)	Menganjurkan Program *Toast Master* untuk melatih pegawai SPRM supaya mampu menyampaikan ceramah dengan berkesan dan mendidik orang awam mengenai isu rasuah selain daripada menyalurkan maklumat yang berkualiti.
Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP)	Penglibatan secara serentak (*simultaneous*) antara Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan dan Bahagian Siasatan dalam usaha pencegahan rasuah.
Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)	Merangka Pelan Strategik MACA untuk meningkatkan kursus bertauliah (*certified*) ke arah menjadikan MACA sebagai sebuah hab latihan bertaraf dunia.
Bahagian Siasatan	Memberi fokus kepada kes-kes berbentuk Penggubahan Wang Haram (AMLA) dan Pelucuthakan Harta (FOP) serta menggunakan kaedah *Intelligence Based Investigation* (IBI) untuk menghasilkan siasatan berkualiti.
Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat (BPRTM)	Mewujudkan *Complaint Management System* (CMS) yang dapat mengurangkan aduan surat layang, maklumat tidak berkualiti dan mengelakkan pertindihan maklumat.
Bahagian Keselamatan	Keterlibatan Pegawai Keselamatan dalam Jawatankuasa Pembinaan Kompleks SPRM yang dapat mengurangkan risiko ketidakpatuhan dalam aspek keselamatan bangunan.
Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	BKP telah mengambil usaha untuk melengkapkan pegawai dengan pakaian seragam yang lengkap selari dengan saranan Pengurusan Tertinggi SPRM.
Bahagian Kewangan, Akaun dan Pembangunan (BKAP)	BKAP telah mengambil usaha mengkoordinasikan seluruh SPRM Bahagian dan Negeri sebelum sesuatu perolehan/penyediaan bajet dibuat bagi mengelakkan sebarang amalan pecah kecil atau kekurangan peruntukan berlaku.

Senarai Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan yang terlibat dalam Kajian Penilaian Integriti Perkhidmatan Awam Malaysia Tahun 2016.

KEMENTERIAN-KEMENTERIAN

Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM)
Kementerian Luar Negeri Malaysia (KLN)
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC)
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
Kementerian Sumber Manusia (KSM)
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)
Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)

AGENSI-AGENSI

Jabatan KEBAJIKAN Masyarakat

KEMAS

JPN

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

Jabatan Perikanan Malaysia

LKIM

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

MAJLIS AMANAH RAKYAT MARA

RISDA



PENDIDIKAN MASYARAKAT

1 PENDIDIKAN MASYARAKAT

PENDIDIKAN PENCEGAHAN RASUAH

Rasuah merupakan isu kelemahan integriti yang berjangkit atau merebak dalam masyarakat sejak dahulu sehingga kini, dan terbukti sebagai perbuatan jenayah yang boleh membawa implikasi negatif kepada kehidupan manusia. Sedangkan amalan rasuah merupakan satu tegahan agama dan dalam Surah al-Baqarah ayat 188 dengan jelas membawa maksud:

''Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)''

Penggunaan tema ***"Kebersamaan Memerangi Rasuah"*** sebagai strategi Pendidikan Masyarakat dan selaras dengan peranan Suruhanjaya Pencegahan Malaysia (SPRM) berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 7(f) dan Seksyen 7(g) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Terdapat dua strategi utama terhadap sasaran kumpulan masyarakat yang dilaksanakan dalam proses mendidik masyarakat pada tahun 2016 iaitu Komunikasi Bersemuka dan Promosi Media.

KOMUNIKASI BERSEMUKA



- Ceramah
- Pameran
- Seminar
- Bengkel
- Diskusi Meja Bulat
- Sekretariat Pencegahan Rasuah
- IPT/IPG/IPMa
- Program Bersama Masyarakat

PROMOSI MEDIA



- Televisyen
- Radio
- Billboard
- Skrin LED
- Blog Rasmi SPRM
- MACC.FM



- Poster
- Bunting
- Akhbar
- Risalah




- Facebook
- Twitter
- Youtube

STRATEGIK PENDIDIKAN PENCEGAHAN RASUAH MELALUI SALURAN MEDIA ELEKTRONIK, MEDIA CETAK DAN PAMERAN

PROMOSI MEDIA

Media massa merupakan saluran informasi dan medium komunikasi yang paling efektif untuk menyebarkan mesej anti rasuah kepada orang awam antaranya strategi media yang telah dilaksanakan sepanjang 2016 termasuklah:-

- **Iklan di 5 IPTV di Kedutaan Indonesia**
- **Iklan Pencegahan Rasuah di KLIA TV**
- **Pencetus Ummah di Astro Oasis**
- **Temuramah di TV**



- **Temubual Radio Awam/Swasta**

  Selain Televisyen, pegawai SPRM juga seringkali dijemput oleh pelbagai saluran radio tempatan dalam usaha penyampaian mesej pencegahan rasuah kepada masyarakat tempatan. Antaranya:-

  - Temubual di Cat fm, Perak fm, Radio JKT dan Radio Ai fm,

- ***Public Service Announcement* (PSA)**
  Public Service Announcement ataupun iklan layanan masyarakat terbitan cawangan media elektronik turut menyampaikan pesanan/mesej anti rasuah yang dimuat naik ke Youtube. Terdapat tujuh PSA telah diterbitkan pada tahun 2016, yakni:-
  *PSA Viral- Mesin Basuh
  *PSA Raya- Anak Tak Pulang
  *PSA Raya- Ucapan Hari Raya AidilFitri
  *PSA Ulang Tahun- Nokhda Hitam
  *PSA Viral- Telekung
  *PSA Viral- Rasuah Busuk
  *PSA Viral- Laci Puaka


- **MACC.fm**
  Semenjak pelancaran MACC.fm secara rasminya pada 2015, MACC.fm telah mencatatkan jumlah pendengar yang sungguh memberangsangkan. Saluran *radio streaming* yang kini beroperasi 12 jam setiap hari merupakan antara medium yang paling penting dalam usaha penyampaian mesej anti rasuah, khususnya dalam kalangan belia yang suka melayari internet. Sebanyak 61 temubual secara langsung yang disiarkan untuk sepanjang tahun 2016.

- **Pameran**
  Sepanjang tahun 2016, sebanyak 111 pameran pencegahan rasuah telah diadakan di seluruh negara. Pendekatan ini menyediakan platfom kepada orang awam untuk interaksi secara langsung dengan pegawai SPRM khususnya isu dan kemusyikilan berkenaan rasuah.

- **Penerbitan Buletin**
  Sebanyak enam siri buletin telah diterbitkan memaparkan berita mengenai aktiviti semasa di SPRM. Dalam buletin ini juga terdapat artikel-artikel menarik daripada semua aspek terutamanya pencegahan rasuah.

Kajian Persepsi Tindakan Pencegahan Rasuah (KPKT)

Objektif khusus kajian ini adalah untuk mengukur tahap pengetahuan masyarakat terhadap rasuah, peranan SPRM dan senario rasuah.



1 KEBERKESANAN TINDAKAN
- Penguatkuasaan
- Pendidikan
- Pencegahan

2 PENGETAHUAN
Pengetahuan mengenai rasuah dan isu-isu rasuah di Malaysia

3 SOKONGAN
- Sokongan Masyarakat
- Sikap kesediaan
- Sikap kesanggupan
- Toleransi

4 KEYAKINAN
- Ketelusan
- Kebebasan
- Profesionalisme

Peratusan Pengetahuan Responden dalam Kajian Persepsi Tindakan Pencegahan Rasuah (KPKT) 2016

RASUAH
61.4%
Pengetahuan terhadap rasuah.

PANEL
67.9%
Pengetahuan terhadap Badan Pemantau Bebas yang menasihati & memantau SPRM

SPRM
74.0%
Pengetahuan terhadap SPRM

AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT
67.9%
Pengetahuan mengenai Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

KUASA MENDAKWA
40.3%
SPRM tidak mempunyai kuasa mendakwa individu yang terlibat dengan rasuah.

AKTA PERLINDUNGAN SAKSI
65.1%
Pengetahuan mengenai Akta Perlindungan Saksi 2009

MENYIASAT
90.7%
Peranan SPRM adalah menyiasat maklumat berhubung kesalahan jenayah rasuah.

MENASIHATI
76.8%
Peranan SPRM termasuk menasihati ketua-ketua badan/ agensi awam tentang apa-apa perubahan dalam amalan dan tatacara kerja.

MERASUAH PEGAWAI
90.3%
Memberi rasuah kepada pegawai kerajaan adalah satu kesalahan.

MENERIMA HADIAH
40.0%
Menerima hadiah daripada mereka yang mempunyai urusan rasmi bukan satu pelanggaran tatatertib sahaja.

MENDIDIK
89.0%
Peranan SPRM termasuk mendidik masyarakat untuk menentang rasuah.

PENGURUSAN KETERLIBATAN SECARA EFEKTIF

Bahagian Pendidikan Masyarakat telah menggunakan kaedah *Communicate, Penetrate* dan *Mobilize* (CPM) dalam pengurusan keterlibatan kumpulan pemimpin berpengaruh (*Key Communicators/ opinion leaders*) secara holistik dan terancang dalam melaksanakan program pendidikan pencegahan rasuah pada tahun 2016. Kumpulan pemimpin berpengaruh yang terlibat merujuk kepada Kumpulan Sasaran Masyarakat.



PROGRAM GOTONG ROYONG

20 APRIL 2016 | DATARAN TANAH RATA, CAMERON HIGHLAND



KETERLIBATAN

SPRM, Jabatan Landskap dan Local Agenda 21 (LA21) Majlis Daerah Cameron Highland dan Sekolah Menengah Ahmad Shah, Tanah Rata, Cameron Highland

KEBERHASILAN

Meningkatkan kesedaran komuniti mengenai kepentingan kawasan sekitar yang bersih dan selamat serta bebas dari jenayah rasuah. Selain itu ia bertujuan sebagai salah satu usaha dalam mengurangkan pembuangan sisa di kawasan awam dan mengelakkan penyakit bawaan. Kerjasama yang utuh antara jabatan juga dapat dijalinkan dengan lebih rapat lagi.

PROGRAM MERAKYATKAN SPRM BERSAMA WARGA SYARIKAT PERUMAHAN NEGARA BERHAD (SPNB)

23 MEI 2016 | WISMA PERKESO, KUALA LUMPUR | 100 ORANG PESERTA



KETERLIBATAN

Datuk Dr Hj Abd Latiff bin Ahmad, Pengerusi SPNB, bersama Datuk Ahmad Azizi bin Hj Ali, Mejar (B) Tajol Hasnan Ghazali, Puan Rubizilah dan 100 peserta telah hadir dalam program pemantapan Integriti. Program ini juga turut disertai oleh Pengurusan Subsidiari iaitu SPNB Aspirasi, SPNB Idaman, SPNB Mesra, SPNB Edar dan SPNB Dana.

KEBERHASILAN

Satu taklimat mengenai Pengukuhan Integriti Dalam Menangani Rasuah turut disampaikan kepada peserta. Taklimat ini menyampaikan mesej anti rasuah serta menanamkan perasaan benci rasuah dikalangan warga dan organisasi SPNB.

PROGRAM "TOASTMASTER" SPRM

11 MEI 2016 | MACA | 40 ORANG PESERTA







KETERLIBATAN

Program *Toastmaster* SPRM diperkenalkan dengan tujuan untuk melahirkan Penceramah Berimpak Tinggi. Usaha pembangunan dalaman ini tercetus sewaktu *Project Management Office* (PMO) Pencegahan dalam perjalanan transformasi SPRM. Program ini direkabentuk sebagai satu metodologi untuk melatih pegawai Pendidikan Masyarakat serta penceramah SPRM terutama sekali yang tidak mempunyai sebarang pengalaman dalam menyampaikan ceramah. Program ini juga dapat membantu penceramah SPRM supaya lebih yakin diri dan dapat berkomunikasi dengan orang luar secara lebih berkesan. Program ini juga merupakan salah satu pendekatan untuk merealisasikan usaha pembangunan modal insan menerusi latihan kursus penceramah SPRM.

Objektif utama program adalah untuk mempertingkatkan keupayaan pegawai dalam menyampaikan ceramah. Sepanjang tahun 2016, empat siri Bengkel Toastmaster telah diadakan dengan memberi penekanan kepada kemahiran berikut:

a) Berkomunikasi / Penyampaian
b) Mempengaruhi
c) Pengurusan Program
d) Komunikasi Bertulis
e) Menganalisa

KEBERHASILAN

Melahirkan lebih ramai penceramah yang berimpak tinggi di SPRM. Selain itu, turut dijadikan asas kepada pentauliahan penceramah SPRM.

PROGRAM MERAKYATKAN SPRM BERSAMA NGO (C4)

30 MEI 2016 | GRIK PERAK | 500 ORANG PESERTA



KEBERHASILAN

Penerangan dan pendedahan pencegahan rasuah yang diberikan telah berjaya menyakinkan masyarakat orang asli untuk bekerjasama serta tampil menyalurkan maklumat dan aduan berkaitan rasuah dengan sukarela.



KETERLIBATAN

Program ini merupakan kerjasama SPRM dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JAKOA), Biro Pengaduan Awam (BPA) dan pemimpin orang asli di Grik, Perak. Program ini turut hadiri oleh Dato' Hj. Shamshun Baharin bin Mohd Jamil, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, KPKPj. Mohamad bin Hassan, Timbalan Pengarah SPRM Negeri Perak, Puan Tijah Yok Chopil, Pengerusi Jaringan Kampung Orang Asli Semenanjung Malaysia (JKOASM), Puan Cynthia Gabriel, Pengarah Eksekutif C4, Encik Suhaimi bin Mahmud, Timbalan Ketua Pengarah JAKOA, Puan Rohila Fahima binti Ahmad, Pengarah Biro Pengaduan Awam (BPA) dan PPj Celemans bin Hj Kasim, Ketua Cawangan Sosiobudaya, PenMas.



KEPRIHATINAN SPRM BERSAMA MASYARAKAT GELANDANGAN

13 OGOS 2016 | SEKITAR KUALA LUMPUR | AKTIVIS NGO DAN 13 ORANG PELAJAR TAHFIZ



KEBERHASILAN

Program ini dapat membina persepsi bahawa keprihatinan SPRM terhadap masyarakat gelandangan dan mewujudkan rasa "masih ada yang sayang" kepada golongan tersebut. Selain itu ia juga menjalinkan kerjasama SPRM bersama NGO dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan.

KETERLIBATAN

SPRM bersama Aktivis NGO dan Pelajar-Pelajar Diploma Tahfiz & Qiraat Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) telah melaksanakan program keterlibatan dan bersekali dengan tanggungjawab sosial ke atas golongan gelandangan. Aktiviti ini dilaksanakan di sekitar Pasar Seni, Kotaraya, Jalan Lekiu, Lebuh Pudu dan sepanjang kawasan pejalan kaki Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur.





MoU SPRM- MCA: MENZAHIRKAN PENGGUNAAN MODUL PENCEGAHAN RASUAH

12 JANUARI 2016 IBU PEJABAT MCA



KEBERHASILAN

MoU ini adalah satu kerjasama ke arah memerangi rasuah, dengan ini secara rasmi MCA menyasarkan untuk melatih sehingga 10,000 anggota MCA melalui pengenalan modul pencegahan di Sekolah Pengajian Politik MCA.

Modul ini digubal oleh Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM. Antara kandungan modul ini mengandungi definisi rasuah, hukuman dan kesalahan rasuah, peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan rasuah dan kesan buruk rasuah.



KETERLIBATAN

MoU ditandatangani oleh Mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Sri Haji Mustafar Haji Ali, manakala MCA diwakili oleh Pengetua Sekolah Pengajian Politik MCA, Datin Paduka Chee Mei Fun. Turut hadir Timbalan Presiden MCA, Dato' Sri Wee Ka Siong dan KPKPj. Abdul Samat bin Kasah, Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat,





MAJLIS DIALOG PREVENTION IS BETTER THAN CURE

20 APRIL 2016 HOTEL TABUNG HAJI, KOTA KINABALU



KETERLIBATAN

Majlis dialog ini telah diketuai oleh Ustaz Tuan Hj Malai bin Hj Ali bersama dengan Tuan Hj Pg Putra bin Pg Hj Omar, Pengarah Putra & Associates yang merupakan wakil dari Etiqa Takaful Berhad.

KEBERHASILAN

Antara topik yang dibahaskan ialah Rasuah, Salahguna Kuasa dan Kesannya, Pengurusan Wang Bijak serta Penerapan Nilai-Nilai Murni Pemangkin Integriti Diri.

PROGRAM "CAR FREE ZONE" MELAKA

24 JULAI 2016 BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH



KETERLIBATAN

Program Walk-About SPRM di Melaka dianjurkan dengan kerjasama Pengurusan Menara Taming Sari, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), dan Kerajaan Negeri Melaka, khususnya Jabatan Ketua Menteri Melaka bersama Jabatan dan Agensi Persekutuan dan Negeri.

KEBERHASILAN

Walk-About SPRM diperkenalkan untuk mendekati masyarakat dan mendengar pandangan daripada rakyat, keluhan dan harapan mereka terhadap SPRM. Pada masa yang sama suasana mesra rakyat ini membolehkan masyarakat mengenali dan memahami tugas SPRM yang sebenarnya.

4TH CCM INTEGRITY DAY- PROJECT KASIH "INVESTING IN THE FUTURE THROUGH INTEGRITY"

30 NOVEMBER 2016 | MENARA PNB & CCM PHARMACEUTICAL, | 59 ORANG PESERTA



KETERLIBATAN

Program ini telah dihadiri oleh En Leonard Ariff Abdul Shatar, Group Managing Director, Chemical Company of Malaysia sebagai wakil CCM.

KEBERHASILAN

Program ini mendidik golongan muda berkaitan integriti tercapai. Modul yang dilaksanakan oleh Seksyen Pendidikan diharap dapat meningkatkan integriti dalam kehidupan pelajar seterusnya dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

PROGRAM INNOVATION AND INTEGRITY REPOSSESSION

21 MEI 2016 | EXIM BANK MALAYSIA BERHAD,KL



KETERLIBATAN

Program ini adalah sesi bersama agen-agen penarik kereta yang berdaftar di bawah CIMB Bhd. Pihak CIMB juga menjemput pihak Kementerian Dalam Negeri, Polis dan pihak pengurusan Undang-undang CIMB sebagai panel jemputan. Pelbagai topik dikupaskan, antaranya berkaitan dengan isu-isu semasa agen penarik kereta melakukan tugas mereka.

KEBERHASILAN

Perbincangan (*one to one*) atau kumpulan kecil dibentuk bagi membincangkan apa jua isu yang sering dibangkitkan oleh agen penarik kereta. Semua jawapan kepada persoalan telah dijawab bertujuan meningkatkan pengetahuan mereka berkaitan tindakan, kekangan serta cadangan pihak SPRM.

KONVENSYEN SEKRETARIAT PENCEGAHAN RASUAH KALI KE 6

6 OGOS 2016 | UIAM, GOMBAK | 500 ORANG PESERTA



KETERLIBATAN

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Alumni Sekretariat Pencegahan Rasuah (ASPERA). Konvensyen ini dirasmikan oleh Datuk Dzulkifli bin Ahmad, Ketua Pesuruhjaya SPRM.

KEBERHASILAN

Sebanyak enam kertas kerja dibentangkan sepanjang konvensyen ini berlangsung dalam usaha mendidik dan memberi kefahaman kepada para peserta berkaitan integriti dan tanggungungjawab yang boleh dilaksanakan oleh para peserta bagi menjadikan ahli-ahli Sekretariat Pencegahan Rasuah sebagai *Key Communicator* untuk menyebarluas mesej anti rasuah kepada masyarakat khususnya kepada golongan belia.

PROGRAM BLUE OCEAN FOR YOUNG LEADERS TOWARDS TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP 2016: FIGHTING CORRUPTION

30 JULAI 2016 | LAB MALAYSIAN GLOBAL INNOVATION AND CREATIVITY CENTRE (MAGIC), CYBERJAYA | 125 PESERTA



KETERLIBATAN

Wakil-wakil NGO Malaysia dan Sekretariat Pencegahan Rasuah dari Universiti Awam, Universiti Swasta, Institut Pendidikan MARA dan Institut Pendidikan Guru.

KEBERHASILAN

Menyediakan platform berterusan kepada generasi muda untuk berdiskusi dan merangka strategi yang menyumbang ke arah memerangi rasuah sebagai sebahagian daripada transformasi Negara selari dengan GTP serta meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap usaha SPRM dalam memerangi jenayah rasuah.

PROGRAM WIRA ANTI-RASUAH (WAR)

24 APRIL 2016 SEKOLAH-SEKOLAH CAMERON HIGHLAND



KETERLIBATAN

Seramai 10 orang guru pengiring dari sekolah-sekolah kebangsaan di daerah Cameron Highlands telah hadir. Tuan Ahmad Sukri Bin Sharkawi bertindak sebagai ketua.

KEBERHASILAN

Program WAR telah membuka minda serta mencetuskan semangat memerangi rasuah dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah kebangsaan dan jenis kebangsaan (Cina dan Tamil).







SAMBUTAN HARI ANTI RASUAH ANTARABANGSA (HARA) 2016

9-10 DISEMBER 2016

PREMIERA HOTEL KUALA LUM DAN BUSANA @ MENARA MARA

600 ORANG







KETERLIBATAN

Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Dzulkifli Ahmad telah menyampaikan ucaptama sempena Sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) 2016, pada 9 Disember 2016 di Hotel Premiera, Kuala Lumpur. Pada 10 Disember 2016, Majlis Pelancaran *Walkabout* oleh TKP (Pencegahan), Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil. Program *Walkabout* menggunakan sistem LRT dengan kerjasama Prasarana Malaysia Berhad membolehkan kempen Anti Rasuah dilaksanakan di kawasan-kawasan stesen LRT seluruh Kuala Lumpur. Manakala pelbagai aktiviti dan acara pentas seperti Flashmob, persembahan dari artis-artis jemputan, pertandingan mewarna Anti Rasuah dan pelbagai aktiviti menarik lain yang dilaksankan di lobi Busana @Menara MARA, Kuala Lumpur.

KEBERHASILAN

Memperkenalkan kepada masyarakat mengenai Hari Anti Rasuah Antarabangsa yang disambut pada 9 Disember setiap tahun. Selain itu, program ini juga dapat mendekatkan SPRM kepada masyarakat umum dan menunjukkan sokongan Malaysia terhadap usaha pembanterasan rasuah seperti mana yang telah diseru oleh pertubuhan dunia. Program ini dapat memperlihatkan kepada dunia komitmen Malaysia dalam membanteras rasuah dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai jenayah rasuah.



KOMUNIKASI STRATEGIK

2 KOMUNIKASI STRATEGIK

Sepanjang 2016, Bahagian Komunikasi Strategik (BKS) telah memainkan peranan penting bagi meneruskan keberkesanan komunikasi di peringkat dalaman dan luaran, sekali gus meningkatkan lagi keyakinan masyarakat terhadap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Peranan dan inisiatif BKS turut disokong oleh pengurusan tertinggi SPRM menerusi jalinan kerjasama yang erat bersama pihak media, pemimpin masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pemegang taruh (*stakeholder*), pihak berkepentingan malah setiap Bahagian dan SPRM Negeri.

Selain itu, 2016 turut menyaksikan satu peristiwa penting bagi SPRM iaitu pelantikan Ketua Pesuruhjaya baharu, Datuk Dzulkifli Ahmad menggantikan Tan Sri Abu Kassim Mohamed bermula 1 Ogos 2016.

Permulaan kepimpinan baharu SPRM, pelbagai inisiatif dan tindakan proaktif bagi memerangi rasuah termasuk memperhebatkan operasi hingga SPRM berjaya mencipta sejarah baharu setelah melakukan rampasan wang tunai terbesar sepanjang tempoh 49 tahun penubuhan agensi berkenaan menerusi Ops Water.

Segala peristiwa serta perjalanan operasi SPRM yang melibatkan ketiga-tiga sektor iaitu Operasi, Pencegahan dan Pengurusan & Profesionalisme ini sudah pasti memerlukan pengurusan komunikasi yang berkesan sekali gus membaiki persepsi secara berterusan dan efektif.

PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN

Sepanjang 2016, beberapa inisiatif pembaharuan dan penambahbaikan telah dilaksanakan bagi memperkasakan aspek komunikasi strategik SPRM.

Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah jalinan kerjasama dengan semua Unit Komunikasi Korporat/Bahagian Perhubungan Awam agensi penguatkuasaan.

SPRM telah menjadi perintis kepada inisiatif kerjasama ini dengan mengadakan mesyuarat pertama kali dan Seminar Komunikasi Strategik yang melibatkan kira-kira 20 agensi penguat kuasa antaranya Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia.

PELAN STRATEGIK MEDIA DAN KOMUNIKASI

PENGURUSAN ISU SECARA EFEKTIF

Sebagai agensi pembanterasan rasuah tunggal di negara ini, SPRM sering menjadi tumpuan media apabila terdapat kes-kes berprofil tinggi atau penyelewengan yang didakwa berlaku dalam sesebuah organisasi atau projek yang mempunyai kepentingan awam.

Setiap isu yang disiarkan di media akan dianalisa sebelum SPRM mengeluarkan kenyataan segera dengan fakta yang tepat. Pengurusan media yang efektif dapat mengelakkan persepsi negatif dan salah tanggapan dalam kalangan masyarakat.

SPRM juga memantau tona media setiap hari untuk melihat sama ada usaha pencegahan rasuah yang dilaksanakan berkesan dan diterima masyarakat atau sebaliknya. Analisa tona media terhadap laporan di media elektronik, cetak dan media sosial tutut dibuat oleh firma bebas dan profesional. Hasil analisa tona media adalah seperti berikut:

Secara keseluruhannya, SPRM merekodkan tona media positif 94.7% bagi tahun 2016. Berdasarkan analisa, tona media negatif yang tertinggi adalah bagi bulan April

(86.7%) dan Julai (84.6%). Keadaan itu berlaku kerana beberapa isu 'panas' yang kerap disiarkan di media-media terutama media sosial dalam dua bulan tersebut.

HEBAHAN MEDIA BERKAITAN ISU RASUAH DAN AKTIVITI SPRM

Laporan yang dikeluarkan dalam analisa tona media menunjukkan sebanyak 8,960 penulisan berkaitan SPRM disiarkan di akhbar, majalah, televisyen, radio dan media atas talian sepanjang tahun 2016. Daripada jumlah itu, 3,887 penulisan disiarkan di akhbar dan majalah, media elektronik yang merangkumi televisyen dan radio menyiarkan 3,698 laporan dan media atas talian sebanyak 4,244 laporan.

Analisa yang sama turut menyebut bahawa 8,960 penulisan dan pelaporan tersebut mempunyai nilai kewangan bagi perhubungan awam (public relation value) lebih RM59,218,994. Paling penting, lebih 99% penulisan dan laporan yang disiarkan media sepanjang tahun lalu adalah percuma.

Ini memperlihatkan isu berkaitan rasuah dan SPRM sentiasa mendapat perhatian media.

WAWANCARA PEGAWAI KANAN SPRM

Antara pendekatan yang digunakan untuk menghebahkan maklumat mengenai peranan, pencapaian dan aktiviti SPRM adalah melalui wawancara membabitkan Pengurusan Tertinggi SPRM dan Pengarah-pengarah SPRM Bahagian dan Negeri.

Wawancara tersebut seterusnya dijadikan artikel dan disiarkan dalam surat khabar dan majalah berkenaan.

KENYATAAN MEDIA SPRM

Bagi 2016, BKS bertindak sebagai *conduit* antara media dan suruhanjaya, di mana sebanyak 161 kenyataan media terhasil. Kenyataan media yang dikeluarkan merangkumi pengurusan isu, hebahan aktiviti yang melibatkan pengurusan tertinggi SPRM, operasi siasatan SPRM, pertuduhan kes SPRM ibu pejabat dan negeri dan pelbagai lagi mengikut keperluan.

Terdapat juga kenyataan media yang dikeluarkan menjawab persoalan media antaranya melibatkan isu tindakan pegawai SPRM, isu-isu panas melibatkan pengurusan tertinggi SPRM.

EDARAN DALAMAN SPRM

Selain memastikan masyarakat luar memahami dengan jelas fungsi dan peranan SPRM, SPRM turut tidak melupakan komunikasi antara pegawai dan kakitangan SPRM sendiri dalam menterjemahkan kehendak dan keperluan pengurusan tertinggi menerusi edaran dalaman.

Sepanjang tahun 2016, BKS telah membuat liputan dan edaran dalaman sebanyak 280. Edaran dalaman dibuat bagi memberikan makluman dan hebahan aktiviti SPRM bahagian dan negeri kepada seluruh warga SPRM yang mana diedarkan menerusi emel.

Pada masa yang sama, edaran dalaman juga turut memberi pemakluman kepada seluruh warga SPRM hasrat dan kehendak pengurusan tertinggi.

Bagi warga kerja SPRM, e-mel 'All SPRM' digunakan dengan optimum untuk komunikasi dalaman SPRM. E-mel itu digunakan untuk perkongsian maklumat penting dan informasi semasa kepada semua warga SPRM.

Selain itu, kompilasi keratan akhbar turut dibuat dengan penyediaan My Info BKS. Sepanjang 2016, kira-kira 30 keratan akhbar aktiviti dan operasi SPRM telah dikumpulkan dan dihasilkan mengikut jilid.

MEDIA SOSIAL SALURAN KOMUNIKASI STRATEGIK SPRM

Seiring dengan perkembangan semasa yang menjadikan media sosial sebagai saluran utama untuk mendapat maklumat, SPRM terus giat menggunakan medium itu untuk menyampaikan informasi terkini dan mesej pencegahan rasuah.

Perkara-perkara yang dimuatkan dalam media sosial termasuk petikan ucapan pengurusan tertinggi SPRM dan tokoh-tokoh negara berkaitan rasuah, pertuduhan kes rasuah di mahkamah, rakaman sidang media SPRM, maklumat terkini mengenai sesuatu kes, laporan dan gambar-gambar berkaitan aktiviti SPRM.







PENCAPAIAN ANTARABANGSA

1 PENCAPAIAN ANTARABANGSA

United Nations Conventions against Corruption

UNITED NATIONS CONVENTIONS AGAINST CORRUPTION (UNCAC)

Penilaian UNCAC Ke Atas Malaysia

Penyertaan Malaysia sebagai ahli akan dikaji semula dalam pelaksanaan di bawah UNCAC seperti berikut: -

- Bab III (Penjenayahan Rasuah dan Penguatkuasaan Undang-undang) dan IV (Kerjasama Antarabangsa) pada tahun ke-3 Penilaian Pusingan Pertama (2010/11-2014/15).
- Bab II (Langkah-langkah Pencegahan) dan Bab V (Pengesanan Aset) pada tahun 1 Penilaian Pusingan Kedua (2016-2020).

Penilaian UNCAC ke atas Bab III dan IV

- Pelaksanaan penilaian pematuhan ke atas Malaysia terbahagi kepada dua bab iaitu Bab III (Penjenayahan Rasuah dan Penguatkuasaan Undang-undang) dan Bab IV (Kerjasama Antarabangsa) yang dilakukan oleh Filipina dan Kenya telah tamat pada tahun ke-3. Penilaian Pusingan Pertama pada tahun 2013 dengan Ringkasan Eksekutif dan Laporan Penuh Negara untuk dua Bab diterbitkan di laman web UNODC sebagai CAC / COSP / IRG / I / 3/1 / Add.1.
- Ulasan pakar pada kedua-dua Bab dari UNCAC telah mengambil maklum dan mencatatkan 23 amalan baik seperti yang dilaporkan dalam Laporan Negara Malaysia.

Penilaian UNCAC ke atas Bab II dan V

Malaysia pada Jun 2016 telah dipilih untuk dinilai oleh dua negara pihak Timor-Leste dan Swaziland. Tempoh jangkaan bagi proses penilaian tersebut adalah pada Julai 2017. Lawatan pihak Timor Leste dan Swaziland (dua pihak penilai) dijangka akan diadakan pada bulan Mac 2017 seperti yang dipohon oleh Pakar Kerajaan Timor-Leste semasa sesi tele persidangan di antara pihak Malaysia, Swaziland dan Sekretariat UNODC pada Oktober 2016.

Penyediaan Input bagi *Self Assessment Check List* (SACL) bagi Bab II dan Bab V

SPRM sebagai *focal point* bagi Malaysia telah menyiapkan SACL untuk Bab II dan V. SPRM -UNCAC *focal point* telah berjaya menghantar input Malaysia ke atas Bab II dan V UNCAC pada Disember 2016. Penilaian ke atas SACL tersebut akan dibuat oleh Swaziland seperti yang dipersetujui oleh Timor-Leste dan Sekretariat UNODC. Keputusan Penilaian tersebut ke atas Bab V dijangkakan akan dibuat pada Februari 2017. Dalam tempoh penyediaan kepada proses penilaian ini, satu pasukan petugas khas telah ditubuhkan seperti berikut:

- SPRM - Diketuai oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Dato' Azam bin Baki, TPj. Idris bin Zaharudin, KPKPj. Mohd Hafaz bin Nazar, Tuan Chuah Chang Man, PKPj. Mohamad Tarmize bin Abdul Manaf, PPj. Shamina binti Ali, PsK. Hong Chin Chin dan Ps. Mugilen Maniam

LATIIHAN UNCAC

Training For Focal Points and Governmental Experts Participating In The Review Mechanism For The United Nations Convention Against Corruption

Malaysia melalui SPRM amat berbangga memandangkan pihak *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC) telah memilih Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dalam melaksanakan Kursus Latihan bagi kesemua *Focal Points* dan Pakar Kerajaan (UNCAC) untuk menghadiri kursus khas ini yang akan secara langsung memberi tunjuk ajar dan petunjuk terutama sekali bagi Negara yang akan melalui sesi *Review Mechanism* (Mekanisme Penilaian) bagi Pusingan Kedua ini.

Latihan ini direka untuk menyampaikan objektif pembelajaran tertentu dengan cara yang interaktif bermula pada 10-14 Oktober 2016 di MACA, dengan sesi 2 hari yang berasingan dikhaskan untuk *Focal Points* terlebih dahulu. Latihan ini merangkumi sidang pleno yang membolehkan pakar dan pihak berkepentingan untuk memberi penerangan dan terlibat dalam perbincangan dengan tujuan untuk bertukar-tukar maklumat dan menjelaskan konsep utama.

Objektif keseluruhan latihan ini adalah untuk membangunkan keupayaan para peserta untuk mengambil bahagian dalam UNCAC *Review Mechanism* (Mekanisme Penilaian). Seramai 52 peserta daripada 18 buah negara dari rantau Asia Pasifik dan empat pakar dari Pejabat Sekretariat UNODC Vienna dan Bangkok telah mengambil bahagian di dalam latihan ini. Peserta dari SPRM dihadiri oleh TPj. Idris bin Zaharudin, Tuan Chuah Chang Man, PKPj. Mohamed Tarmize bin Abdul Manaf, PPj. Shamina binti Ali, PsK. Hong Chin Chin dan Ps. Mugilen a/l Maniam.

PERSIDANGAN UNCAC

7th Session of the Implementation Review Group (IRG), UNCAC

Persidangan yang telah diadakan di Vienna, Austria ini bermula pada 17-24 Jun 2016 telah dihadiri oleh Tuan Chuah Chang Man bersama KPKPj Karunanithy Y.Subbiah. Pihak SPRM melalui Tuan Chuah Chang Man telah membentangkan secara komprehensif mengenai persiapan Malaysia melalui SPRM dalam menghadapi proses penilaian dalam pusingan ke-2 di bawah UNCAC. Sesi tersebut juga memperlihatkan proses pengundian dalam pemilihan negara untuk melalui proses penilaian Bab II dan V dalam pusingan penilaian ke-2 di mana Malaysia telah dipilih untuk dinilai pada tahun pertama 2016/2017 di bawah pusingan ke-2 tersebut di mana Malaysia akan dinilai oleh Negara Timor Leste dan Swaziland.

IACA INTERNATIONAL ANTI-CORRUPTION ACADEMY

INTERNATIONAL ANTI-CORRUPTION ACADEMY (IACA)

Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 25 Ogos 2010 telah bersetuju supaya Kerajaan Malaysia menandatangani perjanjian bagi penubuhan *International Anti-Corruption Academy* (IACA) di Vienna, Austria sebagai sebuah organisasi bertaraf antarabangsa. Perjanjian penubuhan itu telah ditandatangani oleh YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Abdul Gani bin Patail, Mantan Peguam Negara pada 2 September 2010 bagi mewakili pihak Kerajaan Malaysia.

Pada tahun 2010, YBhg. Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, Mantan Ketua Pesuruhjaya SPRM telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Penasihat Akademik *The International Anti-Corruption Academy (IACA)* dan berperanan untuk membincangkan hala tuju IACA dan kerjasama dengan pihak MACA. Dalam perhimpunan pada November 2012, proses pemilihan untuk menganggotai *Member of Board of Governors of International Anti Corruption Academy* juga telah diadakan dan hasilnya beliau telah dilantik sebagai Naib Pengerusi Lembaga Gabenor (*Board of Governors*) IACA.

MESYUARAT

Mesyuarat Board of Governors (BoG) Meeting kepada IACA, Austria

YBhg. Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, Mantan Ketua Pesuruhjaya SPRM selaku Naib Pengerusi IACA bersama PKPj Ahmad Nizam bin Ismail telah menghadiri mesyuarat tersebut yang telah diadakan pada 7-8 Mac 2016 bertempat di Vienna, Austria. Sebagai Naib Pengerusi, antara tanggungjawab beliau adalah menentukan strategi, dasar dan garis panduan IACA dan memastikan pelaksanaan peraturan yang mengawal operasi IACA, termasuk peraturan-peraturan kewangan dan kakitangan. Melalui pelantikan tersebut juga, ia dapat menggalakkan perkongsian pengetahuan dan kepakaran antara Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dan IACA.

SUMBANGAN

Sumbangan Tahunan Kerajaan Malaysia kepada IACA

Sejak tahun 2012, SPRM melalui Kerajaan Malaysia telah menghulurkan sumbangan lebih kurang €700,000 kepada pihak pengurusan IACA bagi tujuan melaksanakan aktiviti-aktiviti di IACA. Kerajaan Malaysia sehingga kini telah menunjukkan komitmennya dalam usaha pembanterasan rasuah sekali gus membawa nama Malaysia ke persada antarabangsa. Melalui sumbangan ini, pemberian biasiswa turut disediakan kepada mereka yang ingin melanjutkan pelajaran dalam program Sarjana Pengajian Pencegahan Rasuah (MACS) telah diberikan. Pada tahun 2016, sumbangan SPRM melalui Kerajaan Malaysia sebanyak €100,000.

MACS Kukuh Jalinan Kerjasama Antara Pegawai Penguatkuasa Anti-Rasuah

Malaysia merupakan satu-satunya negara yang menjadikan usaha membanteras rasuah sebagai petunjuk prestasi utama (KPI) sekali gus membuktikan kerajaan serius dalam memerangi jenayah itu. Inisiatif meningkatkan usaha membantu SPRM dalam memerangi gejala rasuah di negara ini mendapat suntikan semangat lebih kental, kekuatan serta dorongan apabila 29 penuntut dari 17 negara, terdiri daripada anggota agensi penguat kuasa, badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta anggota pentadbiran kerajaan mengikuti pengajian MACS yang ditawarkan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) bermula pada 11-22 Januari 2016. SPRM sekali lagi diberi penghormatan menjadi 'tuan rumah' bagi salah satu modul MACS iaitu "Penguatkuasaan" buat kali kedua di MACA.

SOUTH EAST ASIA PARTIES AGAINST CORRUPTION (SEA-PAC)

SEA-PAC adalah forum yang menghimpunkan agensi-agensi pencegahan rasuah di rantau Asia Tenggara untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam aspek pencegahan rasuah serta memupuk jalinan kerjasama di kalangan agensi-agensi berkenaan. Keyakinan SEA-PAC terhadap SPRM terserlah apabila diberikan penghormatan sebagai Sekretariat Tetap bagi *Meeting of Parties to the Memorandum of Understanding on Preventing and Combating Corruption* yang diwujudkan di bawah inisiatif SEA-PAC. Melalui peranan ini, SPRM telah secara aktif membantu memantapkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah inisiatif SEA-PAC sekali gus mendukung negara-negara ahli untuk mengukuhkan keupayaan mereka di dalam usaha pencegahan rasuah demi manfaat serantau.

MESYUARAT SEA-PAC

12th South East Asia Parties Against Corruption (SEA-PAC) Meeting

Mesyuarat SEA-PAC kali ke-12 telah diadakan di Nay Pyi Taw, Myanmar mulai 14 hingga 16 Disember 2016. Mesyuarat kali ini dihadiri semua ketua agensi SEA-PAC. Mesyuarat kali ini yang dipengerusikan oleh pihak *Anti-Corruption Commission (ACC) of Myanmar* telah turut dihadiri oleh Biro Mencegah Rasuah (BMR) Brunei Darussalam, Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) Indonesia, *Corrupt Practices Investigation Bureau (CPIB) of Singapore*, *Anti-Corruption Unit (ACU) of Cambodia, Office of the Ombudsman (OMB) of Philippines, National Anti-Corruption Commission (NACC) of Thailand, Government Inspectorate of Vietnam (GIV), State Inspection and Anti-Corruption Authority (SIAA) Lao PDR* dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Mesyuarat tahunan yang bertemakan *"Prevention of Corruption Through Cooperation"* pada kali ini dipilih selaras dengan penglibatan kesemua negara ahli yang juga akan melalui Pusingan Penilaian Kedua di bawah Bab II-Pencegahan dan Bab V-Pengesanan Aset bagi pematuhan di bawah UNCAC bermula pada tahun 2016-2020. Semua negara telah membuat pembentangan amalan baik di negara masing-masing. SPRM melalui YBhg. Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) telah membentangkan usaha pencegahan rasuah yang diimplementasikan di

Malaysia. Antaranya adalah program yang melibatkan belia-belia seperti penubuhan sekretariat pencegahan rasuah di IPTA/IPTS/MARA/IPG, penubuhan unit integriti di beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi di Malaysia serta makluman mengenai pelaksanaan *Corporate Integrity Pledge* (CIP)/*Corporate Integrity System Malaysia* (CISM).

Taklimat khas oleh Pegawai UNODC, Mr. Francesco Checcchi, *Regional Advisor* UNODC turut diadakan bagi menjelaskan secara keseluruhan mengenai beberapa aspek yang perlu diberi perhatian oleh negara ahli berkaitan proses-proses yang terlibat di bawah Pusingan Penilaian Kedua yang merangkumi kedua-dua Bab di bawah UNCAC tersebut.



Dato' Haji Shamshun Baharin bin Mohd Jamil, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) telah membentangkan usaha pencegahan rasuah yang diimplementasikan di Malaysia.

MESYUARAT SEKRETARIAT SEA-PAC

12th South East Asia Parties Against Corruption (SEA-PAC) Secretariat Meeting

Mesyuarat platform Sekretariat yang ke-12 ini telah diadakan di Negara Brunei Darussalam pada 27-28 April 2016 dan dihadiri oleh PPj. Shamina binti Ali dan Ps. Mugilen a/l Maniam. Antara perkara yang telah dibentangkan oleh PPj. Shamina binti Ali adalah mengenai:

- Memaklumkan aktiviti-aktiviti atau bahan informasi yang dimuatnaik ke Portal SEA-PAC di mana SPRM telah dilantik sebagai Web Administrator sejak tahun 2014.
- Status terkini mengenai permohonan SEA-PAC sebagai sebuah entiti di bawah ASEAN.
- Perlaksanaan Kursus Training for Focal Points and Governmental Experts participating in the Review Mechanism for the United Nations Convention against Corruption yang telah dianjurkan oleh SPRM melalui MACA pada 10-14 Oktober 2016.
- Penerimaan pelaksanaan Pelan Tindakan 2017-2019 bagi negara ahli SEA-PAC sebagai panduan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti tahunan dan indikator kepada prestasi.

SUMBANGAN ANTARABANGSA

Capacity Building On The Anti-Corruption & Ethics And Corruption Risk Management Di Fiji Independent Commission Against Corruption (FICAC)

SPRM telah dijemput oleh FICAC bagi mengendalikan program khas mengenai pengalaman penubuhan ACE Centre di Malaysia dan *Corruption Risk Management*. Kursus yang telah berlangsung dari 29 Ogos hingga 2 September 2016 telah diadakan di Lautoka, Fiji. SPRM diwakili Tuan Teh Chau Chin, Puan Sa'adah binti Salleh dan Ps. Kho Lee Yee. Satu modul program selama lima hari telah disediakan yang merangkumi dua topik perbincangan utama, iaitu penubuhan ACE Centre dan pemahaman *Corruption Risk Management* sebagai *management tool* menangani risiko rasuah dalam sesuatu organisasi.

Seramai sembilan orang pegawai FICAC telah menghadiri sesi perkongsian pengalaman penubuhan ACE Centre. Manakala seramai 30 orang pegawai telah menghadiri sesi *Corruption Risk Management (CRM)*.

INTERPOL

SUMBANGAN

Penempatan Pegawai di INTERPOL

Bermula dari tahun 2014 hingga Disember 2016, PPj. Mohan a/l Munusamy telah ditempatkan selama dua tahun di INTERPOL bagi menggantikan penempatan Pegawai SPRM sebelum ini. Beliau dipertanggungjawabkan untuk membantu INTERPOL dalam perkara-perkara berkaitan dengan pembangunan kapasiti di antara negara-negara Asia dan menjalinkan kerjasama yang erat dalam usaha pencegahan rasuah antara Kesatuan Negara-negara Eropah.



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian Persefahaman Di antara SPRM dan *Anti-Corruption Directorate with the Prosecutor General (ACD) Republic Azerbaijan*

Pada 4 Mac 2016, *Anti-Corruption Directorate with the Prosecutor General (ACD) Republic Azerbaijan* telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama SPRM di Ibu Pejabat, Putrajaya bagi menjalinkan kerjasama dalam bidang pencegahan rasuah. ACD Azerbaijan merupakan agensi pertama menandatangani MoU dengan SPRM.

ACD Azerbaijan yang berada di bawah Pejabat Pendakwa Raya Azerbaijan, diwakili oleh Timbalan Ketua Pendakwa Raya, Kamran Aliyev manakala SPRM pula diwakili Mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, YBhg. Dato' Sri Mohd Shukri Abdull. Majlis menandatangani MoU turut disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan dan Duta Besar Republik Azerbaijan ke Malaysia, Qaley Allahverdiyev. Turut hadir di Majlis tersebut adalah Timbalan Pengarah ACD Azerbaijan, Ali Naghiyev.





Majlis Memorandum Persefahaman (MoU) di antara SPRM dan ACD Republic Azerbaijan disaksikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan dan Duta Besar Republik Azerbaijan, Qaley Allahverdiyev.

MoU ini melibatkan kerjasama dalam tujuh bidang, iaitu:

- Memberi informasi yang relevan antara satu sama lain bagi tujuan penyelidikan awal, siasatan, pendakwaan dan pencegahan rasuah.
- Berkongsi dan bertukar maklumat tentang kaedah-kaedah jenayah serta aktiviti rasuah termasuk pengubahan wang haram, hasil jenayah dan pemulihan aset jenayah.
- ·Berkongsi teknik penyiasatan berkesan dan amalan-amalan baik dalam pengumpulan maklumat serta mengesan kesalahan berkaitan rasuah.
- Menganjurkan dan menyertai mesyuarat, persidangan, seminar atau bengkel terhadap pencegahan rasuah.
- Berkongsi kajian, penyelidikan dan kaedah pencegahan antirasuah seperti kempen pendidikan komuniti untuk kesedaran masyarakat.
- Melaksanakan latihan, kursus dan pertukaran kepakaran dalam bidang operasi seperti kaedah perisikan, siasatan, pendakwaan, bantuan dalam pelaksanaan Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002.
- Menjalankan aktiviti memerangi rasuah seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Selain itu, kedua-dua agensi berkenaan turut mengadakan mesyuarat dua hala untuk membincangkan cadangan mewujudkan kumpulan kerja dalam menangani isu-isu operasi dan pencegahan rasuah. Azerbaijan merupakan organisasi dan negara yang ke-15 menandatangani MoU bersama SPRM.

Mesyuarat Kerjasama Dua Hala Kali Ke-12 Diantara Biro Mencegah Rasuah, Brunei Darussalam dan SPRM

SPRM dan Biro Mencegah Rasuah (BMR) telah mengadakan mesyuarat bagi membincangkan haluan, mekanisme dan rangka kerjasama dua hala seterusnya di antara kedua-dua buah agensi pencegahan rasuah. Mesyuarat Tahunan Kerjasama Dua Hala Ke-12, di antara BMR dan SPRM telah membincangkan usaha berterusan kedua-dua buah agensi dalam mencegah dan membanteras rasuah yang berlangsung di Hotel Grand Paragon, Johor Bahru pada 29-30 Mei 2016.

Delegasi BMR, Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Pengarah BMR, Dato Paduka Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji A. Rashid dan disertai oleh tujuh pegawai kanan BMR. Manakala SPRM diketuai oleh YBhg. Dato' Sri Mohd Shukri Abdull, Mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya

(Operasi) serta 14 Pegawai Kanan SPRM. Mesyuarat tahunan itu merupakan satu platform untuk memberi ruang bagi perkongsian maklumat, pengalaman serta percambahan idea yang bertujuan untuk meningkatkan kerjasama erat yang sedia wujud di antara kedua-dua buah agensi. Kerjasama ini merangkumi bantuan dalam penyiasatan, perkongsian maklumat, latihan dan amalan baik dalam penyiasatan dan pencegahan rasuah.

Di antara kertas pembentangan yang telah dibentangkan semasa mesyuarat tersebut adalah Laporan Perkembangan *Working Group* Kali Ke-14, Bantuan Kerjasama SPRM-BMR Brunei yang telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Azam bin Baki, Pengarah Bahagian Siasatan SPRM. Manakala E-Diary Sistem Harian Rasmi telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Nor Azmi bin Karim, Pengarah Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat SPRM. Kertas kerja mengenai "*Misconduct in Public Office*" pula dibentangkan oleh Pemangku Penyiasat Khas Kanan Pengiran Hjh. Norazlina Binti Pg. Hj. Othman, BMR, Negara Brunei Darussalam.

Dengan adanya kerjasama dan hubungan erat ini, diharap akan dapat mencapai misi utama bagi memantapkan lagi usaha mencegah dan membanteras rasuah melalui kerjasama dan bantuan berterusan di antara kedua-dua buah agensi demi mencapai hala tuju yang sama sejajar dengan visi dan misi agensi masing-masing.

Mesyuarat pada hari tersebut juga menyaksikan Sesi Penyerahan buku "*Special Report on* ACB/MACC 10 *Years Working Group*" daripada pihak BMR kepada SPRM. Persetujuan pihak BMR sebelum ini adalah untuk melaksanakan penterjemahan Laporan Khas 10 Tahun *Working Group* BMR/SPRM dari Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris bagi tujuan untuk diketengahkan di peringkat antarabangsa. Laporan asal *Working Group* tersebut yang dibuat adalah dalam Bahasa Melayu.

Pembentukan Mesyuarat Bilateral antara SPRM-BMR Brunei, dipengerusikan bersama oleh kedua-dua Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Pengarah BMR, memperlihatkan komitmen dan azam serta iltizam kedua-dua agensi. Ini disusuli dengan penubuhan Mesyuarat Pasukan Kerja yang dipengerusikan bersama oleh Pengarah Bahagian Siasatan SPRM dan Ketua Bahagian Penyiasatan BMR Brunei.

Sukan Kerjasama Tripartite di Antara SPRM, CPIB dan BMR





Pelbagai acara telah berlansung di Kompleks Sukan Singapura pada 28 Mei 2016 sempena Sukan Tripartite di antara SPRM, CPIB dan BMR.

Program kerjasama pelbagai hala pada tahun ini telah dihoskan oleh CPIB, Singapura sebagai tuan rumah yang telah berlangsung di Kompleks Sukan Singapura pada 28 Mei 2016 yang telah disertai oleh SPRM dan juga BMR, Brunei Darussalam. Penglibatan yang disertai oleh pihak Pengurusan Tertinggi dan pegawai-pegawai dari Ibu

Pejabat, SPRM Sarawak dan SPRM Sabah telah berjaya membawa pulang kejayaan keseluruhan pertandingan pada kali ini. Ketua kontinjen yang diketuai oleh YBhg. Dato' Sri Mohd Shukri Abdull, Mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) telah berjaya sekali lagi mengekalkan status penyandang kejuaraan yang dimenangi pada temasya yang pertama kali diadakan secara tiga penjuru di Kuala Lumpur pada tahun 2014.

Jalinan persahabatan di antara negara-negara ini merupakan refleksi yang jelas menunjukkan kerjasama yang telah termeterai sejak tahun 2008 lagi bagi CPIB dan SPRM manakala kerjasama dua hala di antara BMR dan SPRM telah mencapai genap 10 tahun. CPIB merangkap tuan rumah pada tahun ini berkolaborasi bersama SPRM dan BMR bagi melaksanakan acara sukan seperti futsal, badminton, bola keranjang dan sukan boling.

Program seperti ini berperanan dalam mewujudkan jaringan kerja yang mantap di antara agensi-agensi berkenaan dan di samping dapat mengeratkan hubungan antara pegawai-pegawai secara amnya. Rombongan Kontinjen seramai lapan warga Brunei diketuai oleh Pengarah BMR, Dato' Paduka Haji Muhammad Juanda Haji A. Rashid manakala rombongan Kontinjen SPRM seramai 30 Pegawai SPRM pula diketuai oleh YBhg. Dato' Sri Mohd Shukri Abdull, Mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi).

5.4 Mesyuarat Kerjasama Dua Hala Kali Ke-2 di antara National Anti-Corruption Commission (NACC), Thailand dan SPRM

SPRM dan National Anti-Corruption Commission (NACC) Thailand mengadakan Mesyuarat Dua Hala dan Kumpulan Kerja bagi membincangkan rangka kerjasama antara kedua-dua agensi pencegahan rasuah tersebut. Mesyuarat ini merupakan platform untuk perkongsian maklumat, amalan terbaik, pengalaman dan percambahan idea bagi meningkatkan kerjasama yang sedia wujud di antara kedua-dua agensi.

Mesyuarat yang berlangsung selama dua hari di Hatyai, Thailand merupakan kesinambungan daripada mesyuarat siri pertama yang telah diadakan pada 22-23 Oktober 2015, di Alor Setar, Kedah.

Antara perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat adalah tentang usaha kedua-dua agensi untuk membanteras rasuah rentas sempadan terutamanya dalam kes-kes penyeludupan barangan seperti beras, bunga api, haiwan eksotik, minyak, gas, rokok, minuman keras, pemerdagangan manusia dan isu pendatang asing serta ancaman dan kesannya dari aspek keselamatan negara.

Delegasi SPRM diketuai oleh YBhg. Dato' Azam bin Baki, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) dan disertai oleh 10 orang Pegawai Kanan, manakala NACC Thailand diwakili oleh 25 orang delegasi yang diketuai oleh Penolong Ketua Setiausahanya Mr. Sakchai Maytineepisankul.

Dengan adanya kerjasama dan hubungan erat di antara SPRM dan NACC, Thailand, diharap akan dapat memantapkan lagi usaha mencegah dan membanteras rasuah sejajar dengan misi dan visi kedua-dua agensi.

5.5 Mesyuarat Kerjasama Dua Hala Kali Ke-2 di antara Government Inspectorate of Vietnam (GIV) dan SPRM

Delegasi SPRM yang diketuai oleh YBhg. Dato' Sazali bin Salbi, Timbalan Pengarah Bahagian Siasatan SPRM bersama YBhg. Dato' Nooraziah binti Abdul Manaf, Pengarah SPRM Negeri Perak, P/TPj Abdul Samat bin Kasah, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat dan PkPs Yamusa bin Mohd Isa telah menghadiri Mesyuarat Kerjasama Dua Hala di antara SPRM dan GIV Vietnam bermula pada 10-13 Oktober 2016 di Hanoi, Vietnam.

Di antara kertas pembentangan yang telah dibentangkan semasa mesyuarat tersebut adalah hasil kejayaan yang telah dicapai oleh SPRM ke atas kejayaan operasi SPRM di Negeri Sabah melalui penggunaan prosedur operasi

Managing Team Based Investigation (MTI) oleh YBhg. Dato' Sazali bin Salbi, keberkesanan komunikasi media dalam penyampaian maklumat kepada media yang menghasilkan satu inisiatif perkongsian maklumat secara lebih tepat dan efisien kepada masyarakat umum oleh P/TPj Abdul Samat bin Kasah serta hasil kejayaan operasi dalam Ops Balak yang telah membantu dalam mengelakkan ketirisan hasil kerajaan terutama sekali di Negeri Perak oleh YBhg. Dato' Nooraziah binti Abdul Manaf.

6. PEMBENTANGAN KERTAS KERJA/MENGHADIRI MESYUARAT DAN KURSUS DI ARENA ANTARABANGSA

Sepanjang tahun 2016, SPRM telah menerima jemputan dari pelbagai agensi dan pertubuhan di peringkat antarabangsa untuk membentangkan kertas kerja dalam bidang siasatan, perisikan, pencegahan dan latihan.

Jemputan-jemputan ini merupakan pengiktirafan kepada SPRM selaku sebuah agensi penguatkuasa undang-undang mencegah rasuah di peringkat antarabangsa. Diantara forum, persidangan, mesyuarat, bengkel dan inisiatif antarabangsa yang disertai oleh SPRM adalah seperti **JADUAL 13**.

JADUAL 13: Pembentangan Kertas Kerja/ Menghadiri Mesyuarat dan Kursus di arena Antarabangsa tahun 2016

PERSIDANGAN/ FORUM/ BENGKEL/ MESYUARAT	TEMPAT	TARIKH	BIL. KERTAS KERJA
Economic Crime Agencies Network (ECAN)	Brussels, Belgium	2-4 Mac 2016	1
8th Annual ACAMS Anti-Money Laundering & Financial Crime Conference Asia Pacific	Beijing, China	25-26 April 2016	1
12th SEA-PAC Secretariat Meeting	Brunei Darussalam	27-28 April 2016	1
9th IAACA Annual Conference and General Meeting	Tianjin, China	10-13 Mei 2016	1
2016 ACRC Training Course for International Anti-Corruption Practitioners	Korea	16-25 Mei 2016	1
Mesyuarat Kerjasama Dua Hala di antara SPRM dan BMR, Brunei Darussalam	Johor Bharu	29 Mei 2016	2
7th Session of the Implementation Review Group Meeting	Vienna, Austria	17-24 Jun 2016	1
Regional Workshop on Liability of Legal Persons for Corruption Offences at the National and International Level	Bangkok, Thailand	16-17 Ogos 2016	1
2nd Bilateral and Working Group Meeting Between MACC & NACC, Thailand	Hatyai, Thailand	28-30 Ogos 2016	1
Capacity Building on the Anti-Corruption Ethics and Corruption Management	Lautoka, Fiji	29 Ogos – 2 September 2016	2

PERSIDANGAN/ FORUM/ BENGKEL/ MESYUARAT	TEMPAT	TARIKH	BIL. KERTAS KERJA
Mesyuarat Kerjasama Dua Hala di antara SPRM dan GIV, Vietnam	Hanoi, Vietnam	9-14 Oktober 2016	4
Mesyuarat Financial Action Task Force (FATF) – Kumpulan Kerja Pakar Anti-Rasuah, Pleno & Kumpulan Kerja	Paris	16-21 Oktober 2016	1
Seminar on Complaint Mechanism Vientiane	Lao, PDR	25 Oktober 2016	1
China-ASEAN Anti-Corruption Workshop	Kunming, China	2-4 November 2016	1
21st Steering Group Meeting and 14th Regional Seminar of the ADB/OECD Anti-Corruption Initiative for Asia and the Pacific	Thimpu, Bhutan	9-10 November 2016	2
Workshop on Strengthening Regional Cooperation to Mitigate Corruption Risks in Wildlife and Forest Crimes	Cebu, Philippines	10-11 November 2016	1
International Conference on Anti-Corruption	Bangkok, Thailand	15-16 November 2016	1
International Business Integrity Conference – Anti-Corruption in Private Sectors	Jakarta, Indonesia	16-17 November 2016	1
2nd Asia Pacific Ethics and Compliance Summit	Singapore	18 November 2016	1
MENAFATF/APG Joint Typologies and Capacity Building Workshop	Jeddah	28 November – 1 December 2016	1
4th Anti-Corruption Compliance Asia Pacific 2016	Hong Kong	7-9 Disember 2016	1
12th SEA-PAC Meeting	Nay Pyi Taw, Myanmar	14-16 Disember 2016	1
	Jumlah Pembentangan Kertas Kerja:		**28**

LAWATAN DELEGASI LUAR NEGARA KE SPRM

SPRM sebagai sebuah Agensi Pencegahan Rasuah yang sentiasa menjadi tempat rujukan, berkongsi pengalamannya dalam memerangi rasuah dengan organisasi-organisasi lain di peringkat antarabangsa. Dalam tahun 2016, Seramai **176** orang delegasi dari **10** buah negara dan Badan Antarabangsa telah melawat SPRM sebagaimana **JADUAL 14.**

JADUAL 14: Lawatan Delegasi Luar ke SPRM pada tahun 2016

BIL	NEGARA/ AGENSI	JUMLAH DELEGASI
1	Pusat Pembinaan Sumber Daya Manusia Strategis, Indonesia (NGO)	13
2	Corruption Directorate with the Prosecutor General, Republic of Azerbaijan	5
3	Ikatan Mahasiswa Hukum Pidana (IMADANA) Fakultas Hukum USU, Indonesia	27
4	Komisi Pemberantasan Korupsi	5
5	Anti-Corruption Commission (ACC) Bhutan	2
6	Korean Government Inspectorate	21
7	Government Inspectorate of Vietnam	7
8	National Vigilance Centre (NVC), Nepal	7
9	Institut Audit Sri Lanka	80
10	The Audit Inspection Office, the Provincial Government of Gyeongsanbuk-Do, Korea	9
	Jumlah	**176**






PROFESIONALISME

1 PROFESIONALISME TONGGAK KECEMERLANGAN

PROGRAM PEMANTAPAN INTEGRITI

Program ini bertujuan memenuhi Aspirasi SPRM 2016 dalam konteks "Pengurusan Modal Insan Yang Efektif". Program dilaksanakan secara usahasama antara Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan Ahli Jawatankuasa Aduan SPRM.



10 **Siri program telah diatur dan dilaksanakan dengan melibatkan warga SPRM berbilang pangkat dan jawatan.**

MAJLIS DIALOG BERSAMA AHLI JAWATANKUASA ADUAN SPRM

30 Ogos 2016
Warga SPRM

30 Ogos 2016
Warga SPRM Sarawak

30 September 2016
Warga SPRM Zon Selatan

19 Oktober 2016
Warga SPRM Sektor Operasi

29 Oktober 2016
Warga SPRM Sektor Pencegahan

3 November 2016
Warga SPRM Zon Utara

26 November 2016
Warga SPRM Zon Utara

26 November 2016
Warga SPRM Zon TImur

- Interaksi warga SPRM bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Aduan (JKA) SPRM.
- Warga SPRM bebas menyuarakan permasalahan, pendapat dan komen.
- Ahli-ahli JKA memberikan maklum balas berkaitan isu dibangkitkan.
- Kesemua isu yang dibangkitkan berjaya diselesaikan dalam sesi







Sesi interaksi warga SPRM bersama ahli panel Jawatankuasa Aduan(JKA) semasa Program Pemantapan Integriti

UJIAN INTERGRITI

26 FEB 2016
BAHAGIAN/NEGERI
SPRM PERAK
TERLIBAT : 47

11 NOV 2016
BAHAGIAN/NEGERI
BAHAGIAN SIASATAN
TERLIBAT : 86

1 DIS 2016
BAHAGIAN/NEGERI
PUSAT LATIHAN ASAS MACA
TERLIBAT : 96

Ujian integriti merupakan satu kaedah yang digunapakai dalam memastikan tahap integriti warga SPRM sentiasa berada dalam keadaan yang cemerlang. Sebanyak tiga ujian integriti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016 yang melibatkan warga SPRM berbilang pangkat dan jawatan.Hasil daripada ujian integriti yang dijalankan berkaitan saringan air kencing (*urine test*), mendapati 99.56% lulus ujian tersebut. Manakala 0.4% positif dadah dan telah diambil tindakan.

KELESTARIAN INOVASI MENJANA TRANSFORMASI

Sambutan Hari Inovasi SPRM telah diadakan pada 29 dan 30 November 2016 bertempat di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat SPRM. Acara yang diadakan sepanjang program berlansung ialah Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif, ceramah serta pameran inovasi. Perasmian sambutan ini disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Shamshun Baharin Bin Mohd Jamil.

KONVENSYEN
KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

1
ZON : OPERASI
KIT MAKLUMAT
JOHAN

2
ZON : TIMUR
KIT SITA
NAIB JOHAN

3
ZON : UTARA
KIT PERANGKAP
KETIGA





Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme), Dato' Sri Mohd. Jamidan bin Abdullah melawat sudut pameran peserta semperna Knvensyen Kumpulan Inovatif dan Kretif (KIK)

ANUGERAH INOVASI SPRM

1
INOVASI : MACC.FM
BAHAGIAN PENDIDIKAN MASYARAKAT
JOHAN

2
MACCDRIVE
BAHAGIAN PENGURUSAN REKOD & TEKNOLOGI MAKLUMAT
NAIB JOHAN

3
TOASTMASTER
BAHAGIAN PENDIDIKAN MASYARAKAT
KETIGA









Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Dato' Hj. Shamshun Baharin bin Mohd. Jamil bersama pemenang anugerah inovasi SPRM sempena Hari Inovasi SPRM 2016 pada 30 November 2016

TAKLIMAT

PENGURUSAN PSIKOLOGI ORGANISASI

OLEH :
PROFESOR MADYA
DR HAJI MOHD NOR MAMAT
Timb. Dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi Mara (UiTM),

Ceramah bertajuk "Keluarga Bahagia Memacu Kecemerlangan Organisasi" telah diadakan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya pada 1 Mac 2016 merupakan program motivasi untuk memberi kesedaran terhadap warga kerja SPRM mengenai kepentingan atau amanah untuk bekerja dengan komited, mendokong integriti dan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan bermatlamat untuk melahirkan warga kerja SPRM yang cemerlang dan tinggi profesionalismanya.

PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI

OLEH :
USTAZ
ZARIFI BIN HAJI MOHAMAD DAUD
Pegawai Khas Ketua Pengarah JAKIM

Program penerapan nilai-nilai murni "SEMARAK RAMADHAN 1437H" dengan tema "Ramadhan Dari Pespektif Psikologi Dan Kesihatan" telah diadakan di Dewan Serbaguna Aras B2 blok D6, Ibu Pejabat SPRM Putrajaya pada 9 Jun 2016 dengan kehadiran seramai 181 orang peserta.


Search



KESELAMATAN

2 KESELAMATAN

Pengurusan Keselamatan Perlindungan merupakan satu perkara yang amat penting dalam SPRM. Ia merangkumi aspek keselamatan, fizikal, dokumen dan personel bagi memastikan SPRM selamat daripada sebarang bentuk ancaman dan pencerobohan.

Pada tahun 2016, antara aktiviti/ program telah dilaksanakan oleh Bahagian Keselamatan adalah seperti berikut:

INSPEKTORAT ANUGERAH KHAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN DI SPRM

Pejabat Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK), Jabatan Perdana Menteri telah melaksanakan pemeriksaan Program Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan ke seluruh bahagian Ibu Pejabat, SPRM Putrajaya.

Pelaksanaan Inspektorat ini merupakan tanggungjawab rutin Pejabat KPKK yang bertujuan untuk membantu meningkat dan memantapkan aspek keselamatan fizikal, dokumen, peribadi dan ICT serta khidmat nasihat yang berkaitan kepada Agensi Kerajaan.

Pemeriksaan diketuai oleh Tuan Haji Md Yasin bin Husin, Pengarah Bahagian Keselamatan Personel dan dibantu oleh Encik Syarifuddin bin Palawa, Encik Mohd Ridzuan bin Sith, Puan Noraminah binti Ismail serta Encik Rosni Irwan bin Roslan.

Cawangan Naziran Bahagian Keselamatan SPRM telah melaksanakan pemeriksaan PraNaziran Keselamatan Perlindungan ke semua Bahagian Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya bermula dari 13 Jun sehingga 2 September 2016 sebagai persediaan awal kepada semua bahagian sebelum pelaksanaan sebenar Inspektorat Khas oleh KPKK. Langkah ini bagi memastikan semua bahagian



Pelaksanaan Inspektorat oleh Pejabat Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK), Jabatan Perdana Menteri

mematuhi perkara-perkara yang perlu diambil kira dalam kriteria permarkahan yang ditetapkan.

Pencapaian Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan 2016 adalah sebanyak 90.17% dan diberi penarafan empat bintang (BAIK).

BREAKFAST TALK

Dewan Murni, Institut Integriti Malysia (IIM)

21 Januari 2016

Ahli Panel :

Dato' Suriani Ahmad,

Timbalan Ketua Setiausaha (Kawalan & Penguatkuasaan) Kementerian Dalam Negeri

Tan Sri Musa Hassan (Ahli Panel PPPR)

Dato' Haji Alias bin Salim, Pengarah Bahagian Keselamatan, SPRM

Tajuk:

Dasar Keselamatan dan Kebajikan Pegawai Penguatkuasa Semasa Menjalankan Tugas.

Moderator :

Dato' Dr. Anis Yusal Yusoff (Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI)

Program *Breakfast Talk* bertajuk "Dasar Keselamatan dan Kebajikan Pegawai Penguatkuasaan Semasa Menjalankan Tugas" ini adalah program anjuran Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI). Diskusi ini diadakan bagi memperjelaskan pelbagai aspek keselamatan dan kebajikan setiap penguat kuasa termasuk anggota keluarga masing-masing agar mereka lebih yakin, bersemangat, berani, berdedikasi dan penuh berintegriti dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.









"Dasar Keselamatn yang dilaksanakan oleh SPRM adalah mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan dalam program Transformasi SPRM. Perkara tersebut bertujuan memastikan kebajikan serta keselamatan pegawai dan anggotanya terjaga ketika mereka menjalankan tugas.

YBhg. Dato' Alias bin Salim
Pengarah Bahagian Keselamatan SPRM"

KURSUS KAWALAN KESELAMATAN BAGI PENGAWAL KESELAMATAN SPRM

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia

23-25 Ogos 2016

30 orang Pengawal Keselamatan



Pelaksanaan Inspektorat oleh Pejabat Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK), Jabatan Perdana Menteri

Objektif :

Meningkatkan kompetensi dalam melaksanakan sistem kawalan keselamatan perlindungan pejabat dan menitikberatkan aspek keselamatan dari pelbagai ancaman serta memahami dasar, prosedur dan arahan-arahan pengawalan SPRM oleh kerajaan khususnya dasar-dasar baru yang diperkenalkan oleh Pengurusan Tertinggi SPRM.

Program ini melibatkan kerjasama melalui perkongsian ilmu dan latihan amali daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPAM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

LATIHAN DAN UJIAN PENGGUNAAN SENJATA API SPRM TAHUN 2016

Maktab Penjara Kajang

08 November 2016

Objektif : Meningkatkan kemahiran penggunaan senjata api di kalangan pegawai SPRM.

Program anjuran Bahagian Keselamatan ini dirasmikan oleh YBhg. Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) sementara majlis penutup dan penyampaian hadiah pula disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Mohd Jamidan bin Abdullah, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme).



Ujian Ketepatan Individu (Lelaki) **PPj Rosli bin Husain**

Keputusan Ujian Menembak 2016

Ujian Ketepatan Individu (Wanita) **PPs Nurul Huda binti Mohd Alias**

Ujian Ketepatan Individu (VIP) **KPKPj Hj Abdul Samat bin Kasah**

Ujian Ketepatan Kumpulan **SPRM Terengganu**

Ujian Ketepatan Individu (Lelaki) **Kumpulan 4 (diketuai oleh TPj Dato' Hishamuddin bin Hashim)**

PROGRAM KAWALAN RAPAT INDIVIDU BERSENJATA SPRM TAHUN 2016

Objektif :

Memberi pendedahan kepada peserta-peserta berkaitan teknik-teknik penggunaan dan pengendalian senjata api, jenis-jenis bahan letupan dan peralatan asas dalam pengiringan.

Peserta juga menjalani latihan dari segi teori dan amali teknik pengiringan keselamatan.

Maktab Penjara Kajang

30 Oktober 2016-8 November 2016

15 orang Pegawal Operasi





Taklimat kepada YBhg. Dato' Sri Mohd Jamidan bin Abdullah semasa Program Kawalan Rapat Individu Bersenjata SPRM Tahun 2016.



Latihan Teori dan Amali Teknik Pengiringan Keselamatan

MESYUARAT PENGURUSAN KESELAMATAN JABATAN BIL.14 SIRI 2/2016

SPRM Melaka, Melaka

1-2 Disember 2016

Pegawai Keselamatan PKJ seluruh Malaysia

Memastikan Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) dan Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) sentiasa menjaga tahap keselamatan perlindungan di pejabat masing-masing.

Objektif :

Taklimat Inspektorat Keselamatan Perlindungan disampaikan oleh Tuan Hj. Md Yassin Husin, Pengarah Bahagian Tapisan Keselamatan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).

Taklimat *Benchmarking* disampaikan oleh YBhg. Dato' Azmi bin Alias bagi berkongsi pengalaman dan ilmu pengurusan keselamatan jabatan.

Perasmian Pelancaran Laporan Tahunan Bahagian Keselamatan SPRM 2015 oleh YBhg. Dato' Sri Mohd Jamidan bin Abdullah.



Perasmian Pelancaran Laporan Tahunan Bahagian Keselamatan SPRM 2015 oleh YBhg. Dato' Sri Mohd Jamidan bin Abdullah





Mesyuarat Pengurusan Keselamatan Jabatan Bil. 14 Siri 2/ 2016

AKTIVITI LOKAP SPRM 2016


Sepanjang tahun 2016, Cawangan Keselamatan Lokap, Bahagian Keselamatan telah menerima seramai 161 orang tahanan di mana 156 orang merupakan warganegara Malaysia manakala lima orang lagi merupakan warganegara asing sebagaimana **CARTA 9**.

Lokap-lokap SPRM terutamanya lokap Ibu Pejabat sering menjadi tumpuan dan perhatian pelawat terutamanya daripada media massa, kementerian, jabatan kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), syarikat swasta, institusi pendidikan dan lain-lain lagi.



Lawatan-lawatan Agensi Luar ke Lokap SPRM Tahun 2016

CARTA 9: Bilangan Tahanan Lokap Ibu Pejabat SPRM pada Tahun 2016




Bahagian Keselamatan SPRM melalui Cawangan Pengiringan dan Perlindungan telah menyediakan lima pasukan pegawai pengiring terlatih. Pada tahun 2016, mereka terlibat dalam tugas-tugas pengiringan seperti **JADUAL 15.** Manakala **JADUAL 16** menunjukkan kekerapan Rondaan Keselamatan Ibu Pejabat SPRM pada Tahun 2016.

JADUAL 15: Tugas Pengiringan pada Tahun 2016

Bil	Bulan	Kekerapan Pengiringan (Lembah Klang/ Luar Daerah)
1	Januari	22 kali
2	Februari	14 kali
3	Mac	14 kali
4	April	18 kali
5	Mei	12 kali
6	Jun	17 kali
7	Jul	7 kali
8	Ogos	28 kali
9	September	20 kali
10	Oktober	20 kali
11	November	19 kali
12	Disember	10 kali

JADUAL 16: Rondaan Keselamatan Ibu Pejabat SPRM pada Tahun 2016

Bil	Bulan	Kekerapan Rondaan Keselamatan
1	Januari	88
2	Februari	194
3	Mac	212
4	April	199
5	Mei	233
6	Jun	215
7	Jul	248
8	Ogos	210
9	September	102
10	Oktober	102
11	November	118
12	Disember	56



AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

3 AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

PENCAPAIAN MACA SEPANJANG TAHUN 2016

Sedekad telah berlalu, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia atau Malaysia Anti-Corruption Academy (MACA) telah menempa nama dan pengiktirafan daripada pelbagai agensi dalam dan luar negara. Sepanjang tahun 2016, MACA telah menjalankan pelbagai program dan kerjasama serantau. MACA kini dilihat sebagai peneraju pusat kecemerlangan pencegahan rasuah. Daripada 57 kursus yang telah disasarkan, MACA telah berjaya melaksanakan 84 kursus yang melibatkan seramai 1898 peserta.




MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS PENGARAH

Tanggal 1 Disember 2016, kepimpinan MACA telah mengalami perubahan di mana YBhg. Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Pengarah MACA telah bertukar ke Felda Global Ventures (FGV) dan digantikan dengan YBhg. Dato' Norazlan Mohd Razali, yang sebelumnya merupakan Pengarah SPRM Selangor.



Sesi menandatangani dokumen serah tugas Pengarah MACA pada 1 Disember 2016

Pecahan jumlah kehadiran peserta kursus mengikut kategori



MELESTARIKAN MODAL INSAN



Sesi pendaftaran kadet-kadet baru Penolong Penguasa Gred P29, Siri 20 Bil. 1/2016 dan Siri 21 Bil.2/2016

Dalam memenuhi dan memantapkan tenaga kerja SPRM, MACA telah melatih sejumlah 95 Kadet Penolong Penguasa Gred P29, Siri 20 Bil. 1/2016 dan Siri 21 Bil.2/2016. Kesemua kadet yang terdiri daripada 71 lelaki dan 24 perempuan telah menjalani Kursus Asas Pegawai SPRM selama 9 bulan iaitu latihan asas selama enam bulan dan tiga bulan *On Job Training* atau praktikal.

Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) UKM - SPRM



Para graduan bergambar bersama YBhg. Dato' Sri Mohd Jamidan Abdullah di Konvokesyen UKM ke-44

Dalam mendokong objektif MACA sebagai hub latihan SPRM, MACA sentiasa memberi ruang dan peluang kepada pegawai dan kakitangannya ke arah pembangunan modal insan yang efisien. Antaranya Konvokesyen program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke-44 yang menyaksikan empat pegawai SPRM berjaya menamatkan pengajian dalam program tersebut. Empat graduan tersebut adalah PPj Hazrul Hasnie Hashim, PPj Mohd Fazli Husin, PsK Mohd Nadzri Ibrahim dan PsK Nor Haliza Hasan.

Konvokesyen Help University ke-28

Meskipun menghadapi kekangan masa dan bebanan kerja, pegawai-pegawai SPRM di peringkat atasan juga tidak mahu ketinggalan dalam meningkatkan tahap pendidikan mereka. Hasilnya, empat pegawai pengurusan atasan berjaya menerima Ijazah Sarjana Pengurusan Jenayah Ekonomi *(Master of sciences in Economic Crime Management)* yang terdiri daripada TPj Dato' Norazlan Mohd Razali, PPj Azlan Abd Aziz, PPj Premraj A/l Isaac Dawson dan PsK Erfieza Mujeini.



Para graduan Ijazah Sarjana Pengurusan Jenayah Ekonomi (*Master of Science in Economic Crime Management*) semasa Konvokesyen Help University ke-28

Majlis Konvokesyen CeIO kali Ke-5

Pada tahun 2016 telah mencoret sejarah baharu apabila seramai 173 peserta program CeIO menerima pengiktirafan di Majlis Konvokesyen Kali Ke-5 yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Majlis Konvokesyen ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) Malaysia.



Barisan penerima-penerima sijil Konvokesyen CeIO Kali Ke-5



Barisan Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)

MACA DI PERSADA GLOBAL

Keupayaan dan konsistensi MACA sebagai *hub* latihan pencegahan rasuah mula menapak di persada antarabangsa. Justeru, pengiktirafan demi pengiktirafan dari dalam dan luar negara merupakan satu inisiatif ke arah transformasi MACA itu sendiri. Terbaharu, *Anti-Corruption and Civil Rights Commission (ACRC)*, Korea telah membuat permohonan *attachment* kepada MACA untuk menjalankan penyelidikan dan kajian merangkumi aspek polisi anti rasuah dan latihan di Malaysia, perbezaan polisi anti rasuah antara Korea dan Malaysia, peluang kerjasama dua hala, dan polisi anti rasuah di Asia Tenggara.



Pertemuan di antara Mr. Kim Su Hwan dari *Anti-Corruption and Civil Rights Commission ACRC* dan Pengurusan Tertinggi MACA

Dari sudut kepakaran tenaga kerja, MACA telah menghantar empat pegawai SPRM mengikuti kursus khas di bawah program Institut Latihan Awam (ILA) iaitu PPj Umi Kalusom Ahmad (MACA), PPj Norhaizam Muhammad (Bahagian Siasatan), PPj Hadri Hashim (Bahagian Pemantauan & Penyelarasan) dan Ps Norwati Azmi (MACA). Pegawai terbabit dihantar menerusi dua kursus berbeza iaitu *Justice, Fairness and The Rule Of Law* dan *Promoting Integrity and Combating Corruption : Prosecution & Sanction*. Kursus tersebut telah dijalankan di London, United Kingdom.



Kursus *" Promoting Integrity and Combating Corruption: Prevention, Detection and Investigation, Prosecution and Sanctions,* dari 14 hingga 18 November 2016"

Selain itu, MACA di peringkat antarabangsa telah bekerjasama dengan *Business Integrity Network Afghanistan* (BINA) dalam Program Pengurusan Integriti di MACA yang dihadiri oleh 9 pegawai kanannya. Program tersebut dibawah penajaan The United States Department of *Commerce Commercial Law Development Program* (CLDP). Program dua hala ini dilihat sebagai platform terbaik bagi MACA untuk melebarkan sayapnya di peringkat antarabangsa.

JARINGAN INTEGRITI

Seiring dengan peranannya menasihati dan membantu SPRM dalam perancangan, pembentukan, pengendalian dan pelaksanaan program latihan pegawai integriti sejajar dengan Pelan Integriti Nasional (PIN), Pusat Pembangunan Integriti Korporat atau *Corporate Integrity Development Center (CIDC)* diwujudkan di bawah MACA bagi merangka dan mengendalikan Program Pegawai Integriti Bertauliah atau *Certified Integrity Officer (CeIO).*

Program ini dirangka untuk memastikan pematuhan terhadap semua undang-undang, peraturan, sistem dan prosedur. Program ini juga bertujuan menyematkan budaya *"zero tolerance"* terhadap rasuah, penyalahgunaan

kuasa dan penyelewengan selain memberi khidmat nasihat dan perundingan kepada pihak pengurusan untuk penempatan pegawai.

Dalam melestarikan agenda integriti ini, buat julung kalinya Program CeIO ini telah diperluaskan kepada pegawai dan kakitangan sektor swasta. Program CeIO Sektor Swasta siri 1/2016 yang pertama kali ini telah disertai oleh 15 pegawai CeIO dari pelbagai syarikat swasta. Pendedahan kepada sektor swasta ini merupakan inisiatif MACA agar para peserta program boleh menganalisa pengurusan Integriti dan komponen–komponen yang perlu ada dalam *Integrity Frameworking Holistic* dan komprehensif dari perspektif sektor swasta dengan lebih efektif dan sistematik.

Sehingga kini, MACA telah berjaya menganjurkan sebanyak 17 siri Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) melibatkan 588 orang pegawai kerajaan, kakitangan dari sektor swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sejak tahun 2012.



Peserta-peserta Program CeIO Sektor Swasta Siri 1/2016



PEMANTAUAN DAN PENYELARASAN

4 PEMANTAUAN DAN PENYELARASAN

Petunjuk Prestasi Utama (***Key Performance Indicators*** – KPI) mula diperkenalkan dalam Perkhidmatan Awam pada tahun 2005 melalui Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bilangan 2 Tahun 2005: Garis Panduan Bagi Mewujudkan Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama atau ***Key Performance Indicators*** (KPI). Tumpuan diberikan kepada petunjuk prestasi sebagai tanda aras keupayaan organisasi memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan sejauh mana pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan.

KPI adalah satu sistem pengukuran yang mudah, berkesan dan membantu organisasi menjelaskan dan mengawal tahap kemajuan sesuatu proses perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan selaras dengan misi dan visi sesebuah organisasi (PKPA 2005). Bagi memastikan pencapaian dan keberkesanan pelaksanaan KPI, Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan SPRM dipertanggungjawabkan untuk memantau dan menyelaras setiap pelaksanaan KPI di setiap peringkat penjawat di SPRM. Bahagian ini turut bertanggungjawab membantu Ketua Pesuruhjaya SPRM bagi memastikan setiap strategi di bawah program dan aktiviti yang dilaksanakan menjurus kepada pencapaian yang paling optimum.

RAJAH 1 : Struktur Pembangunan KPI




PEMANTAUAN DAN PENYELARASAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Pengurusan KPI SPRM 2016 adalah kesinambungan kepada pengurusan KPI SPRM 2014 dan 2015. Tahun 2016 adalah tahun ketiga pelaksanaan KPI terhadap semua penjawat di SPRM.

Penetapan KPI SPRM 2016 adalah menggunakan templat KPI yang diselaraskan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang merangkumi tiga kelompok utama iaitu tanggungjawab bersama, tanggungjawab spesifik dan keberkesanan peribadi. Setiap kelompok mempunyai nilai wajaran yang ditetapkan mengikut dimensi di setiap peringkat ***Tier*** masing-masing. Berdasarkan kepada **RAJAH 1**, struktur pembangunan dan pelaksanaan KPI SPRM 2016 bermula dari Tier 1 (Ketua Pesuruhjaya), Tier 2 (Timbalan-Timbalan Ketua Pesuruhjaya), Tier 3 (Pengarah Bahagian dan Pengarah SPRM Negeri), Tier 4 (Ketua Cawangan, Sektor, Unit, Seksyen dan Penyelia) dan Tier 5 (Pegawai dan Kakitangan atau Pelaksana).

Penetapan KPI SPRM pada tahun 2016 adalah berdasarkan keberhasilan (*outcome*) yang telah dipersetujui oleh

RAJAH 2: Pencapaian KPI Tier 1 Ketua Pesuruhjaya SPRM 2016 Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Fungsi Utama.





Mantan Ketua Pesuruhjaya SPRM menandatangani KPI 2016

Pengurusan Tertinggi SPRM. Pada 27 Januari 2016, Ketua Pesuruhjaya SPRM telah melancarkan hala tuju SPRM tahun 2016 iaitu untuk **Meningkatkan Keyakinan Masyarakat Terhadap SPRM** pada tahap **70%** yang juga dijadikan petunjuk utama dalam KPI Ketua Pesuruhjaya sebagaimana **RAJAH 2**.


Strategi untuk mencapai keyakinan masyarakat terhadap SPRM ini adalah melalui **Meningkatkan Keyakinan, Sokongan dan Kerjasama Masyarakat Terhadap SPRM.** Untuk itu, pembangunan KPI SPRM pada tahun 2016 mengambil kira peranan dan tanggungjawab setiap penjawat mengikut hiraki kepimpinan dalam SPRM ke arah mencapai peningkatan keyakinan masyarakat melalui strategi yang telah ditetapkan.

Peningkatan Keyakinan Masyarakat terhadap SPRM menjadi agenda utama dalam langkah transformasi SPRM. Peningkatan keyakinan masyarakat, diperkukuhkan melalui strategi dengan gagasan Merakyatkan SPRM, sebagai teras utama.


Kajian Persepsi Tindakan Pencegahan Rasuah oleh SPRM 2016 dari segi keyakinan masyarakat terhadap SPRM yang telah dijalankan menunjukkan peningkatan pada setiap tahun bermula dengan 31% pada tahun 2009 kepada 67.8% pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, ia sedikit menurun kepada 65.8% pada tahun 2015. Pada tahun 2016 peningkatan mendadak kepada 75% dicatatkan sebagaimana **CARTA 10**.

Faktor peningkatan tahap keyakinan masyarakat terhadap SPRM adalah kerana pelaksanaan tanggungjawab korporat melalui kebebasan, ketelusan dan profesionalisme yang telah diterapkan kepada semua peringkat pegawai dan warga kerja. Namun demikian, untuk terus mengekalkan tahap keyakinan masyarakat terhadap SPRM, ia memerlukan komitmen dan kerjasama daripada pelbagai pihak pemegang taruh (***stakeholders***) yang berkait rapat dengan institusi SPRM. Bagi tahun 2013 hingga 2015, pencapaian KPI Tier 1 sebagaimana **CARTA 11**.

CARTA 10: Tahap Keyakinan Masyarakat Terhadap SPRM (Tahun 2009-2016)



CARTA 11: Pencapaian KPI Tier 1 dari Tahun 2013 hingga 2015



Mesyuarat Mingguan dengan YBhg. Ketua Setiausaha Negara Bil.7 Tahun 2015 bertarikh 27 Mac 2015 telah memutuskan pengurusan prestasi berasaskan KPI dilaksanakan juga kepada ***Tier 2*** bagi menggantikan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) mulai tahun penilaian 2016.

Penjawat KPI di ***Tier 2*** SPRM adalah pihak pengurusan yang bertanggungjawab untuk merangka pendekatan strategik (Meningkatkan Keyakinan, Sokongan dan Kerjasama Masyarakat Terhadap SPRM) ke arah pencapaian KPI Utama SPRM. Penetapan KPI ***Tier 2*** SPRM adalah melibatkan ketiga-tiga Timbalan Ketua Pesuruhjaya yang juga peneraju kepada 3 Sektor Utama SPRM. Pencapaian kepada setiap teras strategik tersebut akan disumbangkan melalui perancangan Program/Aktiviti yang berkesan di peringkat ***Tier 3.*** Perancangan setiap Program/Aktiviti yang menjadi tanggungjawab Pengarah Bahagian dan Pengarah SPRM Negeri adalah dengan mengaplikasikan konsep ***Low Cost High Impact.*** Pada tahun 2016, pemantauan dan penilaian ke atas pencapaian KPI dilaksanakan pada setiap suku tahun seperti tahun sebelumnya.





Majlis Menandatangani KPI SPRM 2016 pada 27 Januari 2016

Transformasi Perkhidmatan Awam Malaysia

Pencapaian KPI menggantikan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dan akan menentukan perkara-perkara berikut:

- Perakuan Kenaikan Gaji Tahunan
- Perakuan Pengesahan Kenaikan Pangkat
- Perakuan Pemangkuan Ke Gred Lebih Tinggi
- Tujuan-tujuan Lain Bagi Maksud Kemajuan Kerjaya

Lawatan Delegasi *Fiji Independent Commission Against Corruption [FICAC]*



Warga BPP bersama delegasi FICAC

Pada 21 Oktober 2016, FICAC telah membuat lawatan ke SPRM untuk berkongsi pengalaman dan mendapatkan gambaran keseluruhan mengenai pelaksanaan KPI di SPRM. Mr Kemueli Khan dan Ms Paulina Rauca dari *Corruption Prevention Division, FICAC* telah bertemu dengan PPj Mohamad Samsudin Bin Sulaiman dan PPj Hadri Bin Hashim pada sesi lawatan tersebut. Antara perkongsian ilmu dan perkara yang dibincangkan adalah:

- Fungsi dan Peranan Bahagian Pemantauan Dan Penyelarasan dalam pelaksanaan KPI secara menyeluruh kepada setiap peringkat penjawat di SPRM;
- Metodologi yang digunakan dalam pelaksanaan pemantauan KPI;
- Rekabentuk dan kreativiti laporan pencapaian KPI setengah tahun dan tahunan; dan
- Tugas-tugas lain yang dilaksanakan berkaitan Inspektorat Pematuhan dan Pengurusan Kewangan.

Bengkel Pembangunan, Penyelarasan dan Penetapan KPI SPRM 2017

Pada 10 sehingga 12 November 2016, SPRM telah mengadakan Bengkel Pembangunan, Penyelarasan dan Penetapan KPI SPRM bagi tahun 2017 bertempat di MACA yang diselaraskan oleh Bahagian Pemantauan Dan Penyelarasan. Bengkel tersebut dihadiri oleh semua ***Desk Officer*** KPI dari SPRM Negeri, SPRM Bahagian dan juga Pegawai Urusetia kepada Pengurusan Tertinggi SPRM. Objektif pelaksanaan bengkel ini adalah:-

- Membincangkan Halatuju dan Aspirasi SPRM 2017 bagi mengkolerasikan dengan pembangunan dan penetapan KPI SPRM 2017;
- Menilai dan mengkaji semula pencapaian KPI 2016 agar selaras dengan keperluan sebenar penetapan KPI SPRM 2017;
- Menyelaras dan menyeragamkan semula Templat dan Kamus KPI antara SPRM Negeri dan Bahagian terutamanya yang berkaitan dengan dasar dan polisi yang melibatkan Sektor Operasi, Pencegahan dan Pengurusan; dan
- Penambahbaikan Templat dan Kamus KPI untuk meningkatkan pencapaian KPI SPRM bagi tahun 2017.







Majlis Perasmian Bengkel Pembangunan Penyelarasan dan Penetapan KPI SPRM 2017 oleh YBhg. Dato' Sri Mohd Jamidan bin Abdullah (Timbalan ketua Pesuruhjaya Pengurusan dan Professionalisme)

INSPEKTORAT PEMATUHAN

Bagi mewujudkan pematuhan undang-undang, *Standard Operating Procedure* (SOP) dan peraturan ditetapkan yang menyeluruh oleh warga kerja SPRM di setiap peringkat Bahagian dan Negeri, Naziran Inspektorat Pematuhan dilaksanakan secara berterusan mulai tahun 2015. Langkah proaktif ini dilaksanakan bagi memastikan setiap Perintah Tetap, arahan-arahan, peraturan-peraturan dan prosedur yang berkuatkuasa sentiasa dipatuhi dari semasa ke semasa. Kaedah naziran yang dilaksanakan adalah secara temubual bersemuka, pemeriksaan fizikal serta semakan fail, rekod dan dokumen yang berkaitan.

Pada tahun 2016, sebanyak 16 Pejabat SPRM Negeri dan 5 Bahagian di SPRM Ibu Pejabat iaitu Bahagian Siasatan, Bahagian Operasi Khas, Bahagian Perisikan, Bahagian Pendidikan Masyarakat serta Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan telah disemak. Naziran Inspektorat Pematuhan menfokuskan kepada kepada empat domain utama iaitu:

- Operasi yang melibatkan Pengurusan Kertas Siasatan dan Kertas Penyiasatan Awal, Pengurusan Bilik Kebal, Buku Daftar Persuratan Rahsia;
- Pencegahan yang melibatkan Pengurusan Kertas Pemeriksaan Dan Perundingan, Pengurusan Fail berkaitan *Engagement,* Ceramah dan Program Keterlibatan;
- Pengurusan Keselamatan yang melibatkan Lokap, Senjatapi, Keselamatan Perlindungan, *CCTV* dan Kad Kuasa; dan
- Pengurusan Pentadbiran yang meliputi Pematuhan Waktu Bekerja termasuk Kad Perakam Waktu serta Pengurusan Cuti.

Laporan lengkap penemuan ketidakpatuhan Naziran Inspektorat Pematuhan 2016 telah disediakan dan diedar kepada SPRM Negeri dan Bahagian yang terlibat untuk tindakan penambahbaikan bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan dan seterusnya mengukuhkan integriti setiap warga kerja SPRM dalam tugasan harian. Laporan Eksekutif telah dibentangkan kepada Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengurusan Dan Profesionalisme serta diedarkan kepada Pengurusan Tertinggi.



Naziran Inspektorat Pematuhan di SPRM Sabah pada 3 dan 4 Mei 2016



Naziran Inspektorat Pematuhan di SPRM Wilayah Persekutuan Labuan pada 5 dan 6 Mei 2016

PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN

Fungsi pemantauan dan penyelarasan juga dilaksanakan terhadap prestasi Pengurusan Kewangan di SPRM Ibu Pejabat, Negeri dan Cawangan yang menjadi Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk memastikan teguran ketidakpatuhan berkurang dan mengelakkan kesalahan berulang demi mencapai skor peratusan ketidakpatuhan yang minima. Pengurusan Kewangan adalah komponen penting tadbir urus dan akauntabiliti dalam pengukuran KPI. Ia juga menjadi penyumbang utama yang boleh mempengaruhi persepsi dan keyakinan masyarakat terhadap SPRM. Langkah proaktif SPRM ini adalah sebagai usaha bagi memantapkan dan membuat penambahbaikan terhadap pengurusan kewangan yang diselaraskan oleh Bahagian Pemantauan Dan Penyelarasan.


Prestasi Indeks Akauntabiliti SPRM

Pada tahun 2016, SPRM melalui Bahagian Pemantauan Dan Penyelarasan telah mengambil tindakan proaktif dengan menubuhkan dan mengetuai satu Pasukan Naziran Pengurusan Kewangan yang dianggotai oleh Penolong Pegawai Tadbir yang mempunyai kapabiliti dan kompetensi tinggi dari SPRM Negeri untuk melaksanakan Pengauditan Pengurusan Kewangan di Ibu Pejabat SPRM sebelum Jabatan Audit Negara (JAN) menjalankan pengauditan.

Objektif penubuhan Pasukan Audit bagi Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti (AI) adalah untuk menjalankan pemeriksaan serta mengenalpasti kelemahan yang sedia ada di Bahagian yang berkenaan serta menjadi tumpuan utama Pengauditan AI sebelum semakan oleh JAN dilaksanakan. Seterusnya pasukan ini akan memastikan setiap cadangan penambahbaikan terus dilaksanakan bagi memantapkan dan mengambil tindakan pembetulan segera terhadap segala kelemahan yang dikenalpasti.

Pada 18 hingga 22 Januari 2016, Pasukan Audit AI telah menjalankan Pengauditan Pengurusan Kewangan di Bahagian Kewangan, Akaun dan Pembangunan serta bahagian yang lain. Pengauditan Pengurusan Kewangan yang dilaksanakan oleh pasukan ini membolehkan Ibu Pejabat SPRM dapat meningkatkan pematuhan terhadap peraturan kewangan dan prosedur yang berkuatkuasa. Hasil pengauditan dalaman yang dilaksanakan menunjukkan peningkatan terhadap skor Indeks Akauntabiliti SPRM daripada 85.29% (4 Bintang) pada tahun 2014 kepada 92.02% (5 Bintang) bagi tahun 2015. **CARTA 12** menunjukkan pencapaian prestasi Indeks Akauntabiliti bagi tahun 2014 hingga 2015.

CARTA 12 :
Pencapaian Prestasi Indeks Akauntabiliti Tahun 2014 - 2015




Prestasi Pengurusan Kewangan PTJ SPRM

SPRM Negeri dan Cawangan yang menjadi Pusat Tanggungjawab (PTJ) setiap tahun akan dipilih secara rawak oleh Bahagian Audit Dalam, Jabatan Perdana Menteri (BADJPM), untuk dilaksanakan pengauditan Pengurusan Kewangan dan skor pematuhan akan diberikan.

Pasukan Audit Pengurusan Kewangan SPRM dengan objektif yang sama seperti Pasukan Audit AI SPRM telah membuat pengauditan sebelum kehadiran BADJPM. Sepanjang tahun 2016, BADJPM telah memilih empat daripada enam PTJ SPRM yang telah diaudit oleh Pasukan Audit SPRM iaitu Sabah, SPRM Negeri Pahang, SPRM Negeri Kedah dan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). Hasil Pengauditan yang dilaksanakan oleh Bahagian ini telah menunjukkan pencapaian yang membanggakan, apabila keputusan laporan diterima daripada BAD JPM.

Berasaskan laporan BADJPM, prestasi PTJ SPRM Kedah ialah 86.61% (Baik), PTJ SPRM Pahang ialah 90.00% (Cemerlang), PTJ SPRM Sabah ialah 93.85% (Cemerlang) dan PTJ MACA ialah 78.54% (memuaskan). **CARTA 13** menunjukkan prestasi pengurusan kewangan PTJ SPRM 2016.

CARTA 13 :
Prestasi Pengurusan Kewangan PTJ SPRM 2016




Prestasi Pematuhan eSPKB PTJ SPRM

Pemantauan dan penyelarasan yang dilaksanakan secara berkala di setiap peringkat memberi kesan yang cukup positif. Sesi pemantauan dan penyelarasan turut menjadi medan pengukuhan semangat kerja berpasukan, selain dari sesi percambahan ilmu dan penambahbaikan kepada setiap proses pelaksanaan KPI turut dilaksanakan.

CARTA 14 menunjukkan Prestasi Pematuhan eSPKB PTJ SPRM 2016. Pengurusan pemantauan dan penyelarasan KPI, Inspektorat Pematuhan dan Pengurusan Kewangan yang cekap dan berkesan bukan sahaja memberi faedah kepada warga kerja malahan kepada SPRM untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh pihak Pengurusan Tertinggi SPRM. Dalam pelaksanaan KPI, Inspektorat Pematuhan dan Pengauditan Pengurusan Kewangan ini, antara nilai-nilai positif yang mahu diterapkan kepada warga kerja SPRM adalah seperti berikut:-

- Budaya kesetiaan kepada SPRM khususnya dan negara amnya tanpa berbelah bahagi;
- Budaya kerja cemerlang dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab, menjauhi perlakuan jenayah rasuah dan pelanggaran tatakelakuan;
- Budaya mementingkan integriti dalam memupuk nilai-nilai murni, tadbir urus terbaik dan akauntabiliti;;
- Budaya mempamerkan profesionalisme dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab korporat;
- Budaya mementingkan dan menguruskan masa untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran; dan
- Budaya kekuatan jatidiri dalam menghadapi persekitaran kerja yang berisiko dan mencabar.


CARTA 14 : Prestasi Pematuhan eSPKB PTJ SPRM 2016





KHIDMAT PENGURUSAN

1 KHIDMAT PENGURUSAN



PENGUKUHAN ORGANISASI

Secara keseluruhannya, bilangan penjawatan di SPRM pada tahun 2016 adalah sebanyak 2,937, dengan pengisian perjawatan sebanyak 2556 atau 87%. Daripada jumlah tersebut, 1,743 jawatan adalah perjawatan pegawai SPRM manakala baki sebanyak 813 adalah dalam kalangan pegawai gunasama. Pecahan penjawatan adalah seperti **JADUAL 17**.

JADUAL 17: Perjawatan SPRM Bagi Tahun 2016

KUMPULAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KOSONG
Pengurusan Tertinggi Pegawai SPRM	23	20	3
Pengurusan Tertinggi Pegawai Gunasama	5	3	2
Pengurusan & Profesional Pegawai SPRM	711	530	181
Pengurusan & Profesional Pegawai Gunasama	136	101	35
Sokongan I Pegawai SPRM	1,286	1,193	93
Sokongan I Pegawai Gunasama	532	486	46
Sokongan II Pegawai Gunasama	244	223	21
JUMLAH KESELURUHAN	**2,937**	**2,556**	**381**
PERATUS PENGISIAN (%)	**100**	**87.0**	**13.0**

Bilangan ini adalah berdasarkan kepada Waran Perjawatan A198 Tahun 2016 dan Waran Perjawatan A259 tahun 2016 yang telah berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016.

Rasionalisasi Skim Perkhidmatan bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia telah diperkenalkan oleh Kerajaan pada 1 Julai 2016 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016, yang bertujuan untuk memperkemaskan pengurusan skim perkhidmatan bagi menarik dan mengekal modal insan terbaik, mewujudkan fleksibiliti dalam urusan perkhidmatan, menambah baik mobiliti dan kemajuan kerjaya serta mengemas kini syarat lantikan supaya relevan dengan keperluan semasa. Sehubungan itu, SPRM telah menangguhkan cadangan penambahan jawatan bagi tahun 2016 untuk dikaji semula pada tahun 2017.

Pengukuhan organisasi ini juga menyumbang kepada pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ketua Pesuruhjaya tahun 2016 di mana SPRM telah berjaya mengisi lebih 87% dari jumlah perjawatan. Pengisian perjawatan ini seterusnya memberi sokongan kepada keperluan tenaga kerja yang diperlukan bagi melancarkan aktiviti operasi, program pencegahan dan pengurusan di Ibu Pejabat, Negeri dan Cawangan.

87%
perjawatan telah berjaya diisi

PENEMPATAN PEGAWAI SPRM KE AGENSI LUAR

SPRM telah menempatkan Pegawai Integriti Bertauliah atau lebih dikenali sebagai *Certified Integrity Officer* (CeIO) secara kader di 35 Kementerian, Jabatan dan juga agensi awam terpilih berdasarkan penarafan risiko tinggi dan sederhana. Penempatan CeIO ini merupakan suatu sistem kawalan dalaman organisasi berkenaan dan menjadi pelengkap kepada usaha memperkasakan integriti dalam memerangi rasuah dan salah guna kuasa.

PENINGKATAN KERJAYA PEGAWAI SPRM

SPRM telah melakukan penambahbaikan terhadap komponen dan wajaran asas penilaian bagi kenaikan pangkat pada tahun 2016 dengan menggantikan Indikator Perwatakan Unggul (IPU) kepada Peperiksaan. Penambahbaikan berkenaan adalah sebagai usaha untuk mengukuhkan saringan sedia ada yang telah digunapakai sejak 17 Julai 2013 dan telah diluluskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA) pada 12 Januari 2016.

KOMPONEN DAN WAJARAN ASAS PENILAIAN YANG BAHARU





Calon-calon sedang menduduki peperiksaan



Calon-calon sedang membentangkan tugasan kepada panel penilai



Pembentangan calon dalam Sesi Penilaian Pengurusan Tertinggi

Penilaian tersebut masih mengekalkan markah keseluruhan penilaian kepada 85 peratus dan penilaian ini digunapakai untuk menyaring calon bagi urusan pemangkuan P32 sehingga P54. Aspek yang dinilai oleh Pengurusan Tertingi termasuk kepimpinan, komunikasi, penyelesaian masalah, pengetahuan, kerja secara berpasukan, orientasi pencapaian, disiplin, perancangan dan perlaksanaan, fleksibiliti dan kematangan emosi. Sepanjang tahun 2016, SPRM telah melaksanakan tujuh pusat penilaian bagi urusan pemangkuan.

Pemangkuan Pegawai Siasatan dan Penolong Pegawai Siasatan pada tahun 2016

Pada tahun 2016, urusan pemangkuan dilakukan dua kali setahun iaitu pada Februari hingga Jun, dan November hingga Disember. SPRM turut melaksanakan pemangkuan bagi jawatan pengurusan tertinggi bagi mengisi jawatan-jawatan utama berdasarkan waran perjawatan semasa seperti berikut:

		CALON	BERJAYA
P52	P54	43	43
P48	P52	68	42
P44	P48	73	58
P41	P44	93	93
P29/32/38	P42	79	33
P32	P38	117	16
P29	P32	111	42

Penilaian Pemangkuan Pengurusan Tertinggi

Pelaksanaan pemangkuan pengurusan tertinggi untuk menjadi sebuah organisasi yang dinamik, progresif dan bertaraf dunia yang juga ianya dapat memberi impak kepada pengukuhan organisasi dalam mencapai visi dan misi SPRM.

		CALON	BERJAYA
JUSA B	JUSA A	2	2
JUSA B	JUSA A (KUP)	1	1
JUSA C	JUSA B	2	2
JUSA C	JUSA B (KUP)	2	2
P54	JUSA C	6	6

SARINGAN KE LALUAN KERJAYA SECARA PANTAS (*FAST TRACK*)

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah melaksanakan projek rintis Laluan Kerjaya Secara Pantas pada bulan Jun hingga Ogos 2016 melibatkan beberapa agensi yang terpilih termasuk SPRM melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2016 pada bulan Disember 2016. Kemajuan kerjaya ini bagi pengiktirafan kepada pegawai awam yang berpotensi untuk kenaikan pangkat bagi mengisi jawatan-jawatan strategik.

Seramai 38 pegawai kanan SPRM yang terdiri daripada tiga pegawai gred P54, sembilan pegawai gred P52 dan 26 pegawai gred P48 telah dicalonkan ke Tapisan Pihak Ketiga yang dijalankan oleh JPA. Pencalonan pegawai berkenaan dibuat berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh Pengurusan Tertinggi SPRM iaitu mencapai markah purata LNPT 3 tahun terkini 90 peratus dan ke atas, mencapai markah potensi A+ dan A serta berumur 45 tahun pada bulan Jun 2016.

PELAKSANAAN HRMIS

Pelaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) merupakan salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dilaksanakan sejak tahun 2007 ke atas Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) termasuk Ketua Pesuruhjaya SPRM.

Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS Bil. 1/2016 anjuran JPA pada 13 Mei 2016, SPRM telah dianugerahkan pengiktirafan lima bintang atas pencapaian cemerlang KPI HRMIS bagi Tahun 2015. Secara keseluruhannya, SPRM merupakan antara 12 agensi yang telah berjaya mendapat markah keseluruhan 99.71%. Berdasarkan kedudukan 53 buah agensi, SPRM telah berjaya mendapat tempat ke 11. Manakala bagi Kategori 4 (Perjawatan < 10,000), SPRM telah berjaya mendapat tempat ke 10.

Bagi pencapaian keseluruhan tahun 2016, prestasi pelaksanaan HRMIS mengikut kriteria-kriteria yang dinilai adalah seperti **JADUAL 18**.

JADUAL 18: Prestasi Pelaksanaan HRMIS Bagi Tahun 2016

MODUL / SUB MODUL	PENCAPAIAN (%)
Pengemaskinian Data Perjawatan: Perbandingan Bilangan Perjawatan Di Antara HRMIS Dan MyPost	100% (KPI dikira sehingga 31 Januari 2017)
Pemurnian Data bagi 21 elemen di Data Perjawatan, Rekod Peribadi Dan Profil Perkhidmatan di HRMIS	100%
Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT)	100% (KPI dikira sehingga 14 Februari 2017)
Sasaran Kerja Tahunan (SKT)	100%
Perisytiharan Harta	100%
Pelaksanaan Penamatan Perkhidmatan Melalui HRMIS Bagi : i. Penamatan Perkhidmatan Paksa – Persaraan Kerana Mencapai Umur 55/56/58/60 Tahun; ii. Penamatan Perkhidmatan Sukarela – Persaraan Pilihan; dan iii. Kematian Dalam Perkhidmatan	100%

USAHA-USAHA MENINGKATKAN KUALITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

HARI BERTEMU PELANGGAN



Antara warga SPRM yang hadir semasa Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan di Ruang Legar Aras 5, Ibu Pejabat SPRM.

Hari Bertemu Pelanggan telah diadakan pada 19 Mei 2016 bertempat di Ruang Legar Aras 5, Ibu Pejabat SPRM. Objektif utama Hari Bertemu Pelanggan ini adalah untuk menyediakan ruang dan peluang kepada semua warga SPRM bagi mendapatkan khidmat nasihat, maklum balas dan perkara-perkara lain berkaitan dengan pengurusan sumber manusia dan kewangan seperti semakan HRMIS, Buku Rekod Perkhidmatan, pinjaman perumahan, kenderaan dan telefon, semakan tuntutan serta bayaran dan lain-lain lagi.

KONVENSYEN SUMBER MANUSIA

Satu Mesyuarat dan Konvensyen Sumber Manusia SPRM telah diadakan pada 22 hingga 24 November 2016 bertempat di Pusat Belia Antarabangsa, Cheras yang telah dihadiri seramai 50 orang pegawai SPRM dengan objektif seperti berikut:

a. Mengenalpasti isu-isu berbangkit dalam pengurusan sumber manusia dan mencari resolusi bagi mengatasi isu-isu tersebut di peringkat Ibu Pejabat dan SPRM Negeri;

b. Meningkatkan kefahaman dan memberi pengetahuan mengenai peraturan, prosedur dan sistem kerja yang perlu diamalkan oleh pengurus sumber manusia; dan

c. Memberi peluang kepada semua pengurus sumber manusia di Ibu Pejabat dan Negeri untuk berkongsi pendapat dan bertukar-tukar pandangan mengenai perkara-perkara berkaitan pengurusan sumber manusia serta membentuk jaringan (*networking*) di kalangan semua pengurus sumber manusia di Ibu Pejabat dan Negeri.



Para peserta Konvensyen Sumber Manusia tekun mendengar penerangan daripada Penceramah Jemputan

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN ANUGERAH KHAS KETUA PESURUHJAYA (AKPJ) TAHUN 2015 SPRM

Sebagai menghargai pencapaian dan prestasi cemerlang pegawai, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) SPRM bagi tahun 2015 telah diadakan pada 31 Mac 2016 (Khamis) bertempat di Dewan Serbaguna, Aras B2, Kompleks D, Putrajaya. Majlis yang telah disempurnakan oleh Mantan Ketua Pesuruhjaya SPRM ini meraikan seramai 203 orang pegawai penerima APC manakala 25 pasukan penerima

203
penerima APC





Para penerima anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bergambar kenangan bersama pihak Pengurusan Tertinggi SPRM



Penerima AKPJ daripada Kumpulan Inspektorat Penyeragaman Sistem SPKJ



Penerima AKPJ daripada Kumpulan Inspektorat HRMIS

AKPJ. Pasukan HRMIS *Inspectorate Team* daripada BKP telah menerima Anugerah Khas Ketua Pesuruhjaya SPRM di atas kejayaan mengekalkan pencapaian 100% Petunjuk Prestasi (KPI) HRMIS pada tahun 2015.

25 penerima AKPJ

PROGRAM LATIHAN UNTUK KUMPULAN PELAKSANA

Dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan Pegawai Kumpulan Pelaksana, beberapa program berbentuk latihan dan kursus telah diadakan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). Antara kursus berimpak tinggi yang dilaksanakan pada tahun 2016 ialah:

a) Bengkel Sistem Pengurusan Stor (SPS) SPRM

Bengkel SPS dengan Kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia telah diadakan pada 7 dan 8 September 2016 dan dihadiri oleh semua pegawai stor daripada Ibu Pejabat SPRM dan SPRM Negeri. Bengkel SPS ini diadakan bertujuan seperti berikut :

- Mengurus stor menggunakan satu sistem yang *standard*;
- Memudahkan pemantauan kod klasifikasi stok yang *standard*;
- Meningkatkan mutu pengurusan stor;
- Memastikan stok di dalam kawalan yang maksimum; dan
- Pemantauan stok dapat dilaksanakan secara serta-merta.

b) Sesi Pembelajaran Dalaman

Sesi Pembelajaran Dalaman dilaksanakan untuk memberi pendedahan mengenai tugas-tugas yang dijalankan di samping memenuhi keperluan latihan bagi mencapai sasaran tujuh hari berkursus dalam setahun. Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005, sebanyak 15 sesi (40 jam) latihan telah berjaya diadakan. Objektif latihan adalah seperti berikut:

- Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mengenai fungsi dan peranan dalam menjalankan tugas seharian;
- Memberi pendedahan kepada pegawai dan kakitangan di SPRM mengenai kaedah-kaedah pelaksanaan tugas yang sedang diamalkan di organisasi lain sebagai panduan.
- Meningkatkan tahap kefahaman mengenai prosedur kerja, arahan-arahan dan Pekeliling/Surat Pekeliling bagi setiap peringkat kerja di cawangan/Bahagian.



Taklimat Penampilan Diri & Imej PA oleh Encik Mohamad Ridwan bin Mustafa daripada RM Fitness & Event

PERSARAAN PEGAWAI SPRM

Seramai 50 orang pegawai SPRM telah bersara pada tahun 2016 sebagaimana **JADUAL 19**. Sehubungan dengan itu, satu majlis untuk meraikan persaraan mereka telah diadakan pada 14 Oktober 2016 bertempat di The Everly Hotel, Putrajaya yang bertemakan "Sejambak Kasih, Segunung Intan"

Majlis ini telah disempurnakan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM dan turut dihadiri oleh Yayasan Anti Rasuah Malaysia (YARM), Persatuan Bekas Pegawai SPRM, Jawatankuasa Aduan SPRM, Pengarah-pengarah Bahagian/Negeri dan pegawai-pegawai kanan SPRM.

JADUAL 19: Statisitik Persaraan Pegawai 2016

PERSARAAN	BILANGAN PEGAWAI
Wajib	41
Pilihan Sendiri	8
Pencen Terbitan	1
Atas Sebab Kesihatan	-
JUMLAH	**50**

Penghargaan terhadap pegawai yang bersara juga memberi impak kepada SPRM sebagai sebuah organisasi yang prihatin dan menghargai pegawai yang telah berkhidmat dan berbakti kepada SPRM. Hubungan baik yang berterusan antara SPRM dan pesara boleh mendokong usaha pencegahan rasuah dengan menjadi agen penghubung kepada pihak luar.



Para pesara bergambar kenangan bersama barisan Pengurusan Tertinggi SPRM.



Acara pelengkap dan simbolik semasa majlis Istiadat Paluan Berundur Pengurusan Tertinggi SPRM

ISTIADAT PALUAN BERUNDUR YBHG. TAN SRI ABU KASSIM BIN MOHAMED, YBHG. DATO' SRI HAJI MOHD SHUKRI ABDULL DAN YBHG. DATO' SRI HAJI MUSTAFAR ALI

Satu Majlis Istiadat Paluan Berundur bagi meraikan persaraan Pengurusan Tertinggi SPRM, iaitu YBhg. Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, mantan Ketua Pesuruhjaya, YBhg. Dato' Sri Haji Mohd Shukri Abdull, mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) dan YBhg. Dato' Sri Haji Mustafar Ali, mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), telah diadakan pada 29 Julai 2016 bertempat di Ibu Pejabat SPRM, Blok D6, Kompleks D, Putrajaya.

Dalam majlis yang penuh istiadat tersebut, YBhg. Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed telah dianugerahkan gelaran "Tokoh Transformasi SPRM", YBhg. Dato' Shukri pula sebagai "Tokoh Kesateria SPRM", manakala YBhg. Dato' Sri Haji Mustafar sebagai "Tokoh Integriti SPRM". Gelaran tersebut dianugerahkan berdasarkan jasa serta usaha dan pengorbanan pegawai-pegawai berkenaan kepada SPRM khususnya.



"Tokoh Transformasi SPRM", "Tokoh Kesateria SPRM" dan "Tokoh Integriti SPRM"

PELANTIKAN KETUA PESURUHJAYA SPRM BAHARU

YBhg. Datuk Dzulkifli bin Ahmad telah dilantik sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM baharu menggantikan YBhg. Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed berkuatkuasa pada 1 Ogos 2016. Beliau sebelum ini memegang jawatan sebagai Pengarah Pasukan Penguatkuasaan Pemulihan Hasil Negara, Jabatan Peguam Negara dan berpengalaman luas dalam mengendalikan kes-kes berprofil tinggi.

a) Istiadat Angkat Sumpah YBhg. Datuk Dzulkifli bin Ahmad, Ketua Pesuruhjaya SPRM

YBhg. Datuk Dzulkifli bin Ahmad yang dilantik sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM, telah mengangkat sumpah di hadapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah di Istana Negara pada 23 Ogos 2016.

Turut hadir di majlis tersebut adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri YB Dato' Razali Ibrahim, dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM (Pengurusan & Professionalisme) Dato' Sri Jamidan Abdullah.



YBhg. Datuk Dzulkifli bin Ahmad ketika mengetik kad perakam waktu buat kali pertama sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM



YBhg. Datuk Dzulkifli bin Ahmad ketika Majlis Angkat Sumpah



YBhg. Datuk Dzulkifli bin Ahmad bergambar berkumpulan bersama Yang di-Pertuan Agong

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

MAJLIS PENYERAHAN KENDERAAN STATUS LUPUS KEPADA MADRASAH AL-QURAN SYAZWAN, KUALA LUMPUR

Pada 13 Januari 2016, satu Majlis Penyerahan Kenderaan Status Lupus, iaitu sebuah van Inokom daripada SPRM kepada Madrasah Tahfiz Al-Quran Syazwan, Kuala Lumpur telah diadakan. Van berkenaan telah dimanfaatkan sepenuhnya untuk kegunaan harian dan aktiviti pelajar. Pelajar-pelajar di Madrasah tersebut juga telah dijadikan anak angkat SPRM.



Van Inokom yang diserahkan kepada Madrasah Tahfiz Al-Quran Syazwan, Kuala Lumpur



Sesi penyerahan van Inokom yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Mohd Jamidan bin Abdullah kepada penaung Maahad.

MAJLIS BERSAMA JABATAN: PEMANGKIN HUBUNGAN HARMONI PEKERJA & PENGURUSAN

Selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2002 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1992, SPRM telah berjaya melaksanakan mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) sebanyak empat kali setahun dan menyelesaikan kesemua 20 isu yang dibangkitkan.

MBJ adalah landasan terbaik bagi saluran dua hala antara pihak pekerja dan pihak pengurusan untuk berkomunikasi dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea demi kepentingan dan kebaikan sesuatu organisasi. Di SPRM, majlis ini dianggotai oleh 15 orang wakil daripada pihak pengurusan dan 30 wakil pihak pekerja yang terdiri dari kumpulan pelbagai gred.

Impak utama daripada program dan aktiviti dalam MBJ ialah peningkatan hubungan pintar antara majikan dan pekerja bagi meningkatkan prestasi pegawai dan organisasi. Ia juga menyumbang kepada peningkatan pencapaian KPI SPRM, terutamanya KPI Ketua Pesuruhjaya.



Mantan Ketua Pesuruhjaya SPRM sedang mempengerusikan Mesyuarat MBJ.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN BAHAGIAN PENGURUSAN REKOD, TEKNOLOGI DAN MAKLUMAT

PERTANDINGAN 24 JAM MEMBANGUNKAN APLIKASI MUDAH ALIH KERAJAAN

Pada 17 Februari 2016, Seminar APPGENATION dan penyampaian hadiah Pertandingan 24 Jam Membangunkan Aplikasi Mudah Alih Kerajaan telah diadakan di Auditorium Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM), Cyberjaya. Program yang dianjurkan oleh pihak MAMPU dibawah Projek 1Gov Appstore ini bertujuan menghasilkan aplikasi mudah alih perkhidmatan kerajaan dalam tempoh 24jam tanpa henti dan terbuka kepada semua penjawat awam di jabatan/ agensi kerajaan.

Sebanyak 50 pasukan dari pelbagai jabatan/agensi telah menyertai pertandingan ini yang telah diadakan bermula 1 Disember 2016. Hanya 40 pasukan yang berjaya menyertai pertandingan ini hingga tamat masa pertandingan pada 2 Disember 2016. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia diwakili oleh pasukan T-CARe terdiri daripada PsK Ahmad Faiz bin Hasan, PsK Dewi Mariati binti Mahmud, PsK Budi Hermawan bin Saka dan PKPs Saiful Azri bin Mohammad dari Cawangan Aplikasi Rekod (BPRTM). Pasukan ini diketuai oleh KPKPj Dato' Nor Azmi bin Karim dan diselia oleh PPj Suzana binti Alias.

Aplikasi yang dibangunkan pasukan T-CARE telah berjaya disenarai pendek untuk memasuki pusingan akhir. Pasukan ini telah dinobatkan sebagai naib johan bagi Pertandingan 24 Jam Membangunkan Aplikasi Mudah Alih Kerajaan (APPGENATION) dan seterusnya berjaya membawa pulang wang tunai sebanyak RM3,000.00, piala dan sijil penghargaan. Hadiah berkenaan telah disampaikan oleh Ketua Pengarah MAMPU, Dato' Sri Zainal Rahim Seman.




KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN

2 BAHAGIAN KEWANGAN, AKAUN DAN PEMBANGUNAN


Bahagian Kewangan, Akaun dan Pembangunan (BKAP) bertanggungjawab memastikan perbelanjaan mengurus digunakan dengan cermat dan berhemah selaras dengan peraturan yang sedang berkuatkuasa. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan sesuatu program/aktiviti dibuat berdasarkan jumlah peruntukan yang telah diluluskan dan tidak melebihi peruntukan. Bagi mengelakkan pembaziran, peruntukan telah dilaksanakan berdasarkan perancangan yang telah dibuat.

Peruntukan mengurus tahun 2016 adalah yang paling rendah sejak tahun 2013 dengan pengurangan sebanyak 7.30% dari tahun sebelumnya seperti di bawah. Perbandingan jumlah peruntukan mengurus yang diterima dari tahun 2013 hingga 2016 seperti **CARTA 15**. Dalam mengurus pembelanjaan pula BKAP telah berjaya mengekalkan prestasi perbelanjaan sebanyak 97.45% bagi tahun 2016. **CARTA 16** menunjukkan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Tahun 2016.

CARTA 15: Peruntukan Mengurus Yang Diterima dari Tahun 2013 hingga 2016



CARTA 16: Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Tahun 2016



PEMATUHAN PRESTASI PEMBAYARAN BIL DALAM TEMPOH 14 HARI (AP 103)

SPRM telah berjaya menyelesaikan bil yang lengkap sebagaimana Arahan Perbendaharaan 103 sebanyak 98.41% iaitu peningkatan sebanyak 1.25% dari tahun lepas.








PENGURUSAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN YANG CEKAP

SPRM mendapat peruntukan pembangunan sebanyak RM9,214,036.79 dengan perbelanjaan sebanyak RM9,025,319.00 atau 97.95%. Pecahan Pengurusan Peruntukan pembangunan adalah seperti **CARTA 17**.

CARTA 17 :Pecahan Peruntukan PembangunanTahun 2016





Pembinaan Ibu Pejabat SPRM Baru di Presint 7 Putrajaya




Majlis Pecah Tanah Serta Gambar Kerja Di di Tapak Projek Komplek Pejabat SPRM Terengganu





Kemajuan Kerja-kerja di tapak Projek Kompleks SPRM Selangor


PENGURUSAN ASET ALIH DAN ASET TAK ALIH SPRM 2016
JUMLAH ASET ALIH
RM88,674,145.32
(33,542 unit)
Harta Modal :
RM72,553,973.31
(13,057 unit)
Aset Alih Bernilai Rendah :
RM16,120,172.01
(20,485 unit)
JUMLAH ASET TAK ALIH
RM860,563,261.40
Tanah :
RM451,957,827.81
Bangunan :
RM408,605,433.59



SENARAI CARTA, JADUAL DAN RAJAH

SENARAI CARTA

BIL	TAJUK CARTA	MUKA SURAT
1	Keputusan Kajian Semula Kertas Siasatan (KS)	15
2	Punca Penerimaan Maklumat Tahun 2016	32
3	Perbandingan Tindakan Terhadap Maklumat Berunsur Rasuah Tahun 2015 dan 2016	33
4	Pertuduhan Mengikut Kategori	55
5	Keputusan Kes Perbicaraan di Mahkamah Rendah Tahun 2015 Dan 2016	55
6	Keputusan Kes Rayuan di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan Tahun 2016	56
7	Keputusan Kes Perlucuthakan Harta Tahun 2015 dan 2016	56
8	Jumlah keseluruhan penandatangan Ikrar Integriti Korporat sejak Tahun 2010 hingga 2016	74
9	Bilangan tahanan Lokap Ibu Pejabat SPRM pada Tahun 2016	145
10	Tahap Keyakinan Masyarakat Terhadap SPRM (Tahun 2009-2016)	156
11	Pencapaian KPI Tier 1 dari Tahun 2013 hingga 2015	156
12	Pencapaian Prestasi indeks Akauntabiliti Tahun 2014 - 2015	160
13	Prestasi Pengurusan Kewangan PTJ SPRM 2016	161
14	Prestasi Pematuhan eSPKB PTJ SPRM 2016	162
15	Peruntukan Mengurus Yang Diterima dari Tahun 2013 hingga 2016	178
16	Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Tahun 2016	178
17	Pecahan Peruntukan Pembangunan Tahun 2016	179

SENARAI RAJAH

BIL	TAJUK RAJAH	MUKA SURAT
1	Struktur Pembangunan KPI	154
2	Pencapaian KPI Tier 1 Ketua Pesuruhjaya SPRM 2016 Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Fungsi Utama.	155

SENARAI JADUAL

BIL	TAJUK JADUAL	MUKA SURAT
1	Jumlah Maklumat diterima Tahun 2016	33
2	Pembukaan Kertas Siasatan Mengikut Jenis-jenis Kesalahan Tahun 2015 dan 2016	34
3	Perbandingan Tangkapan Berdasarkan Kategori Perjawatan Tahun 2015 dan 2016	35
4	Perbandingan Tangkapan Mengikut Jenis Kesalahan Tahun 2015 dan 2016	35
5	Perbandingan permohonan Tapisan Keutuhan Tahun 2015 Dan 2016	36
6	Tempoh Proses Permohonan Tapisan Keutuhan Tahun 2015 Dan 2016	37
7	Statistik Penyitaan Dan Lucuthak Tahun 2015 dan 2016	51
8	Statistik Penyitaan Dan Lucuthak Mengikut Akta pada Tahun 2016	51
9	Statistik Laporan SPRM Mengikut Kesalahan Bagi Tahun 2016	51
10	Jumlah Laporan SPRM Mengikut Kumpulan bagi Tahun 2016	52
11	Statistik Keputusan Laporan SPRM Mengikut Hukuman bagi Tahun 2016	52
12	Lain-lain Hukuman yang Tidak Disenaraikan di Bawah Peraturan Tatatertib bagi Tahun 2016	52
13	Pembentangan Kertas Kerja/ Menghadiri Mesyuarat dan Kursus di arena Antarabangsa tahun 2016	127
14	Lawatan Delegasi Luar ke SPRM pada Tahun 2016	129
15	Tugas pengiringan pada Tahun 2016	146
16	Rondaan Keselamatan Ibu Pejabat SPRM pada Tahun 2016	146
17	Perjawatan SPRM Bagi Tahun 2016	164
18	Prestasi Pelaksanaan HRMIS Bagi Tahun 2016	168
19	Statisitik Persaraan Pegawai 2016	172